

**Jilid IV
No. 33**



**Hari Ithnin
12hb Februari, 1968**

PERBAHATHAN PARLIMEN DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KEEMPAT

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5033]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

**Jawatan-kuasa Perbekalan [Hari Yang Ketujuh]—
Kepala² B. 17, B. 18 dan B. 19 [Ruangan 5065]**



MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Ithnin, 12hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10.00 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Teluk Anson).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri, TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).

Yang Berhormat TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).

„ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).

„ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).

„ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).

„ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

„ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).

„ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN, A.M.N. (Sarawak).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID (Johor Bahru Timor).

Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).

„ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).

„ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

„ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMMAD (Kota Star Selatan).

Yang Berhormat TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S.
(Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

„ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).

„ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).

„ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
 „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
 „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
 „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR :

- Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
 Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
 (Kuala Kedah).
 „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal
 Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan
 Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO'
 HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
 „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
 (Melaka Tengah).
 „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom,
 Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
 „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
 (Kedah Tengah).
 „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN,
 J.P. (Larut Selatan).
 „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
 TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
 „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
 TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
 „ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.
 (Kelang).
 „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan,
 Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN
 (Kubang Pasu Barat).
 „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI
 MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
 „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
 BIN AWANG OSMAN (Kota Star Utara).
 „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
 TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
 „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
 TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
 „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
 „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
 „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
 „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
 di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
 „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
 P.I.S. (Segamat Utara).
 „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
 „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
 „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
 „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).

Yang Berhormat DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

„ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

„ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).

„ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

JAWATAN PENYELIA SEKOLAH DEWASA

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, menerangkan ada-kah jawatan Penyelia Sekolah Dewasa itu suatu jawatan sementara atau tetap.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Dato' Yang di-Pertua, jawatan Penyelia² Pelajaran Dewasa ada-lah jawatan sambilan. Mereka yang dilantek sa-bagai Penyelia² Pelajaran Dewasa tidak di-beri taraf saperti

pegawai² Kerajaan, sama ada Pegawai Tetap atau pun Pegawai Sementara. Mereka di-bayar elaun bulanan dan boleh di-berhentikan pada bila² masa pun.

ALLOCATION OF DEVELOPMENT FUNDS TO STATES

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga asks the Minister of Finance to state:

- (a) how much development fund has been allocated to each Malaysian State for the year of 1968;
- (b) how much development fund spent by each State in 1967;
- (c) which State got the most and why;
- (d) which is the most developed State; and
- (e) how much development fund has been unspent and refunded by the State of Sarawak since its entry to Malaysia.

Menteri Muda Kewangan (Dr Ng Kam Poh) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in reply to (a), (b) and (c)—Federal Government development funds are appropriated to Ministries/Departments, not to individual States. The amount appropriated to any particular Ministry/Department depends on the specific development tasks entrusted to be carried out throughout the country. For 1968, in the case of Sarawak and Sabah the sums of \$81.5 million and \$65.7 million respectively have been proposed while in the States of West Malaysia the allocation averages \$64 million to each State. On the details sought of development expenditure in 1967 State by State the final accounts for the year have yet to be finalised. When they are, full details will be published in the Financial Statements, 1967.

The distribution of development funds among competing projects is governed primarily by consideration of benefits relative to costs, the economic justification of projects and the ranking in terms of overall priorities and not on a State basis. Further, in the case of a number of services like the development of telecommunications facilities, radio and television and provision of defence facilities, these cover a far wider area than the States in which the projects happen to be located. It is, therefore, not meaningful to suggest that any particular State was allocated the most funds.

(d) and (e)—On that part of the question which asks which is the most developed State in the Federation, the answer will vary according to the index or measure of development one has in mind.

Unspent provisions under the Development Estimates are not re-funded, but it is true that according to financial regulations any provision remaining unspent at the end of any year for the purpose it was appropriated lapses. It is, however, the policy of the Government to ensure that approved projects once started are completed and, if because of unforeseen delays, funds lapse, the balance required for completion is provided as necessary in subsequent years.

REALLOCATION OF UNSPENT DEVELOPMENT FUNDS TO SARAWAK

3. Tuan Edmund Langgu anak Saga asks the Minister of Finance whether Sarawak can get the amount of unspent money that has been allocated to Sarawak for the years of 1966 and 1967 in this year, so as to enable the State to implement all the outstanding projects there.

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*): Yes, provided that the projects are included in and approved for implementation under the First Malaysia Plan, I believe that a written reply was given to a similar question by the Honourable Member in the November session of the Dewan Ra'ayat.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Mr Speaker, I did not receive the reply.

Mr Speaker: Please repeat your question.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: I did not receive the reply which the Honourable Assistant Minister said just now.

Dr Ng Kam Poh: It was a written reply to a written question.

SISTEM PESAWAT OTOMATIK DI-BANDAR KULIM

4. Tuan Tai Kuan Yang bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom kenapa lama benar masa diambil untuk memasang sa-buah sistem pesawat automatik di-Bandar Kulim dan bila-kah projek seperti itu akan dijalankan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ibusawat yang ada sekarang di-Kulim mempunyai 320 line sampai penuh pada waktu ini hanya-lah 219 line sahaja, berma'ana ada kurang lagi pelanggan² hendak menggunakan 101 line lagi. Oleh kerana belum penuh lagi dan juga kerana kekurangan kewangan tidak-lah dapat hendak di-tukarkan kepada automatik pada waktu Rancangan Lima Tahun Yang Pertama ini, tetapi akan dimasukkan ka-dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua nanti.

Tuan Tai Kuan Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan—boleh-kah Kementerian yang berkenaan menambahkan line panggilan luar seperti line ka-Pulau Pinang, ka-Bukit Mertajam dan ka-Alor Star.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu akan di-timbangkan; saya akan hubungkan dengan pihak teknik Pejabat Talikom tentang perkara itu.

PENGURUS M.S.A. DAERAH MALAYSIA BARAT

5. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar Pengurus M.S.A. Daerah Malaysia Barat tidak mempunyai kuasa hendak membuat keputusan berhubung dengan dasar kerana Pengurus, Steshen Garisan, Enche' Lee Pad mengatasi semua keputusan Malaysia, sunggoh pun jawatan Pengurus Daerah telah di-ujudkan untuk menguruskan kerja kawasan Malaysia Barat, dan jika sedar, dapat-kah dia memberi penjelasan kepada Majlis ini tentang perkara yang tidak lojik ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Pengurus Kawasan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura untuk Malaysia Barat, mempunyai kuasa² yang penoh untuk membuat keputusan² yang berhubung dengan pentadbiran harian di-kawasan-nya. Di-dalam perkara yang berhubung dengan dasar² atau pun yang berhubung dengan sharikat itu sa-chara keseluruhan-nya keputusan ada-lah dibuat di-ibu pejabat-nya. Ini ada-lah sama dengan pertubohan pedagang² yang lain. Manager Line Station yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini bertugas sa-bagai penghubung di-antara beberapa Pengurus² Kawasan dengan ibu pejabat dan semua perkara yang memerlukan keputusan ibu pejabat ada-lah di-salurkan melaluinya dan tidak-lah tetap pada yang di-tujukan itu.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu Rumah yang mulia ini ada-kah sama ada Penguasa M.S.A.

kawasan Malaysia Barat ini ada mempunyai kuasa muktamad bagi mengambil pekerja² baharu, menaikkan pangkat bagi pekerja² M.S.A. di-Malaysia Barat.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Di-bawah perkara itu, kalau kena berkenaan dengan urusan yang di-dalam Malaysia ini, dia ada hak, tetapi kalau-lah iklan itu di-keluarkan daripada ibu pejabat biasa-nya, jadi tentu-lah ibu pejabat yang akan menemuduga ada sa-buah Jawatan-kuasa, tidak Jawatan-kuasa tiap² buah chawangan di-dalam Malaysia ini.

M.S.A. CHAWANGAN SINGAPURA MENGELUARKAN WANG DARI KIRA² MALAYSIA

6. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar bahawa M.S.A. Chawangan Singapura menyimpan semua buku² chek kira² Malaysia di-Singapura dan Pejabat Singapura berhak mengeluarkan wang daripada Kira² Malaysia dengan tidak memberitahu pejabat di-Kuala Lumpur, dan jika sedar, ada-kah dia bersetuju ia-itu ada-lah tidak menasabah dan tidak meng-untungkan Pejabat Singapura itu diberi hak membelanjakan pendapatan² M.S.A. di-Malaysia dengan tidak memberitahu Pejabat Kuala Lumpur terlebih dahulu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, seperti dengan pertubohan² perdagangan lain yang mempunyai ibu pejabat-nya di-luar Malaysia, Pejabat Penerbangan Malaysia-Singapura di-Kuala Lumpur ada-lah hanya merupakan sa-buah pejabat chawangan sahaja dan kuasa mengenai kewangan ada-lah di-pegang oleh ibu pejabat. Saya rasa chara seperti ini tidak-lah luar biasa dan ada-lah salah sama sa-kali untuk menyangka bahawa segala² hasil² yang di-perolehi oleh Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura di-Kuala Lumpur ini ada-lah terpisah, atau pun bersendirian, kerana apa juga wang yang dapat daripada cabang² bukan sahaja di-Kuala Lumpur, tetapi di-Malaysia Timor juga di-hubungkan kepada ibu pejabat sana.

Tetapi dia ada punya Book-keeping-nya yang menguntokkan berapa pendapatan daripada Malaysia ini, tidaklah di-main masok general Account sahaja.

KEJADIAN SA-BUAH KAPAL TERBANG M.S.A. TERPAKSA MENDARAT DI-KUALA KRAI, BULAN DISEMBER, 1967

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah minta kepada Menteri Pengangkutan:

- (a) sebutkan perihal sa-buah kapal terbang M.S.A. terpaksa mendarat di-Kuala Krai dalam bulan Disember, 1967, yang hampir menyebabkan maut kepada penumpang²;
- (b) ada-kah sa-belum penerbangan itu kapal terbang itu telah benar² di-pereksa dan di-dapati dalam keadaan baik;
- (c) sama ada kapal terbang itu maseh di-gunakan dan ada-kah dia benar² boleh di-gunakan lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ini, saya berfaham bagaimana Yang Berhormat itu Wakil Bachok barangkali dia tidak faham sangat berkenaan dengan lapangan terbang di-Kuala Krai. Saya tidak dapat apa pun chatetan atau rekod, atau repot daripada M.S.A., atau pun daripada Kuala Krai mengatakan ada kapal terbang M.S.A. ini yang terpaksa turun di-Kuala Krai ini—kalau keretapi ada steshen keretapi sana (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kalau-lah di-Kuala Krai itu ada kapal terbang tentu-lah saya tidak bangkitkan soalan ini; yang saya bangkitkan, ada-kah sampai ka-pengetahuan? Saya berpendapat bahawa ada kejadian dan kalau Menteri itu kata tidak ada kejadian langsung bagini, biar-lah tegas² macham ini, supaya saya kalau ada proof saya dapat menunjokkan bahawa kenyataan Menteri itu tidak betul.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, jangan chakap Menteri tidak betul—tidak kena gaya;

kalau ada Yang Berhormat itu bersama²-lah kita faham, hantar-lah dengan saya repot-nya, mana dia, itu sahaja! (*Ketawa*). Ini hendak katakan Menteri chakap bohong pula dalam Dewan ini, atau chakap tidak betul—tidak kena-lah macham ini. Kita hendak minta kerjasama, walau pun pehak Yang Berhormat itu pehak Parti Pembangkang. Tidak ada saya mendapat repot itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ma'ana yang saya sebutkan betul atau tidak betul, itu bukan ma'ana bohong, atau pun tidak bohong; ma'ana betul, tidak betul, itu berlainan daripada apa yang saya kata. Jadi kalau berlainan daripada apa yang saya kata itu tidak betul-lah dengan fahaman saya itu, saya boleh minta ma'af; tetapi saya hendak tambah lagi satu soalan tambahan: ada-kah Menteri Yang Berhormat yang berkenaan ini berani memberi jaminan bahawa kalau dia tidak tahu, bererti perkara itu tidak berlaku, kalau tidak sampai kepada pengetahuan dia, erti-nya dalam urusan Kementerian-nya, kalau tidak sampai perkara itu kapada-nya bererti perkara itu langsung tidak berlaku.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tanya terus-terang, ada-kah Menteri Pengangkutan tahu. Saya sudah kata, saya tidak tahu, repot tidak ada pun sampai kapada saya—itu sahaja. Kalau Yang Berhormat itu tahu, hantar-lah kapada saya dan saya boleh tanya kapada M.S.A. fasal apa tidak beritahu dengan saya perkara yang macham itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, ada-kah Menteri mendapat faham daripada pertanyaan yang tidak berasas daripada Ahli dari Bachok ini, bahawa Ahli dari Bachok ini mereka²kan soalan sa-bagaimana kebiasaan Ketua² PAS membuat kerja² politik.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya itu! (*Ketawa*).

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Adakah Menteri dapat faham daripada soalan ini bahawa Ahli dari Bachok

itu sengaja mereka²kan soal yang tidak ada sa-bagaimana biasa di-buat oleh Ketua² PAS.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab-lah! (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya bukan pehak PAS; itu pehak PAS yang menjawab—saya tidak tahu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, ada-kah Menteri yang berkenaan siasat tentang perkara ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau sudah tidak ada repot, apa benda yang hendak di-siasat (*Ketawa*). Ta' kan-lah orang tidak tahu, kalau ada betul² forced landing sudah ada head-line dalam surat khabar!

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sedikit—saya terpaksa-lah kena reka, kalau hendak buat soalan ini kena frame dahulu. Jadi bukan saya mengadakan benda yang ta' ada. Saya mesti frame dahulu bagaimana hendak letak, ini pun satu reka juga, sebab itu Menteri ini sedar saya kenal dia lama; saya tidak mahu Menteri itu jatuh sa-bagaimana Kementerian yang lain. Jadi tidak-lah saya mengadakan benda ini sa-mata² untuk hendak mengachau Menteri Yang Berhormat itu, ini dengan ikhlas dengan nama Allah yang saya bawa! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan yang itu. (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan-nya, dapat-kah Menteri ini menerima bahawa soalan saya ini soalan yang benar hendak bertanya bukan hendak menoleh! (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ya, itu memang soal benar hendak bertanya; tetapi soal-nya tidak ada kejadian sa-bagaimana yang saya dapat tahu tidak ada sampai ka-pengetahuan saya.

PENUBOHAN PEJABAT SHARIKAT PENERBANGAN PAKISTAN DI-MALAYSIA

8. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan bila Kerajaan akan menimbang mem-

benarkan Sharikat Penerbangan Pakistan membuka sa-buah pejabat di-Malaysia.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya soalan ini juga selalu mengelirukan. Saya tidak tahu tentang ada-nya sesuatu keputusan yang tidak mengizinkan Sharikat Penerbangan Pakistan menubuhkan sa-buah pejabat-nya di-Malaysia. Sa-sunggoh-nya Sharikat Penerbangan Pakistan ini belum pun lagi menyatakan hasrat-nya kepada Kementerian saya untuk menubuhkan sebuah pejabat di-sini.

PEJABAT M.S.A. DI-BEIRUT

9. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah dia sedar bahawa pejabat M.S.A. di-Beirut kekurangan bahan² penerangan, jika sedar, apa-kah langkah² Kementerian-nya telah ambil untuk memperbaiki perkara itu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura, tidak mempunyai sa-buah pejabat di-Beirut. Oleh yang demikian saya tidak akan menjawab pertanyaan² yang berhubung dengan-nya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh supaya jawapan itu boleh membetulkan apa yang saya tahu. Jadi kalau begitu patut-lah Kerajaan kita ini memberi

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Hendak menerangkan, kemudian itu tambah-lah

Tuan Yang di-Pertua: Jadi benda itu dia sudah kata tidak boleh jawab.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan-nya bagini: "Adakah Kementerian ini akan menyambungkan Penerbangan M.S.A. itu sampai ka-Beirut, oleh kerana saya dapati ada pejabat di-sana, Tuan Yang di-Pertua—saya tengok sendiri".

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal lain.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, tidak boleh tanya tidak apa-lah.

BILANGAN KANAK² DI-SEKOLAH DI-BAWAH MAJLIS DAERAH DI-SARAWAK

10. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa bilangan kanak² yang hadir di-sekolah² di-bawah Majlis² Daerah di-Sarawak sudah kurang pada tahun ini; adakah apa² langkah yang telah di-ambil untuk menyasiat sebab²-nya, dan jika ada, apa-kah keputusan penyasiatan ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, kemerusotan dalam kedatangan di-sekolah² rendah di-luar bandar dalam Negeri Sarawak dalam bulan² yang tertentu dalam sa-suatu tahun ada-lah satu perkara lama, tetapi keadaan itu nampak-nya telah bertambah baik sejak beberapa tahun ini. Sebab² bertambah baik-nya keadaan itu ada-lah berpuncha dari beberapa faktor termasuk bertambah-nya kesedaran ibu-bapa tentang peri mustahak-nya pelajaran. Pelajaran rendah perchuma di-Sarawak dari 1hb Januari tahun 1966, bertambah baik-nya dan keadaan tempat tinggal di-asrama bertambah luas-nya, ranchangan bantuan makanan, kemudahan² alat mengajar serta kaedah² mengajar bertambah baik yang menjadikan persekolahan lebeh menarek dan sikap tegas Pejabat Pelajaran tentang umur yang sesuai bagi masuk ka-sekolah serta sistem naik darjah yang teratur pada tiap² tahun.

Pengalaman di-beberapa kawasan luar bandar yang tertentu menunjokkan bahawa kedatangan yang lemah dalam beberapa bulan yang tertentu pada sa-suatu tahun itu ada-lah satu perkara yang biasa di-daerah² di-mana perkembangan pelajaran rendah maseh di-peringkat permulaan. Tetapi, keadaan itu akan beransor baik bila sistem pelajaran itu bertambah tegoh dan ibu-bapa mula menerima sikap bahawa semua kanak² patut sentiasa pergi sekolah. Ada sa-tengah² ibu-bapa hanya mahu anak² mereka itu tinggal bersama mereka, atau mereka mahu tenaga anak² itu. Apabila murid² yang membuat keputusan tidak mahu

bersekolah lagi dan ibu-bapa dalam daerah itu belum biasa lagi bersikap keras dan tegas tentang soal kedatangan anak² mereka di-sekolah. Ini sa-sungguh-nya benar dengan kanak² yang merasa diri mereka lembab dalam pelajaran dan ini lebeh² lagi dengan kanak² yang lebeh umur yang sa-bahagian besar-nya terdapat di-sekolah² rendah yang baharu di-mulakan.

PEMINDAHAN GURU²

11. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah yang menyebabkan lebeh kurang 200 orang guru di-negeri Johor di-tukar di-tempat² lain dalam negeri itu sendiri dan terangkan khas-nya sebab musabab penukaran 17 orang guru dari Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, serta adakah beliau sedar bahawa tindakan menukar guru² saperti ini memakan belanja yang sekarang ini berkurangan sangat dalam Kementerian-nya.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal pertukaran ini, saya ingin menyatakan bahawa langkah² saperti itu biasa-nya di-jalankan pada hujung tahun supaya tidak mengganggu pelajaran sekolah. Pada tahun ini bilangan pertukaran telah bertambah sedikit di-sebabkan oleh:

- (a) Perubahan kapada bilangan perjawatan guru di-sekolah².
- (b) Perlu-nya di-tegaskan guru² dari Sekolah² Kebangsaan ka-Sekolah² Jenis Kebangsaan, Sekolah² Rendah Jenis Kebangsaan untuk mengajar mata² pelajaran yang tertentu dalam bahasa pengantar Melayu.

Patut juga di-ingatkan bahawa beberapa pertukaran² saperti itu timbul dari permintaan guru² itu sendiri. Bagi negeri Johor lebeh kurang 150 orang guru ada-lah terlibat dalam pertukaran² itu. Mereka² yang telah di-tukarkan atas permintaan mereka sendiri, dan mereka yang telah di-tukarkan ka-sekolah² baharu dalam bandar yang sama atau yang berdekatan tidak akan melibatkan perbelanjaan² pertukaran dari Kementerian ini.

Bagi Sekolah Menengah Abu Bakar, Temerloh, Pahang, hanya 14 guru² sahaja yang telah di-tukarkan. Lebih kurang sa-paroh dari bilangan ini telah di-tukarkan ka-sekolah² yang berdekatan dan oleh yang demikian ini tidak melibatkan perbelanjaan² pertukaran.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua: tadi Menteri Muda Pelajaran berkata pertukaran ini ada guru² sendiri hendak minta pertukaran. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar di-antara pertukaran² ini ada banyak guru² tidak mahu bertukar, tetapi terpaksa di-tukar oleh Kementerian Pelajaran, dan kalau Menteri Muda Pelajaran sedar ada-kah Kementerian Pelajaran siasat permintaan guru² yang tidak mahu bertukar.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, pertukaran guru itu saya telah sebutkan sebab². Jadi siapa-kah guru itu yang tidak mahu bertukar, itu satu soalan lain. Sa-orang guru mesti-lah menjalankan tugas-nya di-mana² sekolah yang sesuai, atau mana mata² pelajaran yang sesuai untuk faedah pelajaran kepada anak² chuchu kita.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah pertukaran guru di-satu tempat yang dekat ka-tempat yang jauh yang lain itu di-dasarkan kepada kepentingan mata pelajaran yang dikehendaki, atau sebab² yang lain?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain. Jikalau sa-orang guru biasa-nya suka mengajar di-sa-buah sekolah di-dalam bandar, jadi negeri Kelantan macham mana dapat sekolah guru besar yang baik mengajar mata pelajaran di-negeri Kelantan untuk faedah kepada anak chuchu di-Kelantan?

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Berhormat Menteri Muda tidak faham dengan pertanyaan saya, mithalan sa-orang guru daripada Kelantan di-tukarkan ka-Selangor, atau sa-orang guru daripada Johore di-tukarkan jauh ka-

negeri Pahang, ada-kah penukaran itu kerana keperluan mata pelajaran tempat penukaran-nya, atau sebab² yang lain.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tidak sebab lain.

GERAKERJA² DI-LUAR MASA SEKOLAH

12. Dr Tan Chee Khoon minta kepada Menteri Pelajaran menerangkan:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa soal gerakerja² di-luar masa sekolah telah di-binchangkan oleh kesatuan² guru² dengan Surohanjaya Aziz, dan jika sedar, mengapa-kah beliau sa-belum apa² lagi telah meletakkan beban kerja lebih ka-atas guru² pada tahun ini;
- (b) bukan-kah dengan ini beliau chuba memutuskan soal tersebut terlebih dahulu dan tidak-kah lebih baik lagi menunggu shor² daripada Surohanjaya Aziz berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang perkara² yang di-binchangkan oleh Kesatuan Guru² dengan Surohanjaya Aziz.

Walau bagaimana pun saya suka menegaskan bahawa perubahan² yang di-buat ada-lah di-dalam peratoran² kursus kajian yang baharu. Jika inilah yang menyebabkan tanggungan² guru² bertambah dalam sa-tengah² dan tidak melambatkan pada ka-seluruhan-nya tugas² yang sa-patut-nya dan yang di-harapkan di-jalankan oleh sa-sa-orang guru apabila beliau di-ambil bekerja sa-bagai sa-orang guru. Oleh itu saya tidak bersetuju bahawa saya telah memutuskan sebarang soal dalam perkara ini terlebih dahulu atau pun menyatakan.

Dr Tan Chee Khoon (dengan izin): Is the Honourable the Assistant Minister for Education aware, or rather can he tell us whether this question of extra workload comes within the purview of the Aziz Commission.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Speaker, jawapan-nya tidak.

HARGA BUKU² SEKOLAH DAN YURAN SEKOLAH

13. Tuan Ganing bin Jangkat bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) memandangkan begitu mahal-nya harga buku² sekolah sekarang ini ada-kah beliau akan mengambil langkah supaya orang² miskin dapat membeli buku² ini dengan harga yang lebih murah daripada harga sekarang ini;
- (b) ada-kah beliau akan menjamin supaya yuran sekolah tidak akan di-naikkan di-Sabah, seperti yang telah berlaku di-Malaysia Barat.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini telah lama saya fikirkan, dan saya telah pun mengarahkan juru buku tek supaya menyasat-nya. Dalam pada itu pula satu had atau siling telah pun dikenakan ka-atas harga buku² tek mengikut darjah atau tingkatan bagi tiap² sekolah. Sekolah² ada-lah juga di-kehendaki menjalankan pemilihan, pembelian buku² tek supaya murid² tidak terpaksa membeli buku² yang bukan untuk kegunaan serta-merta. Murid² yang di-tukarkan ka-sekolah² baharu tidak juga di-kehendaki membeli buku² baharu juga ibu-bapa mereka tidak mahu membuat demikian. Mereka juga di-benarkan menggunakan buku² tek chetakan lama dan tidak di-kehendaki membeli chetakan² baharu jika mereka tidak mampu membuat demikian, sekolah² tidak-lah di-benarkan menukar senarai buku mereka dengan tidak kebenaran terlebih dahulu daripada Pejabat Pelajaran. Pada masa ini tidak ada-lah di-chadangkan untuk menaikkan yuran² sekolah di-Sabah.

Tuan Ganing bin Jangkat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar ada sekolah² di-Sabah memungut wang untuk building fund, sport fund dan lain² daripada murid² tiap² bulan, dan boleh-kah Yang Berhormat Menteri ambil tindakan atas hal ini supaya tidak berlanjutan sa-panjang masa yang mana satu beban kepada ibu-bapa yang miskin.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar perkara itu, akan tetapi saya boleh-lah menyasat perkara ini.

Dr Lim Chong Eu (dengan izin): Sir, may I ask the Honourable the Assistant Minister in view of his reply that students will not be compelled to use the same edition of the current edition of the text books and they can use former edition, provided they cannot afford, is it the policy then of the Ministry that the criterion of the use of text books is whether the students can afford or whether the additions to the text books are really applicable for that year.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Speaker, memang-lah satu dasar Kementerian Pelajaran berkenaan buku² tek itu jikalau buku² tek itu boleh di-pakai lagi tidak terpaksa-lah sekolah yang berkenaan itu memaksa murid² membeli buku² tek baharu, oleh sebab-nya banyak ibu-bapa-nya tidak mampu membeli buku² tek baru. Jadi itu-lah Kementerian Pelajaran sangat menjalankan tugas untuk membuat satu atoran kepada Pegawai² Pelajaran Negeri bila sekolah itu hendak di-tukar buku tek itu mesti-lah memohon kebenaran daripada Ketua Pegawai Pelajaran.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian sedar benar² bahawa masalah buku tek ini menjadi satu masalah yang besar bagi ibu-bapa dan murid² yang miskin. Mithal-nya pernah bahawa satu² sekolah itu tidak boleh menukar jenis buku² tek-nya, melainkan sampai masa tiga tahun atau pun beberapa tahun yang tertentu. Tetapi ada berlaku satu orang ibu-bapa bertukar ka-satu tempat dan anak-nya hendak di-masukkan dalam satu sekolah di-situ text books-nya tidak sama dan di-masa itu dia terpaksa kena membeli text books yang di-pakai di-sekolah baharu itu, padahal Menteri tadi berkata, kalau dia tidak mampu dia tidak di-paksa.

Jadi kalau dia tidak di-paksa bagaimana dia boleh mengguna text books

yang tidak sama dengan sekolah yang dia mengaji.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Speaker, berkenaan itu saya suka-lah minta kepada Ahli Yang Berhormat itu menyampaikan perkara itu kepada saya. Jadi saya suka menyiasat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masaalah ini bukan masaalah hendak siasat, masaalah dasar, ia-itu text books itu sendiri. Mithal-nya text books itu kita tidak tukar satu² sekolah melainkan dalam masa tiga tahun. Tetapi dalam tahun itu juga berlaku satu murid berpindah pada satu Negeri kasatu Negeri dan dia masuk dalam sekolah itu; text books yang lama itu tidak sama dengan text books yang dipakai di-sekolah itu. Jadi bagaimana dia hendak buat jikalau dia tidak mampu. Ini bukan masaalah menyiasat, bukan masaalah exceptional.

Tuan Yang di-Pertua: Ia-lah barang kali dia hendak siasat berapa banyak orang yang terkena dalam pertukaran² yang sa-macam ini. (*Ketawa*).

PROTECTION AGAINST HIGH TENSION LINES

14. Tuan Tai Kuan Yang (*dengan izin*) asks the Minister of Commerce and Industry to state why the overhead High Tension Lines across public roads in two specific areas (i) the Tikam Batu to Sungai Petani Road, Kedah; (ii) Slim River to Kuala Lumpur Road, are not given the necessary and proper safeguards.

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*): Transmission line design and construction techniques have improved very much in recent years. With the provision of adequate width of rentis clear of trees and generous safety factors incorporated in the design of high tension lines in this country, there is little danger of conductors falling across roads. In the extremely unlikely event of such a happening, sensitive equipment protecting the line will de-energised it within a fraction of a second, thus rendering it harmless to road users. The Chief Electrical

Inspector has powers under the Electricity Regulations, 1951 to specifically exempt such High Tension Lines from the necessity of having a guard when they cross public roads and the Regulations are currently being amended to conform with modern practice. In their revised form the provision of guards under High Tension Lines crossing the roads will no longer be required. This is in line with modern practice and is now being adopted in the United Kingdom and many other countries.

Tuan Tai Kuan Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Kementerian yang berkenaan menjamin High Tension wayar itu ta' jatuh atau ta' putus dalam masa akan datang di-public road atau di-jalan raya.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, siapa² pun ta' boleh menjamin; ini bukan soalan berkenaan manusia, tetapi Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada-lah menjagakan yang ini "high tension" wayar dan meluruskan kepada jalan raya lurus itu lebeh banyak dan pokok² sampai ke-high tension wayar, oleh sebab itu pokok² itu tidak boleh-lah mengenakan high tension wayar itu. Ini yang pertama.

Yang kedua, jikalau high tension wayar itu hendak di-jatuhkan ka-bawah, boleh-lah electricity itu dihapuskan—itu sahaja.

Tuan Tai Kuan Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri yang berkenaan beritahu high tension itu berapa volts.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain berapa volts?

Tuan Tai Kuan Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jikalau dia tidak boleh beritahu (*Ketawa*) saya beritahu. High tension itu tidak kurang daripada 11,000 volts sampai 132,000 volts. Jikalau Kerajaan ada kerja yang berat² sa-kali, saya ingat sangat baik. Tetapi semua perkara ini dengan automatic system. Saya bimbang automatic system itu ta' putus, masa itu saya fikir, itu boleh jadi satu kejadian sangat

merbahaya. Sebab 200 sebab sekarang ini kita pakai low tension 250 volts atau 220 volts. Kalau 10 orang pergi menukar itu, fuse-nya tidak putus, 10 orang² semua mati. Jadi, perkara ini, saya ada pengetahuan sadikit, kerana Rang Undang² 1951 dalam Electricity Regulation, dia ada sebutkan tetapi dia ada kechualikan. Itu sangat baik, tetapi saya harap perkara ini ta' usah di-lakukan dalam kita punya Malaysia yang merdeka dalam 10 tahun. Sekian, terima kaseh.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau ada soalan² lain. Menteri Muda hendak bertanya, boleh tanya (*Ketawa*).

BILANGAN PERMOHONAN MEMINTA LESEN² IMPOT DAN EKSEPOT DARIPADA AHLI² PERNIAGAAN BUMIPUTRA

15. Tuan Ahmad bin Arshad minta kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan:

- (a) sejak Merdeka, berapa bilangan ahli² perniagaan bumiputera yang membuat permohonan meminta lesen² impot dan eksepot sama ada sa-chara persendirian atau bersharikat, berapa bilangan permohonan² yang telah di-luluskan, dan berapa yang di-tolak serta sebutkan sebab² di-tolak;
- (b) ada-kah Kerajaan bersedia membuka quota untuk ahli² perniagaan dan perusahaan bumiputera.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen² impot dan eksepot yang di-keluarkan kepada pedagang² bumiputera dalam negeri ini semenjak merdeka ada-lah 10% daripada jumlah bilangan lesen² yang di-keluarkan kepada semua pengimpot² dan pengeksport².

Permintaan² yang di-buat oleh bumiputera yang tidak di-luluskan itu ada beberapa sebab-nya. Sa-tengah²-nya di-tolak oleh sebab pedagang² yang membuat permintaan itu tidak ada rekod yang menunjukkan bahawa mereka biasa menjalankan perdagangan dalam barang² yang di-kenakan lesen, dan oleh itu tidak-lah dapat mereka diberikan lesen. Ada pula sa-tengah

pedagang² itu membuat permintaan untuk mendapatkan lesen² impot bagi mengimpot barang² yang di-tegah sama sa-kali, dan oleh itu permintaan² mereka itu tidak di-luluskan.

Jawapan kepada (b) sekatan terhadap, atau pun "quota" yang di-kenakan atas impot sa-tengah² barang itu adalah satu langkah sementara yang diambil untuk memberi perlindungan kepada perusahaan² tempatan, atau pun untuk menyekat pedagang² supaya mereka tidak dapat melebihi stock barang² itu daripada had yang boleh di-katakan sederhana. Ada-lah penting bagi Kerajaan mengambil langkah ini khas-nya untuk menyekat pembenaan stock itu apabila Lembaga Penasehat Tarif mengadakan suatu penyiasatan 'awam atas barang² itu. Langkah² ini kemudian hari akan di-gantikan oleh chukai impot.

Tuan Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan—ada-kah Kerajaan telah membuat satu langkah, atau sedang hendak membuat satu langkah yang bertujuan hendak memberikan latehan kepada ahli² perniagaan bumiputera dalam lapangan eksepot dan impot ini.

Dr Ng Kam Poh: Sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berbangkit dengan

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, nanti dahulu, sabar!

Tuan Ahmad bin Arshad: Dengan tidak, jawapan bagaimana yang di-katakan oleh Menteri Yang Berhormat tadi, ada-kah boleh di-berikan satu kesimpulan Kerajaan tidak memberi satu penggalakan kepada ahli² perniagaan bumiputera dalam bidang impot dan eksepot ini.

Dr Ng Kam Poh: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan—berbangkit daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ia-itu salah satu daripada sebab² maka tidak di-beri lesen, ia-lah kerana

orang itu tidak pernah menjalankan kerja ekseptot-impot, erti-nya tidak mempunyai experience dalam hal itu, ada-kah bererti bila satu orang itu tidak pernah menjalankan kerja itu, maka dia tidak dapat di-pandang sa-bagai layak menjalankan ekseptot-impot, mithal-nya, saya tidak pernah bekerja sa-bagai orang yang melakukan ekseptot-impot, kemudian saya hendak menukar kerja saya daripada Member of Parliament, mithal-nya, sa-orang doktor, kepada sa-orang yang impot-ekseptot, jadi, tidak-lah erti-nya sebab saya tidak biasa lagi.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat hendak menukar pekerjaan-nya dari menjadi Ahli Yang Berhormat dari Bachok kepada sa-orang ahli perniagaan, boleh jadi-lah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan memberikan satu lesen impot atau ekseptot, jikalau Ahli Yang Berhormat itu boleh menguruskan perniagaan yang betul.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Jawapan Yang Berhormat Menteri Muda tadi mengatakan pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak menggalakkan bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan impot-ekseptot; satu daripada dasar Kerajaan Perikatan ia-lah menggalakkan penyertaan bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan. Ada-kah dengan tindakan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan tidak menggalakkan bumiputra dalam perniagaan impot-ekseptot ini bererti Kementerian ini chuba memesongkan tujuan dasar Kerajaan Perikatan negeri ini?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, jikalau orang² bumiputra atau bukan bumiputra, orang² itu hendak menjalankan perniagaan, sa-siapa pun boleh dapat lesen² itu.

Tuan Hanafiah bin Hussain (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sadar bahawa sa-nya dengan menganutkan satu dasar supaya orang² bumiputra yang belum lagi mendapat impot-ekseptot lesen terpaksa mengadakan pengalaman dalam impot-ekseptot, ada-kah beliau sadar

dengan chara bagitu maka Kerajaan dengan chara yang tidak langsung menidakkan peluang kepada bumiputra untuk berkechimbang dalam bidang perniagaan impot dan ekseptot?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, gerakan dan latehan itu adalah di-beri oleh MARA.

Tuan Hanafiah bin Hussain: Tidak ada jawapan kepada soalan saya. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi bahawa sa-nya bumiputra tidak di-beri peluang untuk mendapatkan lesen impot-ekseptot oleh kerana bumiputra tersebut tidak pernah menunjukkan kebolehan-nya, atau pun pengalamannya pada masa² yang sudah, maka dimana ada bumiputra pada masa yang sudah, yang sudah ada berkechimbang dalam impot dan ekseptot? Jadi, dengan jawapan bagitu, bukan-kah itu dengan sa-chara tidak langsung tutup pintu terus kepada bumiputra untuk impot dan ekseptot? Itu soalan saya.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat dari Jerai, silap faham jawapan saya. Saya chakap jikalau ahli² bumiputra atau tidak bumiputra yang hendak lesen² itu mesti-lah belajar perniagaan dahulu, baharu-lah mereka boleh mendapat lesen² ekseptot-kah, impot-kah, daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Tuan Hanafiah bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, apa itu soalan belajar tidak belajar? Bukan terpaksa kena pergi sekolah dahulu hendak belajar impot-ekseptot, Tuan Yang di-Pertua. Perkara belajar, perkara impot-ekseptot ini, chuma ada kebolehan dan kemahuan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sadar

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan. Tidak usah marah² (*Ke-tawa*).

Tuan Hanafiah bin Hussain: Adakah Menteri itu sadar bahawa permohonan untuk mendapat lesen impot dan ekseptot itu tidak bergantung di-atas ada-kah dia boleh atau tidak boleh? Dia tentu sudah boleh. Kalau tidak apa

guna dia minta? Tetapi jawapan mula tadi mengatakan bahawa kalau kamu tidak pernah berimpot dan eksepot, maka kamu tidak boleh impot dan eksepot. Ada-kah itu adil? Itu soalan saya.

Dr Ng Kam Poh: Lesen ini bukanlah di-beri atas pengalaman, tetapi ia-lah sama ada mereka itu pernah mengimpot barang² itu, kata-nya adalah berupa sementara sa-belum chukai berkenaan.

Tuan Hanafiah bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, itu-lah soalan saya dan itu-lah jawapan yang tepat, beliau mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana orang itu belum pernah mengimpot dan eksepot, maka sekarang lesen impot dan eksepot tidak boleh di-beri kepada-nya. Soalan saya ada-kah itu adil? Kalau itu jawapan yang adil maka sampai hari kiamat pun orang bumiputra tidak boleh masuk dalam bahagian impot-eksepot (Sa-orang Ahli Yang Berhormat: BETUL).

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, mithal-nya, saya sa-bagai sa-orang doktor jika saya hendak, bumiputra atau tidak bumiputra, minta atau memohon satu lesen mengimpot berupa tractor² boleh-kah Kementerian Perdagangan dan Perusahaan beri kepada saya, sa-bagai sa-orang doktor, lesen impot itu? Tidak boleh. Jika saya ada experience atau selalu membuat impot², lesen itu boleh-lah di-beri, atau pun jika saya membachakan apa-kah factor² itu, ada-kah dia experience dia beli tractor di-mana² pun, atau dalam sharikat² lain pun boleh-lah dapat di-buat lesen² itu. Itu sahaja, bukan tidak hendak beri bumiputra sahaja, tidak memberi yang lain bumiputra.

Tuan Hamzah bin Alang (Kapar): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Muda itu sedar bahawa sejak sa-belum kemerdekaan dahulu bahawa bumiputra tidak pernah langsung mengadakan soal impot dan eksepot ini, maka sa-sudah kemerdekaan ini-lah bumiputra itu baharu hendak maju ka-hadapan baharu hendak belajar, baharu hendak mengambil bahagian, ada-kah Menteri itu sedar bahawa dengan tidak

pernah bumiputra ini membuat pengalamanan² yang demikian, dia tidak menimbangkan sedikit pun—kerana tidak mempunyai pengalaman itu—memberi peluang atau quota itu lebih sedikit daripada 10% kepada 20% pada masa yang akan datang.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal ini sangat rumit saya boleh beritahu kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan untuk menimbangkan.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan experience dalam impot dan eksepot ini tentu-lah orang² yang biasa bekerja di-dalam sharikat² yang telah menjalankan perniagaan impot dan eksepot yang chuma boleh ada experience ini, dan oleh kerana polisi sharikat² ini ia-lah memilih orang yang bukan bumiputra bekerja dalam-nya bagaimana-kah Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan orang² bumiputra dapat mencari experience kalau mereka ini tidak langsung boleh dapat jawatan dalam sharikat² impot dan eksepot yang terdiri daripada orang² yang bukan bumiputra?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, soal ini boleh-lah di-terangkan jikalau orang² yang bukan bumiputra boleh dapati experience itu di-dalam sharikat² di-mana² pun dalam sharikat² bumiputra, atau sharikat² Eropah atau sharikat² yang lain².

Tuan Hanafiah bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa dengan jawapan² yang tidak meyakinkan itu boleh membawa kepada kekeliruan dan kegelisahan lagi di-kalangan peniaga² bumiputra?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Jerai tidak puas hati saya boleh sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan soal² yang membangkitkan di-dalam Dewan ini pada hari ini.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan ada-kah

jawapan Menteri Muda yang akhir ini membayangkan bahawa beliau berchakap bagi pehak diri-nya, dan tidak bagi pehak Menteri Perdagangan dan Perusahaan?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri Muda Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Itu-lah mesti saya "bagi pehak Kementerian Perdagangan dan Perusahaan."

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Adakah dia memberi jawapan² tadi bagi pehak diri-nya sendiri, dan tidak mewakili Menteri Perdagangan dan Perusahaan, kerana jawapan² itu tidak meyakinkan sama sa-kali?

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Yang di-Pertua, jawapan² yang di-beri oleh Menteri² sama ada Ahli Jema'ah Menteri atau pun Menteri Muda ada-lah di-beri atas nama Kerajaan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah (Hilir Perak): Ada-kah dengan jawapan yang di-beri oleh Menteri Muda itu berma'ana semua jawapan yang di-berikan itu di-sifatkan tidak boleh dipakai?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab bagi pehak Kerajaan—semua jawapan² itu pehak Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan kalau sa-kiranya Ahli Yang Berhormat dari Gunong Jerai tidak puas hati, maka Yang Berhormat Menteri akan memberi . . .

Tuan Hanafiah bin Hussain: On a point of information, Tuan Yang di-Pertua, bukan Ahli Yang Berhormat dari Gunong Jerai—Yang Berhormat dari Jerai (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dalam satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, kalau sa-orang Ahli daripada sa-belah sana tadi ia-itu kata-nya kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak puas hati dengan jawapan ini, maka Menteri akan memberi jawapan

yang memuaskan kepada Ahli itu, padahal ada-kah Menteri ini sedar atau pun Menteri ini perchaya bahawa apa yang di-persoalkan dalam Dewan ini menjadi hak orang ramai, bukan hak Ahli yang sa-orang, orang lain pun hendak tahu sama. Jadi apa fasal di-khususkan kepada sa-orang Ahli itu hendak mencherita sahaja, orang lain tidak dapat peluang hendak mendengar.

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, itu saya faham.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian ini akan menganjorkan satu sharikat impot dan ekseptot permodalan kebangsaan bagi mengusahakan semua bidang usaha impot dan ekseptot dengan menggantikan sistem Crown Agent yang ada sekarang ini?

Dr Ng Kam Poh: Tuan Yang di-Pertua, soal ini boleh di-timbangkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perusahaan.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, berbangkit berkenaan dengan soal ini saya suka hendak buat selesai di-sini (*Ketawa*) ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, kerana jawapan² barangkali daripada Yang Berhormat Menteri Muda ini boleh jadi tidak begitu penoh bertanggung-jawab. Yang berbangkit hal ini saya dapat faham jawapan salah satu ia-lah dengan sebab tidak dapat di-beri kepada bumiputra ini lesen impot dan ekseptot ia-lah dengan sebab tidak ada pengalaman. Jadi, saya minta boleh-kah Yang Berhormat Menteri Muda ini terek balek jawapan yang demikian (*Ketawa*).

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak memberi pertolongan kepada Yang Berhormat. Ini sa-benarnya jawapan yang di-bacha oleh Yang Berhormat pada mula² tadi; itu-lah jawapan yang betul ya'ani sekatan terhad atau pun quota yang di-kenakan ka-atas impot sa-tengah barang² itu ada-lah satu langkah sementara yang di-ambil untuk memberi perlindungan kepada perusahaan tempatan; ini dia

“crux of the matter” dalam bahasa Inggeris-nya, atau pun untuk menyekatkan perdagangan² supaya mereka tidak dapat melebihi stock barang² itu daripada had yang boleh di-katakan sederhana. Maksud Yang Berhormat tadi satu daripada factor yang terpaksa di-kaji apabila Kementerian ini hendak menimbangkan sama ada impot lesen itu patut di-beri, atau pun tidak, ia-lah bagaimana kedudukan local industry. Jadi jikalau daripada segi kedudukan local industry impot lesen itu boleh di-beri lagi, maka Kementerian Perdagangan dan Perusahaan boleh menimbangkan. Itu jawapan dia yang telah di-beri pada awal sa-kali. Jadi, oleh kerana Bahasa Kebangsaan yang di-gunakan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain agak-nya tidak begitu di-mengerti oleh rakan saya, maka jawapan daripada-nya telah berbunyi sedikit kalam-kabut

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Pasir Puteh): Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri baharu sa-bentar ia-lah jawapan bahagian (b); yang timbul perbahathan sa-bentar tadi ia-lah jawapan bahagian (a), kalau boleh, kalau Yang Berhormat itu hendak menolong Menteri Muda yang berkenaan tolong terangkan jawapan bahagian (a).

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Daripada jawapan² yang telah di-beri ya'ani banyak² lesen yang telah di-keluarkan menunjukkan dengan sendiri-nya, ia-itu bilangan² lesen-nya kepada yang telah di-keluarkan kepada bumiputra dalam tahun 1967 impot-eksepot lesen ia-lah lesen mengimpot 206 dan lesen untuk eksepot 406. Ini menunjukkan bahawa peluang memang di-beri oleh Kerajaan kepada bumiputra untuk menjalankan perdagangan impot-eksepot; jadi, bukan-lah berma'ana bahawa jikalau bumiputra itu datang oleh kerana dia tidak pernah impot dahulu, dia tidak boleh di-beri lesen, tidak-lah begitu.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan—boleh-kah kami di-sini mendapat fahaman bahawa jawapan daripada Yang Berhormat Menteri ini ada-lah menafikan jawapan

Yang Berhormat Menteri Muda tadi, di-mana Yang Berhormat Menteri Muda telah menyatakan sebab² di-tolak-nya permintaan bumiputra itu satu daripada-nya ia-lah kerana tidak ada pengalaman.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Itu terjemahan sahaja ya'ani kapada perkataan “past performances”; ini dia maksud Yang Berhormat Menteri itu tadi ya'ani di-kaji daripada segi past performances tentang kedudukan local industries.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan—boleh-kah saya dapat faham bahawa apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri terdahulu daripada ini yang menyatakan bahawa kenyataan yang di-berikan oleh Yang Berhormat Menteri Muda ia-lah kenyataan Kerajaan, di-mana kita semua telah dengar bahawa satu daripada butir² yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda kita tadi, sebab² di-tolak permintaan daripada bumiputra itu, kerana kurang atau tidak ada pengalaman. Ini jelas dan sudah di-perdebatkan dengan panjang oleh pihak sa-belah sana.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Daripada segi principle-nya begitu, Tuan Yang di-Pertua—apa² jawapan yang di-beri oleh pihak Kerajaan daripada Menteri, Menteri Muda, Parliamentary Secretary ada-lah bagi pihak Kerajaan, chuma ada kekeliruan sedikit di-dalam jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Muda tadi, ma'alum-lah dia bukan Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, jadi bahasa kebangsaan-nya kurang sedikit, jadi note yang di-terima-nya ada-lah dalam bahasa Inggeris, jadi daripada segi itu ada kekeliruan.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan sedikit lagi—boleh-kah maksud kekeliruan itu kita fahamkan bahawa syarat² berkehendakan ada-nya pengalaman itu tidak ada sama sa-kali dalam erti kata

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Kalau kita menghendaki, maka tidak mempunyai lojik, kerana

nampak sa-kali jikalau Kerajaan menghendaki orang itu mempunyai pengalaman export atau pun import terlebih dahulu bererti bumiputra tidak boleh dapat lesen langsung. Jadi ini tidak lojik sama sa-kali jadi yang lojik-nya ya'ani terjemahan daripada perkataan past performances. Jadi jikalau tidak akan merosakkan local industries, jikalau tidak akan menambahkan stocks di-dalam negeri lagi, maka peluang yang sa-besar² boleh di-beri kepada bumiputra untuk mendapat perdagangan dalam perusahaan impot-eksepot. Angka yang baharu saya kata tadi dalam tahun 1967 menunjukkan bahawa impot dan eksepot lesen ada di-berikan kepada bumiputra, Kementerian saya sendiri pun ada memberi export dalam segi kayu balak, banyak mereka yang mengexport kayu balak itu tidak mempunyai impot-eksepot lesen terlebih dahulu daripada masa mereka dapat impot-eksepot lesen.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Soalan tambahan yang terakhir bagi saya. Dapat-kah saya faham bahawa Kerajaan tidak menjadikan satu syarat bahawa experience, atau pun pengalaman itu untuk mendapat satu² lesen sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Menteri Muda tadi, jika ia, dapat-kah Menteri yang baharu ini mengaku bahawa jawapan Menteri tadi ini sudah silap? Jika tidak, ada-kah Menteri ini dapat mengaku bahawa dengan jalan memaksakan syarat experience itu bererti-lah membunuh peluang bumiputra yang Kerajaan sendiri berjanji?

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya telah memberi penjelasan yang terang dalam perkara ini.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan yang terakhir—kalau begitu-lah pendirian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kenapa-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu tidak menjelaskan sa-belum daripada terbit-nya perbincangan yang begitu hangat tadi sebab perbincangan itu pada fahaman saya ia-lah berpuncha daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri Muda bahawa sebab²-nya ia-lah kerana tidak ada pengalaman, di-biarkan berlanjutan

sampai 15 minit, akhir-nya baharu Yang Berhormat Menteri menjelaskan kesilapan fahaman itu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu barangkali dia menghormati perbahathan itu, dia tidak suka sampok² (Ketawa).

Tuan Hanafiah bin Hussain: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa saya sebagai Yang di-Pertua Gabungan Dewan² Perniagaan Melayu, Malaysia, ada menerima surat yang tertulis jawapan daripada Kementerian Perdagangan mengatakan bahawasa-nya si-anu, si-anu, si-anu, malang-nya dukachita tidak dapat di-berikan lesen impot-eksepot, oleh kerana beliau tidak ada pengalaman dalam hal ini.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Itu sa-perkara yang tertentu bukan menyentuh masalaah polisi. Jikalau kes yang tertentu itu tiap² permohonan itu akan di-timbangkan atau individual cases.

(Tempoh Pertanyaan Mulut telah chukup dan jawapan kepada pertanyaan² No. 16 sampai No. 19 ada-lah di-beri di-bawah ini).

KOMPLOT MENJUAL BARANG² MAKANAN BERCHAMPOR DENGAN CHANDU DAN GANJA

16. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar bahawa ada suatu komplot dalam negeri ini menjual barang² makanan saperti kopi, beras, kari dan rokok berchampur dengan chandu dan ganja; jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-jalankan dan apa hasil²-nya; dan dapat-kah di-tentukan bahawa barang² makanan yang berchampur dengan benda² tersebut sangat laris laku-nya dan digemari orang ramai

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun) (dengan izin): I am not aware of any conspiracy in the country to adulterate foodstuffs and cigarettes with opium and other drugs. The manufacture and sale of these things must conform with the provisions of the Ordinances, such as the

Food and Drugs Ordinance, the Poisons Ordinance and the Dangerous Drugs Ordinance, which had been passed to safeguard the general public from any contamination of the foodstuffs. Any one therefore found adulterating foodstuffs would be dealt with in accordance with the law.

"BANTUAN DZARURAT" KAPADA PEKEBUN² KECHIL TANAMAN-NYA TELAH MUSNAH KERANA MALA-PETAKA² 'ALAM

17. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, memandang kepada besar-nya jumlah wang yang di-kumpul oleh Lembaga Menanam Getah sa-Mula hingga meningkat kepada angka 85 juta ringgit di-dalam Kumpulan "B" dalam tahun 1964/1966, ada-kah Kementerian ini bersedia mengkaji dan menimbang memberi bantuan yang di-namakan "Bantuan Dzarurat" kepada pekebun² kechil yang tanaman² getah mereka telah musnah kerana mala-petaka² 'alam seperti kebakaran, ribut taufan, dan banjir; dan jika tidak, kenapa.

Dr Lim Swee Aun: Expenditure of funds collected under the Rubber Replanting Cess Ordinance, 1952, is by law limited to replanting of rubber smallholdings only.

TAMBAHAN MASA UNTUK SIARAN BAHASA BAJAU OLEH RADIO MALAYSIA, SABAH

18. Tuan Ganing bin Jangkat (Sarak) bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran, memandangkan bahawa masa yang di-untukkan bagi ranchangan² dalam bahasa Bajau oleh Radio Malaysia Sabah sa-kejap sahaja, ada-kah beliau akan mengambil tindakan supaya di-tambah masa bagi ranchangan ini sa-lama sa-tengah jam lagi atau lebih.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Perkara tambahan masa bagi siaran Bahasa Bajau di-Radio Malaysia, Sabah akan di-timbangkan apabila ruangan pejabat di-steshen Kota Kinabalu siap sedia dalam masa kira² setahun lagi dan apabila jawatan² yang

kosong dalam Jabatan Radio di-Sabah dapat di-penohkan.

Buat sementara waktu tambahan masa ini tidak-lah dapat di-laksanakan kerana Sabah hanya mempunyai satu sahaja saluran (network) yang di-isi oleh berbagai² bahasa termasuk Inggeris, Melayu, Indonesia, China, Muru, Kadazan dan Bajau.

POLITICAL INTERFERENCE IN SERVICE MATTERS

19. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Lands and Mines to state if he is aware of the accusation of political interference in service matters by the President of the Union of Forest Employees, Enche' Yacob bin Ibrahim at the 7th Annual Delegates Conference of the Union on 18-11-1967 and in that the Union has protested at the re-transfer back to Kuala Lumpur of Enche' Abdul Wahab bin Burok, Timber Inspector, and if so, whether he proposes to take any action on this matter.

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): I am aware of the general accusation of political interference in service matters by the President of the Union of Forest Employees at the 7th Annual Delegates Conference of the Union on 18th November, 1967. Such allegation is nothing new and is based on the complete misunderstanding and ignorance on the part of the accuser with regard to the respective roles of the Minister and the civil servants. It must be clearly understood that a Minister is responsible to the people not only for the formulation of government policy, but also for its implementation. It is the responsibility and the duty of the Minister to see that all the departments under him are being administered efficiently. If anything goes wrong in any government department, the Minister is answerable to Parliament. Ordinarily the day to day administration of government departments is left to the civil servants, but this does not mean that the Minister concerned has no right to give any direction he thinks proper to the civil

servants for the proper administration of the department.

I have seen the letter written in English by the Honorary General Secretary of the Union of Forest Employees to the Conservator of Forests, Utilisation Branch, regarding the transfer of Enche' Abdul Wahab bin Buruk, a Timber Inspector. Enche' Abdul Wahab was transferred back to Kuala Lumpur because the period of his temporary transfer to Seremban had expired. The transfer back is not a special privilege as alleged by the Union.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ketujoh).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

JADUAL

Kepala² B. 17, B. 18 dan B. 19—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala 18 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-jangka sa-banyak 100 tawaran² akan di-buat tahun ini oleh Kerajaan² Negeri, sa-bagai tambahan kepada 235 tawaran² yang akan di-buat oleh Kementerian ini. Bilangan ini tidak-lah termasuk jumlah mahasiswa² yang belajar di-bawah Rancangan Colombo. Sungguh pun bilangan tawaran² yang di-buat itu maseh lagi tidak memenohi keperluan² kita, tetapi dengan kerjasama penoh Kerajaan² Negeri, saya perchaya kekurangan guru siswazah akan dapat kita atasi dalam beberapa tahun lagi. Satu peruntokan sa-banyak \$3,277,715.00 telah pun di-buat untuk biasiswa² dan dermasiswa² bagi tahun ini.

Dasar Kerajaan bagi menolong anak² bumiputra, terutama-nya mereka yang

tinggal di-luar bandar, di-mana kemudahan² mengenai pelajaran menengah tinggi ada-lah terbatas, tetap tidak berubah dengan menyediakan bantuan² kewangan kepada murid² yang tidak mampu di-dalam kelas² Persediaan Universiti. Ada-lah di-jangka bahawa bilangan murid² daripada golongan ini yang akan memasoki Kelas² Persediaan Universiti tahun ini akan meningkat ka-angka 3,000. Untuk keperluan bilangan yang bertambah² itu Kementerian saya memohon peruntokan sa-banyak \$1.9 juta.

Kemajuan yang telah di-chapai di-dalam lapangan pelajaran agama di-sekolah² rendah dan menengah yang di-bantu penoh ada-lah sangat² memuaskan. Semenjak ia-nya di-mulakan, maka bilangan murid² yang mengambil mata pelajaran itu bagi pepereksaan sa-makin bertambah ramai. Dalam tahun lepas hampir 20,000 orang murid² telah mengambil mata pelajaran agama untuk Pepereksaan Cambridge dan juga Pepereksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Kementerian saya akan terus menerus memberi bantuan kewangan kepada sekolah² agama ra'ayat dan bagi tahun ini peruntokan sa-banyak \$608,000 ada-lah di-pohonkan. Ada-lah juga maksud Kerajaan untuk mengubah chorak sekolah² ini supaya menjadi saliran dengan sekolah² lain. Dengan jalan itu murid² yang tamat dari sekolah² ra'ayat akan dapat juga memberikan sumbangan mereka kepada Negara dan mempunyai peluang² yang sama dengan murid² dari sekolah² lain. Pada masa² yang lepas sekolah² agama ra'ayat ini menitek beratkan pelajaran agama semata² dan dengan hal yang demikian murid²-nya hanya dapat memasoki pepereksaan yang di-selenggarakan oleh sekolah² itu sendiri sahaja. Mereka tidak dapat kesempatan untuk memasoki pepereksaan² yang mempunyai sijil² yang di-itarifkan. Mulai daripada tahun ini, Kementerian Pelajaran akan menggalakkan sekolah² ini, khusus-nya sekolah² menengah agama, supaya mengajar juga mata² pelajaran akademik di-samping pengajaran agama dan menyediakan murid²-nya untuk memasoki pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan

sa-terus-nya Sijil Tinggi Persekolahan. Perubahan chorak ini ada-lah mustahak jika kita hendak memberi peluang kepada murid² sekolah ra'ayat ini untuk memasoki Tingkatan VI yang telah di-mulakan pada tahun ini di-Kolej Islam yang sekarang sedang di-perkembangkan sa-bagai salah sa-buah yayasan pelajaran tinggi di-negeri ini. Ada-lah menjadi harapan saya, di-dalam beberapa tahun lagi, bahawa murid² yang lepas dari sekolah² ugama ra'ayat akan dapat pula memasoki bukan sahaja Kolej Islam tetapi juga Universiti Malaya atau pun Universiti² lain di-seberang laut.

Di-dalam bidang pelajaran tinggi pula, kita telah membuat kemajuan yang pesat pada tahun lepas. Laporan Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi yang telah di-kemukakan kepada Dewan ini pada akhir tahun lepas akan menjadi asas bagi kita meranchangkan pelajaran tinggi di-negara ini pada masa yang akan datang. Universiti Malaya, sa-bagai pusat pelajaran tinggi di-negeri ini, sudah tentu menarek minat kita semua. Universiti kebangsaan kita itu telah berkembang dengan chepat-nya semenjak di-tubuhkan tidak sampai pun 10 tahun yang lepas. Perkembangan yang pesat ini dapat kita lihat bukan sahaja dari jumlah penuntut² dan jua mahaguru²-nya yang kian bertambah, tetapi juga dapat kita saksikan dengan bertambah-nya Jabatan² atau Fakulti² baharu. Pada hari ini kita sudah pun mempunyai 7 Fakulti dan berpuluh² Jabatan. Nyata-lah bahawa perkembangan yang begitu besar ada mempunyai bahaya²-nya dan Kementerian saya memang sedar akan bahaya² itu. Oleh itu ada-lah di-maksudkan supaya tahun 1968 ini di-jadikan tahun bagi mengemaskan diri dan membesarkan hanya Jabatan² yang telah sedia ada itu. Dengan bertambah²-nya jumlah penuntut², kita terpaksa menjalankan dasar mengemaskan diri jika tidak, maka sudah tentu mutu-nya akan merosot. Pada penggal persekolahan 1967/1968 bilangan penuntut² ia-lah 4,560 dan bilangan ini di-jangka akan bertambah hingga 5,200 pada penggal yang akan datang. Sungguh pun tidak ada Fakulti baharu yang akan di-buka pada tahun ini, akan tetapi beberapa kursus tam-

bahan akan di-mulakan di-satengah² Jabatan dan Fakulti, mithal-nya, kursus Teknologi Kimia di-dalam Jabatan Kimia dan Kursus Pengajian Jepun di-dalam Fakulti Sastera. Ada-lah satu perkara yang menggirangkan kita semua bahawa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Fakulti Perubahan akan mengeluarkan siswazah² pertama pada tahun hadapan.

Mengenai Pelajaran Teknik, maka semenjak di-mulakan sistem pelajaran anika jurusan pada tahun 1965 lebeh daripada 350 sekolah² menengah rendah sekarang ada mengajar pelajaran Seni Perusahaan kepada kira² 75,000 murid². Di-tingkat vocational, 3 buah sekolah lanjutan telah di-tukar menjadi sekolah² menengah vocational dengan mengadakan bilek² darjah tambahan dan bengkel. Kerja² memperbaiki dan membesarkan bilek² darjah sedang di-jalankan juga di-ketiga² buah sekolah menengah pertukangan dengan tujuan melipat-gandakan bilangan murid² supaya sa-berapa ramai murid² yang lulus Sijil Rendah Pelajaran dengan pangkat B atau C yang baik akan dapat di-ambil memasoki-nya.

Memandangkan kepada kedudukan kewangan Negara dan juga dengan ada-nya had yang di-kenakan kepada Kementerian², maka ada-lah mustahak di-perolehi sa-berapa banyak bantuan asing yang boleh untuk melaksanakan sa-tengah² projek. Di-dalam hal ini Kementerian ini sedang berunding dengan Bank Dunia untuk mendapatkan bantuan bagi mendirikan beberapa buah sekolah² menengah vocational dan teknik. Bilangan sekolah² itu yang akan di-bena kelak ada-lah bergantung kepada jumlah bantuan yang akan di-perolehi. Tetapi saya mempunyai keyakinan penuh bahawa semua keperluan² kita itu akan di-beri oleh Bank Dunia yang sentiasa mengambil perhatian yang utama kepada pelajaran vocational dan teknik. Persiapan untuk membuka sa-buah Maktab Perguruan Vocational sedang di-buat dan peruntukan yang sewajar-nya bagi mengambil kaki-tangan dan sa-bagai-nya telah pun di-sediakan.

Ahli² Yang Berhormat tentu ingat bahawa salah satu daripada shor² didalam Laporan Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi ia-lah untuk menjadikan Kolej Teknik di-Kuala Lumpur sa-bagai sa-buah Kolej Teknolohi. Kementerian saya sekarang sedang menyiapkan segala butir² bagi melaksanakan shor itu yang sudah tentu akan menambah lagi kebolehan negeri ini untuk melateh ahli² teknik yang sangat² di-perlukan oleh perusahaan² kita yang sedang berkembang dengan pesat-nya itu.

Kolej Teknik sekarang ada-lah sedar akan perlu-nya di-mulakan satu kursus yang dapat menyediakan penuntut²-nya untuk mengambil kursus² bagi mendapatkan diploma² di-Kolej itu dan juga di-lain² Kolej yang sama sa-taraf dengan-nya. Oleh itu Kolej ini telah menyemak balek kursus²-nya untuk memberi kemudahan² bagi penuntut²-nya belajar dalam asas² Ilmu Hisab dan Sains. Kursus diploma-nya, yang biasa-nya meliputi 3 tahun pelajaran akademik dan satu tahun latehan luar, sekarang telah di-gantikan dengan kursus 3 tahun pelajaran akademik dan 7½ bulan latehan luar yang di-jadualkan dalam masa tiga tahun itu. Dengan penukaran ini, maka satu sukatan latehan yang lengkap sedang di-sediakan dengan bantuan Jabatan² dan Badan² Perusahaan. Mengenai kursus² professional pula ada-lah di-dapati perlu di-semak balek sukatan pelajaran-nya dengan mengadakan lebih banyak kemudahan² untuk latehan di-ma'mal², kerana kursus² ini telah menjadi bertambah khusus (specialised) dan meluas (extensive). Kemudahan² tambahan untuk memenohi keperluan² ini telah di-ranchangkan dengan rapi-nya dan apabila siap kelak Kolej ini akan mempunyai 21 buah ma'mal dan 5 workshop yang lengkap dan sa-taraf dengan Maktab² Teknolohi luar negeri yang mempunyai kemudahan² yang chukup bukan sahaja untuk penyelidekan akademik tetapi jua untuk keperluan² dari bidang perusahaan.

Sementara usaha² yang bersungguh² sedang di-buat bagi menambahkan bilangan juru² teknik kita untuk

memenohi keperluan² perusahaan Negara, Malaysia akan terus menerus merupai sa-buah negara pertanian untuk beberapa tahun lagi. Oleh itu ia-nya akan juga berkehendakkan bilangan petani² yang bertambah, terutama-nya yang mendapat latehan di-peringkat pertengahan. Bagi memenohi kehendak ini Kolej Pertanian di-Serdang mempunyai peranan yang penting. Ada-lah di-harapkan bahawa bilangan penuntut² akan di-tambah dengan 4 kali ganda supaya dalam tahun 1969, 160 daripada mereka akan tamat dari Kolej itu. Bilangan penuntut²-nya telah pun bertambah dari 112 dalam tahun 1965 menjadi 437 dalam tahun 1967. Pada tahun lepas juga Kolej itu telah memulakan satu kelas persediaan untuk 40 orang penuntut² dari luar bandar yang mempunyai minat terhadap pertanian dan bilangan ini akan di-tambah dalam tahun² yang akan datang. Bagi tahun ini bilangan penuntut²-nya di-jangka meningkat ka-angka 520, sesuai dengan matlamat yang di-ranchangkan didalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Ranchangan mengajar bagi kursus diploma sedang di-semak dengan tujuan membolehkan penuntut²-nya mendapat pelajaran yang sa-imbang bagi mengisi keperluan² negara yang bertambah² meluas dan beranika jenis itu. Pada tahun lepas satu penyemakan umum telah di-jalankan dan sains kemasharakatan, ekonomi rumah-tangga, pelajaran pertanian dan pekerjaan luar telah di-mulakan sebagai mata² pelajaran tambahan. Begitu juga mulai tahun ini Bahasa Kebangsaan akan diajar sebagai satu mata pelajaran didalam kursus.

Dewan Bahasa dan Pustaka telah memainkan peranan yang penting bagi mengadakan buku² teks untuk sekolah. Dalam tahun 1967 Dewan ini telah menyedia dan mengeluarkan lebih dari 5 juta naskah² dari 178 jenis buku². Untuk membantu-nya dalam bidang pengeluaran buku², Kerajaan telah memberi kepada Dewan satu pinjaman tanpa faedah sa-banyak \$3 juta pada tahun lepas. Salah satu tugas-nya yang penting pada tahun ini ia-lah mengeluarkan satu kamus Bahasa Kebangsaan yang lengkap yang pada masa ini

sedang dalam peringkat penyuntingan yang akhir.

Di-dalam rancangan istilah, Dewan Bahasa dan Pustaka, melalui 23 Jawatan-kuasa Istilah-nya, telah men-chipta 5,200 perkataan baharu di-dalam semua bidang ilmu pengetahuan. Pada hari ini sa-jumlah 75,000 perkataan² telah pun di-chipta dan di-kumpulkan dan kebanyakan-nya sedang di-gunakan dengan meluas-nya di-Jabatan² Kerajaan, surat² khabar dan lain² penerbitan. Pada tahun lepas 4 buah buku istilah telah di-hantar kepada penchetak dan buku² ini akan dapat di-perolehi oleh orang ramai tidak lama lagi. Dewan ini juga telah memainkan peranan yang penting tahun lepas untuk merundingkan dengan pehak Indonesia satu sistem ejaan sama, yang di-terima oleh kedua² Kerajaan. Untuk membiasakan orang ramai dengan sistem ejaan baharu ini, siri² cheramah telah di-beri di-radio dan di-talivishen oleh pegawai² Dewan sapanjang tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi, saya tidak-lah berchadang hendak menjelaskan tiap² butir perbelanjaan dalam anggaran kerana saya perchaya ada-lah lebeh baik bagi saya mendengar apa² masaalah dan kemushkilan dari Ahli² Yang Berhormat terlebih dahulu dan kemudian-nya chuba menjawab. Daripada anggaran Kementerian ini bagi tahun² yang telah lalu, maka jelas-lah bahawa Kementerian Pelajaran telah menggunakan sa-bahagian besar dari khazanah negara pada tiap² tahun. Pelajaran tidak lagi boleh di-anggap semata² sebagai satu perkhidmatan social tetapi ia-nya jua di-aku² sebagai satu penanaman modal yang menguntungkan. Kemajuan dan kema'amoran negara ada-lah bergantung kepada-nya. Oleh itu kita mesti-lah juga bersikap jujur dan mengaku² bahawa tidak-lah 'adil mengharap² negara membiayai-nya sa-tiap masa. Masaalah perbelanjaan pelajaran yang meningkat mesti-lah di-selesaikan dengan apa chara jua pun. Pada pendapat Kementerian saya, ada dua jalan untuk mengatasi-nya, ia-itu kita menyemak balek dasar memberi pelajaran perchuma di-sekolah rendah dan menjamin pula supaya

tiap² murid itu dapat pelajaran 3 tahun lagi di-sekolah anika jurusan atau kita menchari sumber² pendapatan yang baharu untuk menghadapi kenaikan perbelanjaan itu. Mengenai jalan yang kedua, Kementerian saya telah pun mengambil segala daya usaha, termasuk menaikkan yuran sekolah yang telah menjadi pokok kechaman daripada sa-tengah² gulungan yang tidak faham tentang kedudukan yang sa-benar-nya. Sa-kali lagi saya menegaskan bahawa kenaikan yuran sekolah itu tidak akan di-benarkan merampas peluang sa-saorang murid yang berkeelayakan dari meneruskan pelajaran-nya. Tempat² perchuma dan pengechualian dari se-bahagian bayaran yuran sekolah akan di-beri kepada murid² yang tidak mampu, sa-lain daripada meneruskan kemudahan² yang sedia ada. Langkah² pentadbiran telah pun di-ambil ka-arrah penyelesaian masaalah ini.

Tuan Pengerusi, walau bagaimana pun maseh ada lagi sumber² kewangan lain yang, sa-hingga sekarang, belum lagi memberikan sumbangan² yang wajar kepada perbelanjaan pelajaran. Saya maksudkan ini kepada bahagian private (private sector). Pemberian biasiswa² dan bantuan² kewangan dari bahagian private ada-lah satu sumber bantuan yang besar kepada perbelanjaan pelajaran di-kebanyakan negara² dalam dunia sekarang. Malang-nya bantuan daripada bahagian ini tidak banyak di-perolehi di-negara kita ini. Hanya ada beberapa orang yang dermawan yang telah tampil ka-hadapan dengan bantuan² kewangan; tetapi bilangan mereka tidak-lah banyak untuk memberikan kesan yang nyata. Ada-lah di-harapkan bahawa sambutan yang lebeh memuaskan akan di-perolehi tidak lama lagi, kerana bantuan yang sa-macham ini bukan sahaja akan merengankan beban negara, tetapi juga ada-lah menjadi satu lambang hasrat ra'ayat bagi menyertai kema-juan² negara. Dengan kata² yang penoh harapan dan keyakinan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan.

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 20 minit.

Persidangan ini di-tempohkan pada pukul 11.30 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.50 pagi.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian di-dalam perbahathan berkenaan dengan Kementerian Pelajaran yang mana peruntukan yang berjumlah semua-nya \$401,478,152 telah pun di-buat oleh Kementerian. Saya chuma ingin berchakap di-bawah Kepala Besar B. 18 pada muka 217, ia-itu Pechahan-kepala 22—University of Malaya, yang mana peruntukan sa-banyak \$17,647,180 yang telah di-buat, berbanding dengan peruntukan sa-banyak \$15,500,000 yang telah di-buat pada tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang di-buat untuk pelajaran di-dalam negara kita. Saya perchaya, Tuan Pengerusi, tidak ada negara lain yang begitu mengambil berat berkenaan dengan pelajaran di-dalam negeri. Bukti-nya, Tuan Pengerusi, di-pekan Alor Star di-mana saya tinggal, pada tiap² tahun daripada tahun 1964 sa-hingga sekarang, sa-kurang²-nya sa-buah Sekolah Menengah di-bena dan di-penohi dengan murid². Saya maseh ingat di-masa saya di-bangku sekolah di-zaman penjajah di-dalam 10 tahun tidak sa-buah Sekolah Menengah pun di-bena, melainkan Sekolah Sultan Abdul Hamid.

Tuan Pengerusi, kalau kita bagini bergiat dengan memberi pelajaran kapada kanak² dan pemuda kita, patut-lah juga kita memikirkan apakah akibat-nya usaha kita ini. Saya khuatir, Tuan Pengerusi, yang polisi pelajaran kita barangkali boleh memberi asas kapada perselisihan antara kaum. Tuan Pengerusi, untuk membayangkan apa yang ada dalam fikiran saya, saya ingin menarek perhatian kapada perbelanjaan yang sa-banyak \$17,647,180 yang di-peruntokkan kapada Universiti Malaya.

Di-dalam negara kita, ada tiga kaum yang besar dan perasaan perkauman malang-nya belum lagi dapat di-hapuskan. Di-antara kaum yang tiga ini yang besar, orang² bumiputra ada lebeh kurang 45%. Tetapi di-dalam Universiti Malaya, orang² bumiputra chuma ada kurang daripada 25%, ini kebanyakan di-dalam Faculty of Arts, mempelajari bahasa Melayu dan Ugama Islam. Di-dalam Faculty of Science, Engineering, Medicine dan Agriculture, peratusan bumiputra kurang banyak daripada total average.

Di-dalam Faculty of Medicine, Tuan Pengerusi, bagi tahun keempat, daripada 52 orang, chuma 3 orang sahaja terdiri daripada orang bumiputra, ia-itu chuma 6 persen sahaja. Dan saya tahu lebeh kurang \$7 juta daripada \$17 juta yang di-peruntokkan akan di-belanjakan dalam Faculty of Medicine. Tuan Pengerusi, sebab-nya peratusan bumiputra kurang dalam jurusan teknikal dan professional, bukan-lah oleh kerana orang² bumiputra kurang kelayakan. Ada chukup orang² bumiputra untuk menjadikan 45% daripada penuntut² di-universiti. Yang mengurangkan peratusan dan bilangan mereka, ia-lah chara² pemilehan untuk masok ka-Faculty² tersebut. Umpama-nya, dalam Faculty of Medicine, kalau-lah ada tempat untuk 50 orang penuntut dan 200 orang yang berkelayakan, yang ada chukup basic qualification memohon tempat² ini, maka yang terpilih ia-lah penuntut² yang sa-habis baik tingkatan sijil-nya.

Saya terpaksa mengaku oleh sebab² yang bersangkutan dengan quality Sekolah² Menengah yang orang bumiputra dapat masok, di-antara 50 orang yang terbaik sa-kali, yang ada di-senarai yang sa-belah atas sa-kali jarang sa-kali ada orang bumiputra. Saya sendiri kalau di-pilih chara ini, tidak dapat menjadi doktor. Tetapi saya tahu sa-masa saya di-Medical College, banyak orang² yang di-katakan lebeh chekap, lebeh pandai yang mana Sijil Cambridge-nya lebeh banyak *distinction* daripada saya, gagal dan terpaksa keluar daripada College.

Dengan menggunakan yardstick yang sa-macam ini, Faculty of Medicine berjaya menyekat orang² bumiputra daripada menjadi doktor. Di-dalam Faculty² Science, Engineering dan lain² begitu juga. Saya tahu ada orang bumiputra yang gagal memasoki Faculty² ini yang telah dapat kejayaan yang chemerlang dalam universiti di-dalam sama jurusan di-dalam universiti² luar negeri.

Tuan Pengerusi, maksud saya menerangkan perkara ini di-sini ia-lah supaya kita sedar akan kesan² peruntukan yang kita buat untuk pelajaran 'am-nya dan University of Malaya khas-nya. Pada fikiran saya, Tuan Pengerusi, peruntukan yang kita buat hari ini akan memecah-belahkan warganegara Malaysia dan mengekalkan perkauman. Kesan daripada peruntukan kita kepada universiti ia-lah kita akan kekalkan satu masyarakat yang mana orang² professional, educated, dan kaya ia-lah orang² yang bukan bumiputra dan orang² bumiputra akan menjadi guru² bahasa dan guru² ugama yang kita tahu bergaji kecil. Economic division ini akan emphasise—economic division yang ada sekarang yang tidak payah saya ulangkan di-sini. Economic division ini juga akan bantu perpechahan antara pekan dan luar bandar yang ada sekarang dan di-antara kaum dengan kaum.

Tuan Pengerusi, ada orang² yang berkata perkara ini tidak payah dibangkitkan. Kata mereka dalam masyarakat manusia chuma satu prinsip sahaja yang dapat berjalan, ia-itu "survival of the fittest". Pada fikiran saya, orang yang subscribe kepada prinsip ini sangat-lah primitive. Senjata untuk memperelokkan masyarakat kita ada di-tangan kita; kalau kita chuma biarkan kepada Undang² primitive, maka tentu-lah kita tidak layak memandu manusia. Kalau kita mesti belanja wang yang begitu banyak untuk Universiti kita, maka patut-lah kita fikir bukan sahaja tentang sijil² yang enak yang akan mendatangkan ke-untungan yang besar kepada sa-siapa yang berjaya merebutkan-nya di-dalam satu perjuangan yang primitive, tetapi

juga patut kita fikir tentang masharakat yang kita akan bena di-negara kita. Dengan peruntukan yang kita akan luluskan maka berm'a-ana-lah yang Universiti Malaya ini ia-lah satu nasional universiti. Sa-bagai nasional universiti yang di-sokong 100% oleh negara, Universiti ini mesti di-jadikan alat kepada hasrat negara. Kalau Universiti ini hendak di-jadikan alat negara, maka mustahak-lah Kerajaan champor tangan dalam administrasi Universiti.

Myth atau pun angan² yang Universiti ini satu badan yang bebas tidak usah-lah kita chuba pertahankan. Tuan Pengerusi, di-dalam wang yang sa-banyak \$17 juta tadi untuk Universiti termasuk-lah lebeh kurang \$7 juta untuk Faculty of Medicine. Saya diberitahu, ia-itu ini ia-lah perbelanjaan yang Berulang Tiap² Tahun. Kalau Dewan ini mesti meluluskan wang yang bagini banyak untuk satu institution sahaja, maka patut-lah Dewan yang bertuah ini tahu sedikit tentang Faculty of Medicine.

Tuan Pengerusi, baharu² ini saya dengar ia-itu *all is not well* dengan teaching staff dalam Universiti dan terutama dalam Faculty of Medicine. Saya sendiri telah berchakap dengan dua orang professor dan sa-orang doktor yang berkhidmat dalam Faculty of Medicine, dan sungguh pun jawapan mereka agak *evasive* saya perchaya keadaan *all is not well* memang ada. Tuan Pengerusi, di-dalam dunia ini tidak ada manusia yang indispensable dan tidak ada manusia yang selalu betul. Juga kalau sa-saorang telah tudoh oleh banyak daripada rakan²-nya, saya perchaya tentu-lah ada sebab² yang tudohan² ini di-buat.

Tuan Pengerusi, kita telah belanja \$70 juta untuk Faculty of Medicine termasuk Teaching Hospital dan kita akan belanja tiap² tahun \$7 juta lagi. Kalau Dewan yang bahagia ini bertanggung-jawab atas perbelanjaan wang orang ramai yang sa-bagini banyak, maka patut-lah Dewan ini tahu dan ambil tahu dan ambil berat atas tudohan² ini. Sa-lain daripada apa yang telah saya sebutkan tadi tentang pengambilan penuntut² masuk ka-dalam

Faculty of Medicine, Ketua Faculty ini telah di-tuduh menjalankan pentadbiran sa-hingga mendatangkan kerugian kepada Kerajaan dan Negara.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1964 saya telah beruchap di-dalam Dewan ini juga tentang chara² melateh doktor² baharu dengan menggunakan facilities yang ada kepada kita dan tidak membelanjakan wang yang banyak. Malangnya oleh kerana saya chuma Wakil Ra'ayat yang tidak berkuasa, pehak² yang merancang Faculty of Medicine yang besar dan mahal telah dapat mengeneipkan chadangan saya. Pada masa sekarang kita ada satu Universiti Hospital yang terbesar dan terhabis moden dalam Tenggara Asia, tetapi nampak-nya perbelanjaan yang besar tidak mendatangkan faedah yang sak-sama kepada negara. Sunggoh pun kita ada banyak facilities di-dalam Universiti Hospital ini yang specialise, kita terpaksa juga mengadakan facilities yang sama di-General Hospital di-Kuala Lumpur yang chuma enam batu dari Universiti Hospital. Ini ia-lah dengan kerana keinginan kepada *rarified atmosphere* di-dalam universiti.

"Kami berlain, kami pelopor, kami akan buat serba-serbi dengan sa-chara bebas", ini kata orang² dalam universiti. Saya di-beritahu bukan sahaja beberapa specialist unit yang ada di-General Hospital akan di-adakan juga di-Universiti Hospital, tetapi berkenaan dengan alat² juga akan di-duplicate dalam Universiti Hospital. Satu Central Sterilising Unit dalam hospital yang besar yang boleh di-guna oleh General Hospital, Kuala Lumpur, di-khaskan untuk Universiti Hospital sahaja. Laundry yang besar untuk Universiti Hospital yang boleh service General Hospital juga di-khaskan untuk Universiti Hospital sahaja. Ini berma'ana kita akan lipat-gandakan perbelanjaan Kerajaan. Apa-kah salah-nya jika Universiti Hospital ini dapat bekerjasama dengan General Hospital, Kuala Lumpur, di-dalam semua perkara untuk mengurangkan perbelanjaan terutama pada masa sekarang yang ekonomi kita merusut.

Tuan Pengerusi, baharu² ini Director kepada Universiti Hospital telah letak

jawatan. Saya tidak ingin memecah di-mana² belah, tetapi sa-bagai sa-orang Wakil Ra'ayat, saya fikir saya berhak bertanya, Kerajaan telah belanja lebeh kurang \$20,000 untok Latehan Khas bagi Director ini; ia telah di-hantar ka-beberapa buah negeri di-Eropah dan Amerika; ia di-katakan oleh pehak universiti sa-bagai sa-orang yang betul² chekap sa-bagai Hospital Administrator. Walau pun Universiti Hospital ini satu universiti yang chukup complex dan berlainan sa-kali daripada hospital² lain, dalam tiga empat bulan sa-lepas di-serah oleh Jabatan Kerja Raya, hospital ini telah mula berjalan. Ini merupakan satu rekod bagi institution yang sa-macham ini. Tetapi sekarang ini, Tuan Pengerusi, Director, itu telah letak jawatan dan telah berkhidmat sa-mula dengan Kerajaan di-hospital di-Perlis, hospital yang chukup kechil. Bersama² dengan-nya telah pergi isteri-nya, sa-orang Matron juga yang di-lateh khas dengan belanja yang banyak untok berkhidmat dalam Universiti Hospital.

Tuan Pengerusi, saperti saya kata tadi saya tidak ingin menghukum, membuat judgment di-sini. Kalau saya boleh ejek Shakespeare, "There is something rotten in the state of our university", dan ini dan orang ramai mesti di-beritahu. Banyak lagi pegawai² dalam Medical Faculty di-Universiti yang bersungut tidak puas hati, bukan dengan Kerajaan, bukan dengan soal kewangan dan academic freedom, tetapi dengan telatah dan tandok sa-bahagian daripada orang² yang berkuasa dalam universiti. Adakah kita patut tunggu sa-hingga pegawai² ini meletakkan jawatan dan merugikan kita sa-belum kita siasat soal ini? Adakah patut kita meluluskan wang yang sa-bagini banyak dengan tidak menghiraukan khabar² angin yang kurang baik ini? Adakah kita di-kehendaki bangun dalam Dewan ini Dewan yang bahagia ini sa-mata² untok menyokong peruntukan dengan tidak menyoal di-mana-kah pergi-nya wang ini dan apakah yang telah jadi kepada peruntukan yang kita telah buat pada masa² dahulu?

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan kepada Yang Mulia Perdana Menteri yang juga menjadi Chancellor kepada Universiti kita supaya perkara ini di-ambil berat oleh Kerajaan. Kerajaan mesti-lah tahu apa yang telah jadi dan apa akan jadi kepada peruntukan yang di-buat tiap² tahun untuk Universiti kita. Tahun ini kita akan belanja \$2,147,180 lebih daripada tahun yang lepas. Dalam keadaan ekonomi kita pada masa sekarang ini ia-lah satu belanja yang banyak, yang berat untuk di-pikul oleh negara.

Saya pohon kepada Kerajaan supaya peruntukan yang sa-banyak \$17,647,180 ini di-belanjakan dan mendatangkan faedah kepada negara dan ra'ayat, bukan sahaja untuk tahun ini, tetapi juga untuk masa² yang akan datang.

Saya pohon supaya wang ini dipergunakan untuk mendirikan satu masyarakat berbilang bangsa di-Malaysia ini yang 'adil dan aman.

Dr Tan Chee Khoon (Batu) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I rise to speak on the allocation of \$36,000 for the Minister of Education found on page 177 and the sum of \$744,307 for the Examinations Syndicate found on page 189 and, in doing so, I wish to refer to the speech made by me on 22nd January, 1968, and that made by the Minister of Education on 26th January, 1968.

Mr Chairman, Sir, the Minister has charged that my remarks were wild, unfounded and communalistic. In my short stay in this House, I have been called all sorts of names. Thus, in the dark days of the Indonesian confrontation in 1964, when in this House I called for a negotiated settlement with Indonesia, I was called "Traitor", "Voice of Jakarta", "Indonesian Agent", etc. But I am glad to say that events in 1966 have vindicated me, for, by the Bangkok Accord, the Alliance Government followed the path that my party and I have consistently advocated, i.e., a negotiated settlement with Indonesia.

When the history of this House comes to be written, I venture to predict that

the stand that I have taken over the L.C.E. and H.S.C. Entrance Examinations too will be vindicated.

With the elections around the corner, one must expect to be smeared by the Alliance party, but if I am a communalist, why should the Mentri Besar of Selangor, Dato' Harun bin Haji Idris, openly invite me to join the Alliance party? And I might add that this was not the only offer made to me. Then, when this House debated the National Language Bill, I believe I was the only one in the Opposition benches, who supported the Bill. I risked my neck to do what I thought was right. In view of the foregoing, how can this smear that I am a communalist hold water?

It is a well known fact that figures do not lie, and that while figures do not lie, they nevertheless can be presented in such a manner as to justify one's case. I shall give but one example. On pages 113 and 114 of the Written Answers to Questions dated 23rd January, 1968, the Sekolah Menengah Sultan Ibrahim, Pasir Mas, has a pass rate of 100% for science. But if one looks closer at the figures, one will see that there was only one candidate and in the event of his passing, as has happened in this case, the school attained a pass rate of 100%. The figures that I have just quoted are correct, but obviously they do not give a true picture of the standard of science in that school.

Have I really gone wrong with the figures of L.C.E. results in 1964? Certainly not. On the contrary, I can show that I was absolutely right and that it was the Minister who has misled the House by manipulating figures. I stated that in 1964, 89% students in Malay medium schools passed the L.C.E., whereas only 75% of those in the English Medium passed, of these First Grades were 65% and 50% respectively.

I have here with me the Written Answers to Questions dated 9th August, 1965. On pages 11 and 12 are found the L.C.E. Examination Results for the years 1959 to 1964. I shall, with your

permission, Mr Chairman, Sir, quote the figures only for 1964:

Type of school	YEAR 1964 GRADES				Total sat
	I	II	III	X (Failure)	
<i>National Schools (Malay Medium)</i>					
No. of students passed	4,011	3	1,538	741	6,293
Percentage passed	63.73	0	24.43	11.17	—
<i>National-type Schools (English Medium)</i>					
No. of students passed	16,112	2,389	5,389	8,030	31,920
Percentage passed	50.41	7.48	16.88	25.15	—

Thus for the National Schools (Malay Medium), if you add the categories I, II and III, you get the figures of 88.16% or 89% which was the figure I quoted. For the National Type Schools (English Medium), again, if you add the categories I, II and III, you get the figures of 74.72% or 75% which, again, was the figure I quoted. Thus, my figures for passes in 1964 are absolutely correct, and the Minister owes me an apology for calling them wrong. If the figures are wrong, then he is wrong—not the Member for Batu.

For 1964, the figures of promotion passes quoted by the Minister are 58% for English Medium Schools and 63% for Malay Medium Schools. The figures I have calculated are 50% and 64% respectively; and I submit that, based on these figures that I have read out in these Written Answers, my figures are correct. Either the Minister or his civil servants have made a mistake—not the Member for Batu.

I next stated that the best Malay Medium Schools get nearly 100% passes. Here it is obvious that the Minister holds all the trump cards—he has access to figures while I do not. Hence, in my speech, I took the trouble to cover myself, for I stated, "Of course, I cannot quote chapter and verse of the discrimination."

Be that as it may, I have here with me the *Straits Times* of 8-1-1968, on page 8 of which there is the heading "Best Schools". With your permission, Mr Chairman, Sir, I shall read the *Straits Times* of 8-1-1968:

"The Malay College in Kuala Kangsar with 98% passes had the best results in Perak. Of its 90 candidates, 89 obtained

grade "A" with three pupils securing five distinctions each and one a grade "C". The second best result was that of the Sekolah Tuanku Abdul Rahman in Tiger Lane, Ipoh, which had 95% passes for its 129 candidates, 122 of whom obtained grade "A", one grade "B" and six grade "C". Next, the Tun Fatimah School, Johore Bahru, had 96% and the Tunku Khursiah College in Seremban had 92.1% passes".

Does the Minister, now in 1968, wish to say that the above schools are not Malay schools and the pupils are not *bumiputras*? By excluding these schools from the National Schools and including them in the National Type Schools, he has increased the percentage of the National Type or English Medium Schools and reduced the percentage of the National, i.e., Malay Medium Schools. Thus one can see how figures can be slanted to suit one's own purpose.

The Minister, in paragraph 17 of his speech, says that there are seven English Medium Schools that obtained between 85 to 100% passes in L.C.E. last year. He has the nerve to conclude from this that "the accusation by the Honourable Member for Batu is completely false" when, in fact, these prove my case to the hilt. Only six schools can be found in the Minister's speech, and I will read out their names from his "Comparative Analysis":

(1) Victoria Institution, Kuala Lumpur	95.2%
(2) Tunku Khursiah College	92.1%
(3) Sekolah Tun Fatimah	96.0%
(4) Kuantan National Type Secondary School	85.2%
(5) Malay College, Kuala Kangsar	98.9%
(6) Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh	94.6%

The names of these schools speak for themselves. Except for the Victoria Institution, Kuala Lumpur, and the Kuantan National-type Secondary School, the others are for *bumiputras* only, although perhaps the Ministry or the Minister may postulate that the Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, may have a few non-*bumiputras*.

The Minister has given this House a set of figures to prove his case. I have shown that there are gaps in his statistics big enough to drive a bus through.

The full story can only be told when the country is told of the L.C.E. results of each and every secondary school in this country. Only then can one make a proper analysis of the L.C.E. results.

Mr Chairman, Sir, the Minister in his reply completely ignored my charge regarding the H.S.C. Entrance Examination. Let me quote the Minister who, in the *Straits Times* of 13th January, 1968, is reported to have said: "Also, some pupils would do well in the Entrance but fail in Cambridge or Malaysia Certificate of Education Examination. Then a lot of headaches arises as these pupils have to leave, Enche' Khir added."

Before 1967, when the results were categorized into "A", "B" and "C" categories, the Minister knows full well that at least in Selangor those who just made the grade came from one section of the community and those who just failed to make the grade, that is, those in Category "C", were from another section. Also the Minister knows full well who are those who passed in the Entrance Examination and yet failed the Senior Cambridge/M.C.E. Examination. Conversely, he also knows who are those who failed the H.S.C. Entrance Examination but subsequently did very well in the Senior Cambridge/M.C.E. Examination. All this has given rise, as the Minister says, to headaches and also to serious suspicion. If the H.S.C. Entrance Examination is conducted properly, why should all these heartaches and headaches occur?

The results of the H.S.C. Entrance Examination for Science too are very revealing. Here are some of the results for 1967 as revealed in the Written Answers given to us:

Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur	74.4%
Sekolah Aminuddin Baki, Kuala Lumpur	75%
Tunku Khursiah College, Seremban	60.7%
Federation Military College, Sungei Besi	80%

Only the Penang Free School, Penang, with 60.9% has comparable results.

The percentages of passes for the whole country as a whole are even more revealing. They are:

Medium	Arts	Science
Malay	9.4%	32.3%
English	7.85%	19.2%

The figures for the English Medium Schools includes those for Tunku Khursiah College, Seremban, and the Federation Military College, Sungei Besi, Malay College, Kuala Kangsar, etc. If you take these and other similar schools away, the gap between the two streams will be wider.

Mr Chairman, Sir, for the last three years, after the announcement of the H.S.C. Entrance Examination results, a stream of unsuccessful candidates have made their way to my dispensary and they have almost wept on my shoulders. The Minister knows from what section of the community they come from. They are the boys who failed the H.S.C. Entrance Examination, but then did very well in the Senior Cambridge/M.C.E. Examination and hence got into the H.S.C. after those who passed the H.S.C. Entrance Examination but failed the Senior Cambridge/M.C.E. Examination had left. Hence I have decided that the least I could do for them would be to draw the attention of this House and of the country to their plight.

Mr Chairman, Sir, I have here with me the January issue of *The Guardian*, organ of the M.C.A. At least, on page 5, it has this to say of the H.S.C. Entrance Examination. I quote:

"With regard to the Form VI Entrance Examination"—this is the *Guardian*, 1968—"it is obvious that the existing system did not meet the requirements. There are complaints from all quarters that the Entrance Examination led to a paradoxical situation, resulting in two types of frustration:

Those who successfully completed the Entrance Examination and were eligible to continue in the Form VI classes were appalled to discover that their Senior Cambridge results did not qualify them to continue in Form VI.

There was a second group who did get a good grade in the School Certificate Examination but, unfortunately, did not qualify in the Entrance Examination.

Thus, there was disappointment and disillusionment all round."

Any comment from me, Mr Chairman, Sir, on this article in *the Guardian*, organ of the M.C.A., would be superfluous.

Since I made the speech on the L.C.E. and the H.S.C. Entrance Examination results, I have received several telephone calls congratulating me on my humble duty. I have also talked to a business tycoon who is also an M.C.A. stalwart. He said:

"The Government can take away all my wealth and property and I can still hope to make it back. But I have no hope if my children cannot get through the L.C.E. or the H.S.C. Entrance Examinations."

Finally, I wish to read, Mr Chairman, Sir, some of the letters which I have received from a good cross-section of the public. With your permission, Mr Chairman, Sir, I shall read some of them:

"Dear Chee Khoon,

This is just a brief word to say how much we appreciate your contribution in the Assembly. I was particularly happy to read today's paper with reference to the conduct of examinations. Thousands of parents will bless you for what you are doing. May your voice be heard."

Here is another letter,

"Dear Dr Tan Chee Khoon,

Permit me to congratulate you on your absolutely truthful exposition of the 'fiddling' going on. This nefarious practice was perpetrated from a few years back. I should know, after being a teacher for more than 43 years. I am retired now, but I am full of praise for the courageous, lone fight you carried out successfully. You have earned the heart-felt thanks of all non-bumiputras—tens of thousands of them. It is a sad commentary that no one in the Opposition supported you in blaring out the truth. However, you will be blessed, realising that there is One above, who will never fail you."

"Dear Dr Tan,

It was indeed courageous of you to speak on behalf of all the non-bumiputras. I have had the opportunity to meet several students and teachers who were involved in the L.C.E. Examination. According to a general consensus of opinion, several of the worst bumiputras pupils have got through the examinations, although many brighter non-bumiputra students have failed to make the grade. Several of these people feel that they have no future in this country. It is really a tragedy since they

make excellent citizens (and not disloyal as 'someone' said recently). It makes a laughing stock of all that remains of justice and fairplay in this country."

Mr Chairman: How many more letters are you going to read?

Dr Tan Chee Khoon: There are not many more. (*Laughter*) Mr Chairman, Sir, here is another letter:

"Dear Dr Tan,

Congratulations on a work well done. Now at least they realise that the non-bumiputras are not as dense and short-sighted as they assumed we are. Keep up the good work. I assure you that of all the non-bumiputra friends I have, none has any thought of support for the Government's policy on the system of education. It is good to know that we still have someone who cares about the future of the non-Malays."

Here is a letter from a student, Mr Chairman, Sir,:

"Dear Sir,

Your admirable courage and integrity cannot go unnoticed. I wish to thank you for the speech you have made in Parliament. Your speech means a lot to me and probably to many of my fellow students who long for education.

Once again, thank you, Sir, for the eye-opening speech you have delivered."

"Dear Dr Tan,

I support your allegation made in Parliament last Monday accusing the Minister of Education of fiddling with the L.C.E. Examination results. It is without doubt to find it a common talk amongst parents, particularly pupils, that only Malay pupils have a chance of passing the L.C.E."

"What Dr Tan Chee Khoon said 'that the L.C.E. results had been tampered with to give Bumiputra pupils an advantage over others', is a fact every 1967 L.C.E. students and teachers knows well. Please be understood that the voice of Dr Tan in the Parliament is a voice of millions of peoples of Malaysia".

Finally, Mr Speaker, Sir, there was a ditty that was sent to the *Straits Times* which the *Straits Times* refused to publish. It is headed:

TRUTH

Dear Editor, congrats to you,

For publishing the TRUTH—a boon

To all non-bumiputras true—

The Saga of dear Tan Chee Khoon.

"The TRUTH must out," the Sages say,

It did in *Straits Times*, yesterday.

Khair's muddled, morbid Ministry

Stands condemned by vox populi.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Ada-kah surat² itu semua-nya di-punya'i oleh budak² yang gagal?

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, as I have read, there was only one letter from a student who passed, who is now presumably in Form VI. The others are all from

Mr Speaker: Apa dia?

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tidak-kah ada hak bagi tuan, ia-itu bagi Tuan Pengerusi sendiri bagi mengkaji semua surat² yang di-bawa ka-dalam Parlimen itu sama ada benar atau tidak, atau kerana saya tengok surat² itu envelop-nya hijau yang boleh jadi satu tangan yang menulis dan satu fikiran yang membuat-nya dan boleh jadi ia sendiri yang poskan surat² itu untuk membangkitkan perkara² ini dalam Parlimen? Boleh-kah Tuan Pengerusi sendiri mengambil surat itu bagi mengkaji sama ada benar atau tidak tulisan² itu yang di-bawa dalam Parlimen ini?

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, it is exactly because I knew that someone would question my integrity, someone would say that these letters have been written by me, that I have preserved not only the letters themselves but the envelopes so that they can see that these are not forgeries, and if you like, Mr Chairman, Sir, I would be very glad to show them to you, although as I pointed out, some of them do not want their names to be revealed.

Mr Chairman, Sir, I am fortified by the belief that what I have done in this is right and that posterity will vindicate my stand. In any case, the very vehemence of the Minister's attack, to me at least, proves that I have touched a raw nerve. I should like to hear some explanations instead of abuse.

Let us examine these sensitive issues like rational citizens. It is dangerous to ignore these fresh points when they first appear. Better to put them out quickly. To end communal sentiment, you must eliminate communal discrimination. That is all that I am trying to achieve and I appeal to the good sense of the more rational Members of the

Government Benches. Already steps are being taken to allay the fears of the people. I refer to the abolition of the H.S.C. Entrance Examination, and the removal of names from the scripts of the L.C.E. Examination paper. But a great deal more has to be done before the Government can convince the people that all is just and fair at least as far as examinations are concerned.

I wish to reiterate that it was very unfortunate that the Minister should have dragged my son into this debate. It seems to me that with the approach of the general elections, Sir, the Government Benches have started a smear campaign on its opponents. I must warn the Government front and back benchers that those who live in glass houses should not throw stones. If I am irritated too much, I might be tempted to repay in the same coin, and I assure them that they will not enjoy it.

Mr Chairman, Sir, may I touch a little on the remarks made by the Member for Kota Star Selatan who spoke at length of the University of Malaya and on the Faculty of Medicine. Here I wish to make it clear that I do not wish to act as goal keeper for the Minister of Education. He has enough back-room boys. He has an able Assistant Minister to defend himself, but I do wish to make it known that with reference to the resignations that the Honourable Member mentioned, the University has already appointed a Committee headed by none other than Tan Sri Justice Suffian to investigate into the causes of the so-called brain drain. I only need to mention to this House, since I have been associated with the University of Malaya since its inception, that only very recently there was a lecturer who wrote in a letter of resignation and when the time came for us to consider it, he wanted to withdraw his resignation. We in the Council decided not to allow him to withdraw. There was another person who, when his term was up, wanted to get an extension of his contract. We decided that there should be no extension. These two cases will, I hope, indicate to this House and to the people outside this House that the resignations from the University of Malaya are not that

alarming and in quite a number of these cases, I can assure this House that it is obvious that the University has exercised its option either not to renew a contract or not to allow a person who has sent in a letter of resignation to withdraw it.

With reference to the Faculty of Medicine, the Member for Kota Star Selatan has painted a very dismal picture and queried why there should be reduplication of services. He mentioned in particular the reduplication of the Central Sterilising Service and the Laundry Service. I wish to point out that the Laundry Services and the Central Supply Services are adequate only for the Teaching Hospital. He has postulated that why should not the two hospitals have a central supply. My only comment is that perhaps the Member for Kota Star Selatan has not as much experience as the people who help in running this service, that you cannot have one Central Supply Service and one Laundry Service for two hospitals that are separated by a distance of about eight miles, and, in any case, I am told that the services that will be provided by the New General Hospital in terms of the Central Supply and the Laundry Service will be adequate for that hospital alone.

The other thing that the Member for Kota Star Selatan also mentioned is that of the resignations from that Faculty and, in particular, the resignation of the Director and his wife. I only wish to say that the Dean of the Faculty has tabled the reasons why the teachers from the Faculty of Medicine resigned to the Council of the University of Malaya, and on the Council of the University of Malaya sits such people like the Permanent Secretary of the Ministry of Education, the Chief Adviser of Education, various other Government nominees and they were fully satisfied with the reasons for the resignations from the Faculty of Medicine.

He made great stress on the money that is lost by the University and therefore the taxpayer on the training of the Director and his wife, all that I wish to say is that the sending of these two people to the United States

for training did not cost the Government a single cent. The Dean of the Faculty of Medicine obtained aid from the China Medical Board to send these two people to Seattle in West U.S.A. for their training, and therefore their training itself did not cost the taxpayer a single cent, although during the time that they were under training, naturally they were paid their salaries.

I wish to say that I do not wish to prejudge or prejudice the investigation of Tan Sri Justice Suffian's Committee on the so-called brain drain in this country. All that I wish to say is that academic people, by and large, are a very mobile community and this question of academic mobility is a thing that this House, this country, and this University must come to accept and live with. Thank you.

Wan Haji Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan bagi Kementerian Pelajaran saya ada beberapa perkara dan pandangan yang hendak saya kemukakan. Saya rasa geli hati, Tuan Pengerusi, melihat telatah Wakil dari Batu yang telah membawa surat² yang di-terima-nya dan di-bachakan dalam Dewan ini bagi menunjukkan sokongan kepada tuduhan dalam Dewan ini. Saya merasa, Tuan Pengerusi, surat² yang di-bacha oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu bukan membersekan nama-nya, bukan menjadikan nama-nya sa-orang dewa yang patut di-puja dalam negeri ini, tetapi surat² itu mengechap Ahli Yang Berhormat dari Batu ini lebeh² jelas dan terang lagi sa-bagai sa-orang perkauman, sa-bagai sa-orang communalist, kerana di-dalam jawapan dan penjelasan yang di-beri oleh beliau sa-bentar tadi maka tidak-lah dapat hendak membuktikan akan tuduhan² yang telah di-tolak oleh Menteri Pelajaran dalam perkara pepereksaan L.C.E. Jikalau Ahli Yang Berhormat dari Batu itu hanya sakit hati di-atas results daripada Malay College yang di-katakan, tetapi saya rasa bahawa Malay College itu satu sekolah yang menjalankan pengajian dalam bahasa Inggeris, atau English medium school. Jika hanya Malay

College yang menjadi puncha dendam kesumat-nya kapada results pepereksaan L.C.E. maka hanya Malay College ini-lah sa-buah sekolah dalam negeri ini yang dapat mengeluarkan banyak pemimpin kapada negara ini sa-lama ini. Ada-kah maksud Ahli Yang Berhormat dari Batu ini supaya pehak Kementerian menutup Malay College ini dan menutup puncha yang boleh menerbitkan sadikit sa-banyak ahli² pelajaran Melayu yang boleh memegang pimpinan di-dalam negara kita ini? Saya tidak hairan dengan surat² yang ada itu, kerana sa-benar-nya itu hanya beberapa keping surat sahaja, tetapi sa-bahagian besar daripada ra'ayat negeri ini termasuk orang Melayu, termasuk orang bukan Melayu, termasuk orang bumiputra, termasuk orang yang bukan bumiputra yang inginkan kemajuan dan kesejahteraan negara ini ada-lah mengutok akan tudohan² dan telatah Ahli Yang Berhormat dari Batu itu yang menchari peluang mendapat nama chara baharu dalam masa menghadapi pilehan raya tahun 1969 ini, tetapi walau bagaimana pun, saya yakin bahawa parti-nya, Parti Buroh, tidak akan mendapat tempat lagi di-dalam negara ini, walau apa jenis telatah sa-kali pun yang di-jalankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu.

Saya merasa daripada penjelasan yang di-beri oleh Kementerian Pelajaran atas tudohan² hasil pepereksaan L.C.E. itu, Ahli Yang Berhormat dari Batu itu patut-nya meminta ma'af kapada Dewan ini dan kapada Menteri Pelajaran; tetapi atas kedegilan Ahli Yang Berhormat dari Batu itu yang maseh juga meraba² hendak mengemukakan tudohan-nya yang tidak ber-alasan itu, maka saya merasa negara kita dan ra'ayat seluroh-nya sudah sedar sekarang ini apa sa-benar-nya pendirian yang di-pegang oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu dalam hendak menchari sadikit pengaruh politik-nya yang telah mula pudar dan yang telah mula kabor itu.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya juga hendak mengatakan bahawa jikalau-lah Ahli Yang Berhormat dari

Batu marah kapada hasil pepereksaan Malay College, saya harap Ahli Yang Berhormat dari Batu akan dapat membacha hati dan perasaan segala orang bumiputra negeri ini yang melihat bahawa 70 peratus daripada kerusi² dalam tempat² belajar di-Universiti Malaya, beribu² di-seberang laut; di-Australia, di-United Kingdom, di-United States yang semua-nya terdiri daripada orang yang bukan Melayu, melihat dan tengok-lah hati bumiputra bagaimana sakit dan pedeh-nya atas keadaan yang tidak sa-imbang dalam negara ini dari segi lapangan pelajaran. Jika beliau ini maseh menekankan perkara ini, maka dengan sengaja beliau menchari supaya satu letusan perkauman yang tidak dapat hendak dimendongkan akan timbul dalam negeri ini pada masa yang akan datang. Saya harap

Dr Tan Chee Khoon: On a point of clarification, Sir, I wish to make it very clear that I am not against the results achieved by the Malay College, Tun Fatimah or the Tunku Khursiah College, or other schools that cater for the bumiputras. I do wish to congratulate them on the results that they have achieved. I am not against the achievements of these schools—I wish to make this very clear—and I think the Honourable Member for Kuala Trengganu Utara has got the wrong end of the stick.

Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Pengerusi, itu-lah dapat saya faham sa-chara implication daripada penerangan dan penjelasan yang telah di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu sa-bentar tadi, dengan chara implication bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batu itu tidak suka akan result yang baik yang di-chapai oleh Malay College dan lain² sekolah yang di-sebutkan-nya tadi. Tetapi itu-lah, Tuan Pengerusi, jika Ahli Yang Berhormat dari Batu maseh menekan perkara ini dan lupa akan rasa sakit dan pedeh hati bumiputra yang macham mana kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Star tadi ada sa-paroh penduduk negara ini daripada bumiputra, tetapi tempat² pelajaran tinggi di-bolot oleh segala orang yang bukan

bumiputra dan segala jawatan² yang professional dalam negara ini di-bolot oleh orang yang bukan bumiputra, rasa kepedahan kalau di-tekan²kan lagi chara macham ini, maka Ahli Yang Berhormat dari Batu sengaja meng-undang akan letusan perkauman yang tidak dapat di-bendong pada masa yang akan datang. Saya harap tidak di-korbankan kepentingan masa depan negara ini dengan suatu pengaruh politik yang kechil bagi Ahli Yang Berhormat dari Batu itu bagi kemenangannya tahun 1969 atau bagi parti-nya.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak memberi pandangan sedikit sa-lain daripada itu pada muka 188 tentang Lembaga Peperiksaan. Saya rasa, Tuan Pengerusi, negara kita ini-lah satu negara yang merdeka yang ada sistem peperiksaan yang agak luar biasa sedikit. Kita ada dua jenis sijil. Kita ada Sijil Pelajaran Malaysia (Malaysian Certificate of Education) dan kita juga mengadakan suatu jenis sijil lagi, ia-itu-lah Cambridge School Certificate. Tiap² orang ra'ayat negeri ini di-beri peluang oleh Kementerian ini bagi mengambil salah satu peperiksaan ini atau kedua²-nya sa-kali. Akibat yang di-rasa oleh pemuda² kita ia-lah oleh kerana kita ini baharu merasmikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal. Bila datang kepada penilaian ekonomi, penilaian jawatan, bila ada sa-orang murid yang ada kelulusan Sijil Pelajaran Cambridge, sa-orang murid yang ada Sijil Pelajaran Malaysia, maka biasa-nya P.S.C., sa-tengah² P.S.C. Negeri², atau Persekutuan meng-utamakan orang yang ada Cambridge School Certificate; pandangan-nya agak lebeh tinggi kepada yang ada Cambridge School Certificate. Kapada firms dan perusahaan² di-luar pun demikian juga. Jikalau ada sa-orang itu memegang Cambridge School Certificate, sa-orang memegang Malaysian Certificate of Education, hati atau pemilehan lebeh chenderong, lebeh berat dan pandangan lebeh tinggi keutamaan di-beri kapada orang yang ada Cambridge School Certificate. Ini keadaan tidak menolong hendak membetulkan kedudukan bahasa kebangsaan sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal dalam negeri ini, tidak menolong sama sa-kali,

menyempitkan jalan kapada penuntut² yang keluar daripada atau yang meng-ambil Sijil Pelajaran Malaysia sama ada dengan bahasa Inggeris, lebeh² lagi dengan bahasa Melayu, menyempitkan langsung kesempatan mereka untuk bekerja, kesempatan mereka untuk menchari rezki, kesempatan mereka untuk berkechimping dalam masharakat dan dalam pekerjaan.

Saya rasa pehak Kementerian telah sampai masa-nya pada masa ini memikirkan perkara ini dan meneliti dengan baik. Tidak pernah saya tengok sa-buah negeri yang lain yang menawarkan dua jenis Sijil Pelajaran yang penghargaan-nya kapada orang yang lebeh tinggi di-pandang kapada sijil yang di-keluarkan oleh negeri luar daripada sijil kebangsaan yang di-keluarkan oleh negeri kita sendiri. Saya rasa sudah sampai masa-nya pada masa ini bahawa Malaysia dan Kementerian Pelajaran menghapuskan peperiksaan Cambridge ini dan tidak di-anjorkan oleh Kerajaan tetapi kita hanya menawarkan satu jenis sijil sahaja, ia-itu Sijil Pelajaran Malaysia. Ini suatu jalan juga bagi mencheptakan perasaan penoh daripada kehendak Undang² Bahasa Kebangsaan yang merasmikan bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi yang tunggal pada masa ini.

Jadi kita ini bertimbun² penyakit-nya, soal bahasa Melayu, bahasa Inggeris, maseh belum pada perlaksanaan-nya, maseh belum bagitu selesai dengan beres, timbul pula soal sijil atau certificate sekolah yang kita punya pun ada, yang overseas Cambridge pun ada, tetapi kechenderongan orang, penghargaan orang lebeh bahkan kita ini pun kadang² lebeh menghargai sijil yang di-keluarkan oleh negeri luar daripada sijil yang di-keluarkan oleh negara kita sendiri. Maka itu-lah sebab-nya saya merasa sudah sampai-lah masa-nya, bahkan sudah lewat kita ini mengambil keputusan tidak lagi kita menawarkan Peperiksaan Sijil Cambridge ini kapada penuntut² kita. Jikalau ada penuntut² yang bersendirian hendak mengambil sa-chara langsung dengan Cambridge di-London, itu soal mereka itu sendiri, tetapi

Kementerian Pelajaran patut hanya menawarkan satu jenis peperiksaan untuk satu jenis sijil sahaja, ia-itu Sijil Pelajaran Malaysia.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak sentoh, muka 216, Pechahan-kecil 14—Kolej Islam. Saya hanya hendak meminta penjelasan daripada pehak Menteri Pelajaran sa-telah sekarang ini Kolej Islam dudok langsung di-bawah arahan Kementerian Pelajaran, bila-kah lagi Kolej Islam ini akan menempoh perkembangan-nya bagi menjadi sa-buah Universiti Islam sa-bagaimana yang pernah di-umumkan oleh Pengetua Majlis Kolej itu pada tahun lepas bahawa Kolej Islam ini akan berkembang dan akan di-bentuk menjadi asas bagi pembentokan sa-buah Universiti Islam di-Malaysia ini. Saya sendiri ada mendengar baharu² ini perkembangan² baharu dalam penyusunan Kolej Islam ini yang meragukan saya ia-itu janji hendak menjadikan Kolej Islam ini sa-bagai sa-buah Universiti Islam yang penoh. Saya takut kelak dengan perkembangan² yang baharu² ini berlaku Kolej Islam hanya akan menjadi feeding school kepada Islamic Studies Department, University of Malaya sahaja, sedang chara pengajian Islam di-dalam Department of Islamic Studies, University of Malaya tidak sa-betul² penoh merupakan satu kajian Islam yang mendalam yang boleh mengeluarkan ulama² dan pakar² Islam yang betul² boleh ketengah sa-bagai ulama² yang mendalam betul² akan segala segi pengajian Islam, kerana barangkali Jabatan Pengajian Islam hanya memberi asas dan lunas sahaja kepada kajian² Islam dan untuk mendalami kajian Islam yang lebeh dalam lagi, maka saya fikir tidak chukup dengan segala mata pelajaran dan latihan yang di-beri dalam Jabatan Pengajian Islam itu.

Kepentingan untuk kita membentok sa-buah Universiti Islam yang betul² menawarkan kajian yang betul² mendalam tentang Islam memang perlu kepada kepentingan negara kita ini dalam kawasan Asia Tenggara kita ini bagi masa ini dan masa akan datang. Jadi saya berharap-lah usaha bagi

menjadikan Kolej Islam ini berkembang sa-bagai sa-buah Universiti Islam akan betul² di-laksanakan oleh pehak Kementerian ini di-bawah pimpinan Majlis Kolej Islam yang baru yang semua-nya terdiri daripada orang² yang ada kebolehan yang besar dan ada pemikiran yang baik bagi pembangunan negara kita dan pembangunan masha-rakat Islam di-negara kita ini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak sentoh juga Kepala-kecil 22—Universiti Malaya. Saya ingin hendak sentoh satu segi sahaja, ia-itu tentang kedudukan dan kawalan pensharah² dan Mahaguru² yang ada di-dalam Universiti itu. Pada masa ini guru² Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah kalau masing² hendak mengambil bahagian chergas di-dalam lapangan politik, mereka mesti mendapat kebenaran daripada pehak Kerajaan atau pehak Kementerian Pelajaran, daripada Jabatan Perdana Menteri. Tidak boleh guru² sekolah rendah dan guru² sekolah menengah menjadi ahli yang aktif dalam mana² gerakan parti politik, jikalau tidak ada kebenaran dan ini saya rasa satu peratoran yang adil untuk mengawal guru² ini supaya tidak mereka mengorbankan akan murid² yang di-bawah jagaan mereka itu. Tetapi peratoran sa-bagai ini saya tidak pernah dengar ada terhadap Universiti Malaya. Ada sa-tengah² pensharah² universiti yang sunggoh² aktif dalam lapangan politik, mereka bebas untuk mengambil bahagian yang aktif dan tidak ada siapa yang melarang, mereka hendak masuk Parti Perikatan, mereka hendak masuk Parti Rakyat, mereka hendak masuk Parti PAS pun suka hati mereka itu, tetapi tidak ada kawalan terhadap mereka, umpama-nya, menjadi sa-orang anggota yang terpenting dalam suatu parti politik dan tidak ada satu jenis kawalan pun ka-atas gerak-geri mereka itu di-dalam peratoran universiti. Jikalau keadaan ini di-biarkan berlarutan dan berlanjutan, maka universiti akan menjadi suatu kolam yang akan membiakkan penyakit² politik itu kepada penuntut² dengan tidak ada kawalan sedikit pun dan akan timbul berbagai² perkara yang tidak dapat

hendak di-kawal di-kalangan pelajar² universiti, di-kalangan mahaguru² dan pensharah² universiti, dan jadi-lah mereka ini menjadi puncha kepada perkara² yang tidak di-ingini berlaku dalam masyarakat kita.

Jadi, saya berharap, Tuan Pengerusi, bahawa pehak Universiti Malaya patut mengadakan peratoran, mana² pensharah atau mahaguru² yang bijak pandai itu yang hendak aktif dalam politik mereka harus mendapat kebenaran dan sentiasa ada di-bawah pandangan pehak berkuasa Universiti. Dengan demikian baharu-lah dapat kesempurnaan universiti ini berjalan sa-bagai sa-buah Universiti Kebangsaan yang dapat menjadi harapan yang besar pada masa depan negara kita. Saya bimbang, Tuan Pengerusi, jikalau kawalan ini tidak di-adakan, sedangkan kepada guru² sekolah rendah dan menengah di-adakan, maka tidak-lah adil kepada masa hadapan negara kita dan kepada masa hadapan pemuda² kita yang menjadi penuntut² di-universiti itu.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² B. 17, B. 18 dan B. 19:

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun memberi sokongan atas perbelanjaan Kementerian Pelajaran.

Pada muka surat 217, Kepala B. 18, Pechahan-kepala 26—Rancangan Buku Teks: berkenaan dengan buku² teks di-sekolah², Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan satu

surat perkelilingan kepada semua sekolah² lebeh kurang dua tiga tahun dahulu memberitahu yang tiap² satu buku teks itu mesti-lah di-gunakan sa-kurang²-nya tiga tahun dan buku teks itu tidak-lah boleh di-tukar sa-lepas di-gunakan sa-lama tiga tahun. Sunggoh pun ada arahan ini, saya selalu mendengar sungutan² daripada orang ramai yang sa-tengah² sekolah menukar buku teks-nya dalam masa yang kurang daripada tiga tahun. Kita mengetahui banyak ibu bapa yang menghantar anak² ka-sekolah menempohi kesukaran mendapatkan wang untuk membeli buku² teks yang selalunya di-tukar daripada sa-tahun ka-sa-tahun. Sunggoh pun baharu² ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengeluarkan satu arahan kepada Guru² Besar Sekolah, bahawa tidak di-benarkan menukar buku² teks di-dalam masa kurang daripada tiga tahun dengan tidak mendapat persetujuan Ketua Pelajaran Negeri. Saya berharap Kementerian Pelajaran akan berikhtiar supaya arahan yang Berhormat Menteri ini di-ikuti oleh sekolah². Jika ada sekolah² yang tidak mengikut arahan ini, maka elok-lah tindakan yang sa-patut-nya di-ambil atas sekolah² tersebut.

Sa-bagai Wakil² Ra'ayat, saya selalulah mendengar sungutan daripada orang ramai berkenaan dengan perbelanjaan membeli buku² teks yang mengikut pendapat mereka boleh di-elakkan jika sa-kira-nya arahan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-ikuti. Saya sangat-lah berharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kementerian Pelajaran dapat menguruskan perkara ini dengan lebeh berkesan supaya orang ramai dapat mengurangkan perbelanjaan bagi membeli buku² teks. Terima kaseh.

Wan Abdul Rahman bin Datu Tuanku Bujang (Sarawak): Tuan Pengerusi, saya suka hendak mengambil bahagian sedikit dalam perbahathan Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak, iaitu Kepala² B. 19, muka 218, 219, 222, 223 and 225.

Dato' Pengerusi, menurut anggaran di-bawah Kepala B. 19, Jabatan Pelajaran di-Malaysia Timor (Sarawak)

mendapat peruntukan berjumlah \$25,180,660 ia-itu sa-jumlah daripada \$2,880,560 untuk gaji, \$22,261,800 untuk Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun dan sa-banyak \$38,200 untuk Perbelanjaan Khas. Dato' Pengerusi, peruntukan sa-banyak ini memang telah berlipat² ganda lebeh besar daripada peruntukan yang di-beri kepada mana² Pejabat Pelajaran dalam Negeri² yang lain dalam Malaysia ini, mithal-nya, Dato' Pengerusi, Pejabat Pelajaran di-Johor, chuma mendapat peruntukan sa-banyak \$678,958; Pejabat Pelajaran Kedah \$433,267 dan Kelantan \$370,986. Lain² Negeri pun, Dato' Pengerusi, mendapat peruntukan yang lebeh kurang sa-banyak itu juga.

Dato' Pengerusi, peruntukan bagi gaji pejabat ia-itu di-Ibu Pejabat di-Pejabat Ketua Pegawai Pelajaran Negeri² di-Malaysia Barat akan menerima belanja sa-banyak \$9,072,174 sahaja, ia-itu lebeh kurang sa-banyak \$824,000 tiap² satu negeri dengan hitungan panjang, berbanding dengan peruntukan sa-banyak \$2,880,560 bagi Negeri Sarawak sahaja.

Dato' Pengerusi, sungguh pun Kerajaan Pusat membelanjakan wang yang begitu besar untuk pelajaran anak² Negeri Sarawak, tetapi, Dato' Pengerusi, Kerajaan Pusat tidak mempunyai kuasa langsung dalam masaalah pentadbiran dan juga masaalah polisi mengenai pelajaran di-Negeri Sarawak. Ini di-sebabkan, Dato' Pengerusi, oleh Perjanjian Malaysia yang terkandung dalam I.G.C.

Sa-benar-nya, Dato' Pengerusi, pentadbiran pelajaran di-Negeri Sarawak itu boleh di-katakan berjalan di-angkasa awang²an ia-itu Kerajaan Pusat tidak mempunyai kawalan begitu juga Kerajaan Negeri dan begitu juga kuasa² tempatan. Jika kita pergi di-mana² tempat dalam Negeri Sarawak pun, Dato' Pengerusi, kita boleh nampak beberapa buah sekolah mempunyai papan² penerangan menunjukkan sekolah² itu di-punya² oleh sa-buah kuasa tempatan. Mithal-nya, Dato' Pengerusi, di-Jalan Ong Kee Hui, Kuching, kita akan dapati sa-buah sekolah yang bernama Council School. Ini berarti bahawa sekolah itu di-punya² oleh

Kuching Municipal Council. Saya ingin tahu, Tuan Pengerusi, dari mana-kah datang-nya wang untuk mendirikan sekolah² saperti itu. Tidak-kah wang itu datang daripada Kerajaan Pusat?

Dengan keadaan yang saperti itu, Tuan Pengerusi, bagaimana-kah matlamat yang di-tujukan untuk anak² negeri Sarawak dalam sistem pelajaran yang ada sekarang di-negeri itu. Mereka maseh mendewa²kan bahasa Inggeris berlebeh²an daripada Bahasa Kebangsaan. Di-samping itu juga, Tuan Pengerusi, usaha² sedang di-jalankan untuk menimbulkan satu Bahasa Kebangsaan baharu di-negeri Sarawak yang berlainan daripada Bahasa Kebangsaan standard dalam Malaysia. Akibat-nya, Tuan Pengerusi, di-kemudian hari kelak perasaan anak² yang baharu di-negeri Sarawak akan berlainan sungguh daripada anak² Malaysia yang lain. Dengan hal yang demikian, Tuan Pengerusi, masa-nya telah sampai bagi Kerajaan Pusat mengkaji sa-mula masaalah pentadbiran dan polisi pelajaran di-negeri Sarawak dengan segera-nya jika Kerajaan Pusat yakin bahawa sistem yang ada sekarang ini akan merosakkan perpaduan ra'ayat Sarawak di-masa hadapan kelak.

Tuan Pengerusi, maka tindakan hendak-lah di-ambil dengan segera-nya untuk mengubah sistem itu. Jika Kerajaan Negeri Sarawak tidak bersetuju, sama ada Kerajaan Pusat patut mengarah segala²-nya termasuk perbelanjaan pelajaran kepada negeri Sarawak sahaja daripada membelanja berpuluh² ribu juta ringgit tiap² tahun dari Perbendaharaan Kerajaan Pusat sedangkan di-Ibu Pejabat Pusat tidak mempunyai suara. Ini-lah sahaja sa-buah Kerajaan, Tuan Pengerusi, dalam pengetahuan saya dalam dunia ini yang saya ketahu² yang membelanjakan wang berpuluh² juta ringgit pada tiap² tahun untuk sa-suatu maksud, atau pun projek, tetapi di-samping itu tidak mempunyai kuasa dan tidak mempunyai suara langsung untuk mengawalkan semua wang itu akan di-gunakan bagi kepentingan Malaysia seluroh-nya.

Tuan Pengerusi, saya sedar ia-itu jika Kerajaan Pusat mengambil langkah

yang saya chadang ketika ini, mereka akan di-tudoh oleh beberapa orang pehak Pembangkang dari negeri Sarawak sa-bagai mengubah Perjanjian Malaysia. Tuan Pengerusi, mereka yang saperti itu tidak boleh kita dengar perkataan mereka, kerana mereka tidak mempunyai tanggung-jawab kepada Malaysia seluroh-nya. Mereka mempunyai otak fikiran saperti "katak di-bawah tempurong" yang memandang kepada kepentingan sa-golongan ra'ayat yang kechil dan bukan kepada kepentingan seluroh ra'ayat Malaysia. Saya menyokong kepada Kerajaan Pusat dengan sa-penoh²-nya supaya berani mengambil langkah yang tegas untuk mengubah bukan sahaja sistem pelajaran di-Sarawak pada masa ini, tetapi juga apa jua perjanjian² ketika menubuhkan Malaysia yang di-fikirkan akan merosak perpaduan ra'ayat sakanlian.

Tuan Pengerusi, sekarang di-negeri Sarawak, oleh kerana desakan daripada Kerajaan Negeri sakalian penuntut² dalam sekolah rendah tidak lagi perlu membayar school fees. Bukan-lah ini, Tuan Pengerusi, bertentangan dengan Perjanjian Malaysia? Dan bukan-lah ini mengubah Perjanjian Malaysia. Sa-patut-nya ketika permohonan untuk menghapus bayaran school fees tempoh hari, pada masa itu-lah Kerajaan Pusat harus mengambil sikap supaya Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengkaji sa-mula sistem dan pentadbiran pelajaran di-Negeri Sarawak. Dengan ulasan² ini, Tuan Pengerusi, saya tidak menyokong peruntokan ini, kerana saya rasa peruntokan² ini tidak akan menda-tangkan perpaduan yang sangat² dikehendaki di-antara ra'ayat² Malaysia. Sa-balek-nya, peruntokan ini mempunyai akibat membantu puak² yang mahu menaikkan semangat kedaerahan dan semangat perkauman di-negeri Sarawak.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak)
(dengan izin): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head B. 19, page 222, Other Charges, Annually Recurrent—(a) Sub-head 3, Further Education Classes, (b) Sub-head 10, Grants to Schools, and (c) Sub-head 15, Maintenance of Schools.

Sir, the subject of Education is a burning issue in Sarawak. We are here as representatives of the people of Sarawak to look after their interests and to participate in discussion and put forward Sarawak's views in matters of national interest. Many requests have been made by my Honourable friends from Sarawak both in Council Negri and in this Honourable House requesting the Minister of Education to consider granting full cost of the school buildings and teachers' quarters for all schools where the native population is rather in the majority. Sir, quite a number of these schools require extension to their existing buildings. I therefore would like to request the Ministry of Education to allocate more funds for the extension of the existing buildings in order to provide more classes to school pupils this year.

I come back to page 218, Items (8), (16) and (21)—Group Supervisors. Sir, regarding the shortage of Group Supervisors in the Education Department in Simanggang, in Sarawak's Second Division, which is a Federal responsibility. Sir, I understand that application had been made to the Department of Education in Kuching requesting for more Group Supervisors in order to enable the Divisional Educational Officers to carry out the Education policy efficiently. In view of these circumstances, Sir, I would like to request the Honourable Minister of Education to increase the expenditure for this Sub-head in order to enable this Ministry to provide more Group of School Supervisors to Sarawak, particularly to the Second Division.

Now, I would like to touch on Item (26), Teachers, Grade IIB. Sir, Grade IIB teachers, either in Government or Aided-schools, after teaching for more than 15 years, should be promoted by the Ministry of Education to Grade IIA, because of their teaching experience.

Now, I would like to touch on Head B. 19, page 218 and page 219, Personal Emoluments. Sir, I understand that the Civil Service officers in West Malaysian States receive 33 per

cent cost of living allowance based on their basic salaries. If this is true, why the Civil Servants in Sarawak are not treated in the same way, as Sarawak is part of Malaysia also. Therefore, I hope this should be considered by the Ministry too, in order that Civil Servants in Sarawak will enjoy the same treatment that has been given to their counterparts in West Malaysia.

Tuan Tan Tsak Yu (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to refer to the statement made by the Assistant Minister of Education, when presenting the Estimates totalling \$401.4 million, that the demands of school places for Malaysian children must be met even if it means that sacrifices must be made elsewhere. Sir, I wish to congratulate the Assistant Minister for this far-sightedness in making such an important statement, as Education in any developing country plays an important part in nation building. However, I would like to seek clarification from the Assistant Minister of Education whether by "Malaysian children" he meant Malaysian children in West Malaysia only or in East Malaysia as well. If his reply is of the former category, that means Malaysian children in West Malaysia only to the exclusion of the Malaysian children in East Malaysia, then the time has come for making readjustment to include all Malaysian children in East and West Malaysia. In this connection, I wish to draw your attention, Sir, to the fact that Malaysian children in East Malaysia are not so fortunate as their brothers and sisters in West Malaysia, who are now enjoying nine years of education, whereas only 30% of our primary school leavers are being admitted to the Government and Government-aided secondary schools at present.

Sir, as education is the fundamental right of every child, equal treatment should be accorded to them irrespective of any part of Malaysia where they were born. In view of that fact that the tax structure between East and West Malaysia has been streamlined and the import and excise duties have been harmonised in most cases, the demand for equality in the provision of educa-

tional facilities between East and West Malaysia will become stronger and stronger as the days go by and, therefore, I would appeal to the Assistant Minister of Education to give adequate allocation for the expansion of educational programmes in Sarawak.

Sir, now I wish to comment on page 220, Teacher Training. This morning the Assistant Minister of Education gave us a rosy picture that shortage of graduate teachers could be solved within a few years' time. We sincerely hope this is so, as the shortage of graduate teachers in Sarawak is acute, and it would take many more years before the problem could be solved. Therefore, we will have to look to West Malaysia for the recruitment of graduate teachers.

In connection with the training of teachers, this aspect, as explained by the Minister of Education, Tuan Mohamed Khir Johari, has to be taken into consideration. He was reported to have said that there was a lack of graduate teachers because many young people did not have any interest in the teaching profession. He added, "The Government had tried to encourage young people to become teachers by giving aid in the form of scholarships but after obtaining their degrees they desert their profession." Why do they desert their profession after having obtained their degrees? What is the reason behind this? What is the remedy? Of course, there are young people who have no interest at all in teaching, while there are others who are dedicated to the profession. So long as the disparity in the salary scales and the conditions of service between the teaching profession and the staff in the Government Service is not removed, many young people may be discouraged to take up teaching as their profession, and the shortage of graduate teachers in Malaysia will continue to exist for many years to come. Therefore, Sir, I would appeal to the Government to give teachers a fair deal and let them do the job. Thank you.

Tuan Rafael Ancheta (Sabah): Mr Chairman, Sir, I rise to support the Education budget for 1968, which was

introduced to this House by the Assistant Minister of Education under Head B. 17, B. 18 and B. 19.

Sir, since Malaysia came into being, education is rapidly improving both in East and West Malaysia. I would like to express my thanks to the Minister of Education as well as the Government concerned for their good work towards the educational movement in Malaysia. Sir, I would like to refer to the part relating to Sabah, which falls under Head B. 19, Item (91) on secondary schools and Item (105) on primary schools, both on page 221. I consider, Sir, that Sabah is still short of qualified teachers both in secondary and primary schools, especially with the rapid increase of children and increased number of new schools in certain rural areas which cause the shortage of teachers. In connection with the shortage of qualified teachers in Sabah, the new ruling is that failed students from either secondary or primary schools whose ages are eighteen and below have got to make an application to the Education Officer for re-enrolment to the same class in which they failed. It means that they are giving way to the coming up passed students. Probably it is because of the position that the classes might be overnumbered in attendance, in view of the shortage of teachers is concerned. In my view, I am not happy with the hindering of the failed students. Why not make it automatic by accepting their stay for repetition, instead of going a long way of applying to the Education Department? Could not they be accepted for repetition? If not, the failed students will really suffer. However, they still have the courage to continue their studies. I find that most of the failed students are bumiputras. Sir, these students are at a very dangerous age, because they could easily be convinced by the bad elements and probably they might become gangsters and so on. So, why not keep them busy in the schools? I understand that at this age they are not eligible to get employment, being too young. I hope the Honourable Minister of Education would look into this matter in such a way that the new ruling in Sabah would be discontinued

and failed students will be allowed to continue their studies.

Referring to Sub-head 38, page 223, I am very much impressed with the Islamic religious movement in West Malaysia. Everywhere it is functioning effectively—as well as in the schools if I may be allowed, Sir, to say, I suggest that the Honourable Minister of Education should do something for putting an additional subject, i.e. Muslim religious studies, in the primary schools in Sabah. Sir, if we consider the present position of Islam in Sabah, it is far behind than in West Malaysia. I hope the Honourable Minister of Education will consider this request seriously. If the Government has any problem about religious teachers, they can find them here in West Malaysia who have the competency certificates in Islamic religion.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, before commenting on the amount asked for, I would like to compliment the Cabinet on having a Minister and an Assistant Minister in this particular section. It is the feeling of several Members that for the smooth running of work, it is essential that every Minister should have an Assistant, so that besides making his burden lighter, he has an understudy who should be able to take over should it become necessary.

Next, Sir, I like to speak on Items (627) to (638) on hostels. I have spoken on this last year, and what I have in mind is that these hostels should be open to the various students who come from the poorer families and who, due to circumstances, have to stay away from their homes. I quite realise that there are some difficulties because of this multi-religious society of ours in that we have certain religious difficulties, but these could be easily overcome, if certain foods which are objectionable to the Muslims and to the Hindus are kept away from the kitchen. I do hope that the Ministry would give this serious thought. I know of one school in Negri Sembilan, at least, where the hostel is open to every deserving child.

Next, Sir, I like to speak on the increase of school fees. We cannot run the Government unless the taxpayer pays his due share. Increases perhaps are necessary, but I would like the Minister to reconsider once more what he has said that the free places would be reserved to only 10 per cent of the students. I think that is a very small percentage, because we know that the number of parents who can ill-afford to pay is very much more than that. If a child has got to be sent to school, the school fee is a small portion of the expenses that the parent has to bear. Other expenses in the way of clothing, travelling, food, pocket money, books can be quite heavy. I hope that the Ministry would be able to give consideration that this 10 per cent be increased to 25 per cent, so that more of the deserving pupils could be given free places.

Next, Sir, I would like to speak on Adult Education. This, in my constituency, is proving a great help to those grown-ups who during their young years of the colonial regime missed having proper education. But I had only one regret, Sir, and that is that although in my constituency we do have supervisors for the Chinese section and the Malay section, so far there is no supervisor for the Indian section. I do hope the Ministry will be able to make good this neglect, because it is very essential that we do not miss any major section of our community.

Next, Sir, I speak on page 188, item (250)—Controller of Examinations. In this respect, Sir, I would like to read a telegram that I have received from my constituency which I have shown to the Assistant Minister this morning. It reads as follows:

"Please ask in Parliament concession from the Minister of Education for retention of under aged pupils with passes in five subjects instead of seven in the L.C.E. Examination. We will be grateful to you, the Minister, and the Alliance Party for this favour. On behalf of your voters, there are many, many affected parents and students."

Well, this is an appeal from the students and the parents who are affected. I do not expect the Minister to be able to give an answer on the spot, but I do hope that as thousands of students are

affected the Ministry would treat their request with kindness. There is also a basis for making this request, Sir, because in some cases we have not been very strict in the promotions in the earlier career of the pupils—and when we have not been very strict, it is quite natural for the pupils to take their examinations very lightly. I do hope that the Controller of Examinations will make it a point that every year a final examination is held more strictly and those backward pupils should be notified and their parents warned that their children are very much behind the standard expected of them and should make it a point to improve their standard of education.

Before I sit down, Sir, there is another point that is worrying a lot of people—there seems to be a certain amount of misunderstanding between the Ministry and the various unions of teachers with the two Ministers who are considered to be among the most capable in our Cabinet. I have no doubt they would be able to settle this matter. But I do hope that an early settlement will be received with joy by the hundreds and thousands of parents who feel that due to this misunderstanding the education of their children is, to a certain extent, affected. Thank you, Sir.

Dato' Haji Mustapha bin Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh kerana banyak sangat rakan² saya hendak berchakap.

Saya bangun bersama² menyokong Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Kementerian ini didalam Dewan ini dan sa-belum saya menyentuh mana² Kepala, terlebih dahulu saya suka menyampaikan ucapan tahniah kepada Kementerian ini di-atas kerja² dan tugas²-nya yang telah dapat di-jalankan dengan che-merlang dalam masa sa-tahun yang lampau.

Tuan Pengerusi, di-samping saya mengucapkan tahniah, agak molek juga kalau saya menyentuh sedikit ia itu di-dalam B. 18 muka 215 Pechahan-kepala 1, 2, 3, 4 dan 5—ini saya kira sa-kali sahaja supaya jangan panjang² perkara ini. Di-dalam tujuan² Kerajaan

memberikan wang pemberian² yang berjumlah beratus² million ringgit ini kepada kanak² yang sedang belajar di-bangku² sekolah, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah dan sekolah² yang berasrama ini ia-lah dengan tujuan besar Kerajaan untuk memberi peluang dengan sa-baik²-nya kepada semua lapisan anak² warganegara kita mendapat peluang belajar di-mana sekolah juga, dan juga akan dapat menerbitkan bagi memenohkan keperluan² negara, kekurangan² tenaga negara supaya keadaan negara kita ini menjadi sa-buah negara yang maju dan dapat tenaga kemajuan daripada semua lapangan, dan bagitu juga untuk menjaga nama baik negara ini serta ke-aulatan negara ini di-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini ada-lah memang telah di-amalkan oleh mana² juga negeri yang ingin mendapat kemajuan atau pun ingin menjalankan kemajuan sa-bagaimana Malaysia ini, tetapi satu perkara yang saya fikir sangat mustahak mendapat perhatian berat daripada Kementerian ini ia-lah soal semangat pada anak² kita di-bangku² sekolah supaya dapat sayangkan dan kasehkan kepada negara kita Malaysia ini.

Apa sebab-nya saya katakan mesti kita tanamkan semangat kasehkan kepada negara ini, oleh kerana penduduk² Malaysia ini yang warganegara-nya datang daripada berbagai² keturunan dan di-dalam berbagai² keturunan itu maka kita sendiri telah pun mengetahui ada anasir² yang chuba memesonkan ta'at setia ra'ayat negeri ini dan kalau anasir² ini berjaya pula menyeludupkan kepada kanak² yang sedang di-bangku² sekolah tentu-lah sangat malang nasib negara Malaysia ini di-masa yang akan datang. Jadi oleh kerana itu saya sangat² menaruh perhatian berat supaya pihak Kementerian ini akan dapat mengambil perhatian di-dalam masaalah² yang sa-rupa itu.

Orang² yang ingin memesonkan ta'at setia ra'ayat negeri ini kepada negara luar atau pun ingin menyampaikan ajaran² Mao Tse Tong sa-bagaimana yang selalu kita dengar di-dalam

Dewan ini oleh manusia² yang tidak bertanggung-jawab ini ada-lah sangat² membahayakan kepada negara kita dan sangat² merbahaya kepada keturunan kita di-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya fikir sangat baik-lah kira-nya kalau Kementerian ini dapat pula mengarahkan kepada tiap² guru² besar di-tiap² buah sekolah sama ada sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan dan sekolah apa juga supaya dapat memberi sharahan² yang khas, atau pun cheramah² yang khas kepada sa-kurang²-nya tiap² sa-minggu sa-kali supaya anak² kita itu dapat memahami benar² yang mana anasir² jahat ini tidak akan dapat mempengaruhi mereka² ini supaya mereka² ini akan menjadi satu warganegara yang baik, satu warganegara yang bertanggung-jawab, satu warganegara yang tidak redha kalau sa-kira-nya Malaysia ini akan di-noda², atau pun di-rosakkan oleh ajaran² luar.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu di-sini saya suka memberi sedikit pandangan lagi di-dalam perkara ini juga di-dalam negara kita sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun bukan sahaja membangun di-dalam bidang² pembangunan, tetapi juga di-dalam bidang ekonomi. Saya rasa sangat-lah mustahak kira-nya Kementerian ini dapat membuatkan satu arahan kepada tiap² buah sekolah supaya murid² di-sekolah itu digalakkan berlumba² menyimpan wang di-dalam Post Office, ini ada-lah satu chara yang saya fikir sangat menasabah dan sangat mustahak di-jalankan mula² daripada sekarang, kerana ini merupakan satu lathen yang saya fikir akan memberi kebajikan kepada anak² kita di-masa yang akan datang. Kalau kita sekarang ini berchakap masaalah ekonomi tetapi anak² kita tidak kita lathen daripada sekarang bagaimana chara menyimpan wang dan bagaimana mustahak-nya kita berjimat-chermat daripada mereka² itu maseh kechil lagi, maka ini barangkali tidak akan dapat membawa kepada kejayaan yang sa-penoh-nya. Jadi, oleh kerana itu saya sangat berharap-lah kepada pihak Kementerian ini jika sa-kira-nya dapat supaya mengarahkan

kapada semua sekolah² sama ada Sekolah Rendah, atau pun Menengah di-adakan pertandingan² menyimpan wang di-dalam Post Office ini dan di-adakan hadiah pusingan pada tiap² tahun supaya murid² ini lebih galak lagi berjimat-chermat untuk melateh mereka² ini menjadi satu orang yang bakal dapat menjaga ekonomi diri-nya sendiri di-masa yang akan datang.

Dato' Pengerusi, sa-lain daripada itu saya menyentoh sedikit kepada murid² Sekolah Menengah Kebangsaan ini. Di-sini kita sedar-lah bahawa bukan-lah semua murid² Sekolah Menengah yang menggunakan bahasa pengantar kebangsaan, ini bernasib baik dan mendapat kelulusan yang baik; ada sa-bahagian besar dan bahagian yang terbanyak telah tidak lulus dan gagal di-dalam peperiksaan, sedangkan mereka² ini yang tinggal di-dalam kawasan luar bandar tidak ada pun langsung sekolah² persendirian, atau pun Sekolah² Private untuk mereka² ini melanjutkan pelajaran-nya lagi. Jadi, perkara yang sa-rupa ini sangat-lah menyusahkan kapada murid² yang mengambil bahagian di-dalam Sekolah² Menengah yang menggunakan bahasa pengantar-nya bahasa kebangsaan. Apa yang saya harapkan kapada Kementerian ini supaya dapat menggalakkan di-dalam kawasan² luar bandar sa-berapa banyak sekolah² persendirian, atau pun sekolah² private ini di-dirikan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan supaya dapat memberi peluang kapada murid² yang gagal di-dalam peperiksaan².

Dato' Pengerusi, saya rasa itu-lah sahaja ucapan ringkas di-dalam menyokong Kementerian ini dan saya harap akan dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri di-atas perkara yang telah saya shorkan di-dalam Majlis ini. Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama juga dengan kawan² saya yang lain menyokong peruntukan yang maha besar yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita. Sa-belum daripada saya berchakap apa², Dato' Pengerusi, izinkan saya menyampaikan tahniah kapada masyarakat orang² Tionghua

dalam negara ini yang tidak menyokong penubuhan Universiti China dan saya ucapkan terima kasih dan tahniah khas-nya kapada pehak ahli² M.C.A. Kemudian daripada itu, Tuan Pengerusi, gemar saya menyentoh dalam perkara B. 18—Pemberian kapada Sekolah Rendah yang menelan belanja \$189 million lebih. Saya hendak sentoh, Dato' Pengerusi, berhubung dengan perlaksanaan-nya bagaimana yang telah di-chakapkan oleh rakan² sa-jawat saya, chuma saya hendak katakan ia-lah kalau dapat Kementerian ini lagi mendalamkan semangat supaya anak² kita itu lebih ta'at setia, lebih didekan-nya kapada negara kita ini. Baharu² ini Kementerian ini telah mengadakan Minggu Terima Kasih. Ini satu perkara yang baik, tetapi saya fikir patut di-tambah dengan membiasakan warganegara kita ini ta'at setia yang tulen hendak-lah di-adakan langkah nyanyi lagu Negara-Ku dan menghormati Bendera pada tiap² hari; sekarang hanya pada satu minggu dua hari sahaja. Saya chadangkan supaya tiap² hari tanamkan didekan ini, sama ada di-Sekolah Rendah atau pun di-Sekolah Tinggi.

Yang kedua anak² kita di-luar bandar sangat kurang didekan memberi selamat pagi kapada ibu-bapa-nya, guru, kapada orang tua berlain benar dan anak luar bandar—jadi, ini kurang, kurang di-beri didekan pada perkara ini. Kalau boleh, "Selamat pagi", "Selamat petang", "Selamat malam", kapada anak² kita di-luar bandar itu di-semaikan supaya dapat di-amalkan waktu berjumpa dengan ibu-bapa dan kalau boleh Kementerian ini memikirkan satu perkara lagi yang patut, ia-itu anak² ini maktu hendak bersekolah menchium tangan ibu-bapa—ini pandangan saya—jadi bukan sahaja hendak chium pada Hari Raya; waktu dia hendak pergi sekolah itu pun jumpa dengan bapa, "Ali hendak pergi sekolah", chium tangan ayah dan chium tangan ibu"

Tuan Pengerusi: Kalau bapa-nya sudah mati! (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Wakil dengan ibu sahaja, Dato' Pengerusi

(Ketawa). Kemudian saya pergi kepada Pechahan-kepala 2—Pemberian kepada Sekolah Menengah—di-sini ada minta \$72 juta, muka 215; saya hendak sentoh satu perkara sahaja yang penting pada pandangan saya, ia-itu kita sudah merdeka 10 tahun dan di-Sekolah Menengah kita apa yang kurang, Dato' Pengerusi, ia-lah guru² ugama. Guru² Ugama juga kurang, dan saya pun hairan kenapa Kementerian ini tidak dapat mengadakan guru ugama bagaimana sa-mesti di-kehendaki oleh pelajar² kita di-Sekolah Menengah sama ada di-Sekolah² Menengah Rendah, Sekolah Menengah Atas hatta Sekolah Menengah Tinggi Kebangsaan itu pun kurang guru ugama, hendak chari yang berkelayakan, memang saya puji-lah Kementerian ini, sebab kalau hendak di-hantar guru itu biar-lah guru yang ada kelayakan pengetahuan-nya bagi mengajar pengetahuan Sekolah Menengah, tetapi dengan sebab kita kurang mengambil berat tentang menghantar guru² ugama di-sekolah² tinggi di-Universiti ini, anak² kita, khas-nya anak Islam, mereka tidak ada didekan pelajaran ugama; bila tidak ada didekan yang macham ini, murah sangat, Dato' Pengerusi, ia menyeleweng dengan ajaran² yang lain ini sa-bagai ibu-bapa dan wakil ra'ayat sangat menyesali atas langkah kurang sangat menghantar guru² ugama di-Sekolah Menengah. Saya mengharap-kan dengan ada perhubungan baik kita dengan Indonesia, Kementerian Pelajaran kita pernah hendak pergi ka-Indonesia chuba chari satu jalan dan ikhtiar kalau di-dalam jenis mata pelajaran lain tidak sesuai guru² daripada Indonesia itu hendak mengajar di-Sekolah Menengah kita ambil guru² ugama ini yang ada berijazah di-Indonesia itu supaya mengajar untuk sementara waktu di-Sekolah Menengah kita dalam Malaysia ini. Saya fikir di-Indonesia tidak kurang guru² yang berkelayakan yang sa-umpama ini dan Kerajaan Indonesia sa-bagai demi memelihara kepentingan Ugama Islam itu dia tidak lokek hendak menghantar guru² itu. Atorkan-lah urusan-nya pada mendapatkan-nya. Saya harap pandangan saya ini dapat perhatian pada Kementerian.

Kemudian, Dato' Pengerusi, berhubung dengan mahasiswa yang tadi telah di-chakapkan oleh rakan² saya, dan juga universiti, Kita ada minta wang berhubung dengan mahasiswa ini hampir \$4 million, universiti hendak belanja \$17 juta. Saya hendak kata chuma perkara ini sedikit sahaja. Saya memandang di-masa yang akhir ini pehak mahasiswa kita dan juga pen-sharah² kita di-universiti itu—bukan semua ada yang berupa mengambil bahagian politik yang chergas, yang berupa menentang dasar Kerajaan kita dan berupa menentang Kerajaan kita. Oleh itu, kalau kita dapat pen-sharah² yang sa-umpama itu yang benar² kita gantungkan jawatan-nya, atau kita tidak kehendaki pada mereka itu yang sa-umpama ini, kepada mahasiswa kita yang kita beri dia biasiswa, banyak mereka ini menjadi alat Parti² Politik, mereka ini di-anjorkan menjadi Ketua² dalam Badan² Sukarela. Kemudian belakang-nya di-mainkan oleh orang yang tidak bertanggung-jawab. Saya mahu, Dato' Pengerusi, supaya mahasiswa kita ini di-luchutkan biasiswa; kita mahu mereka benar² menjadi orang yang dapat menerima ilmu² pengetahuan dalam pelajaran-nya ini. Saya tidak menegah orang ini semua mengambil bahagian dalam politik, tetapi yang berupa menentang Kerajaan itu, kita tidak kehendaki.

Dato' Pengerusi, mahasiswa kita ini pernah dia pergi ka-kampong² menjadi alat parti² yang saya kata parti yang tidak bertanggung-jawab dalam negeri ini menarek perhatian orang ramai supaya menentang Kerajaan yang ada hari ini—Kerajaan buat jalan raya tidak ada faedah, buat masjid tidak ada faedah. Maksud-nya supaya menarek pandangan orang ramai itu kepada apa yang di-katakan oleh mahasiswa ini. Jadi dengan ini saya fikir patut Kerajaan mengawasi dan menjalankan satu tindakan yang sa-wajar-nya.

Ada satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, B. 17 berhubung dengan Penyelenggaraan Sekolah ya'ani bantuan penoh, ini ada satu penyakit dalam Kementerian Pelajaran.

Penyakit-nya dalam penyelenggaraan yang kita nampak, sekolah yang hendak di-bangunkan itu belum di-dirikan, tetapi alat² sekolah itu sudah di-beli, sudah di-simpan bertahun². Dua tahun di-simpan baharu-lah bangunan sekolah menengah itu di-dirikan. Ini satu penyakit. Bangunan belum di-dirikan, alat² kerana pelajaran itu sudah di-beli. Kadang² rosak, kadang² tidak jamin keselamatan, ini satu perkara yang patut di-perhatikan oleh Kementerian Pelajaran.

Yang kedua-nya, Tuan Pengerusi, bekalan letrik. Dalam item ini ada menyebutkan bekalan letrik. Sekolah Menengah itu sudah di-dirikan sama ada menengah, jenis kebangsaan atau kebangsaan, terutama sa-kali luar bandar. Tetapi bekalan letrik yang ada hubungan dengan pelajaran anak² kita di-Sekolah Menengah itu, tidak di-bekalkan api letrik sampai satu tahun. Jadi, macham mana anak² kita hendak maju dalam bahagian sain? Saya harap Kementerian ini bekerjasama-lah betul² dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, wang peruntukan sudah keluar kerana bekalan letrik terus di-laksanakan. Apa yang di-tunggu²? Ini satu perkara yang mengechewa, kalau di-katakan satu musebab yang menyebabkan banyak anak² di-luar bandar tidak lulus. Ini-lah satu perkara-nya. Kata hendak mengajar orang² luar bandar supaya banyak mengambil bahagian dalam ilmu sain, tetapi bila mana pelajaran ilmu sain yang ada hubungan dengan letrik di-tinggalkan sampai satu tahun, dua tahun, tidak di-laksanakan.

Akhir-nya, Dato' Pengerusi, berhubong dengan muka 206—Elaun Guru² Pelateh. Saya memang mengalu²-kan atas arahan Kementerian ini, guru² hendak-lah memohon izin kira-nya hendak mengambil bahagian dalam bidang politik. Ini perlu melihat telatah sa-bahagian daripada guru² kita pada sa'at yang akhir ini demi memelihara kepentingan pelajaran anak² kita. Ibu-bapa mengharapakan sa-penoh supaya tenaga guru itu supaya mengajar dan mendidik anak² mereka dengan sempurna. Kalau di-dapati sa-orang itu begitu aktif, begitu sebak dalam perkhidmatan politik-

nya dan lain² badan sukarela, akan kechiwa-lah pelajaran anak² kita. Kalau kita melihat berlumba² dan bersungguh anak kita dari peringkat rendah hingga atas, maka guru-lah yang mengambil bahagian yang terpenting sa-kali. Bersetuju saya dengan chadangan Kerajaan hendak membataskan kegiatan guru² dalam bidang politik juga dalam mengambil bahagian yang chergas dalam badan² sukarela. Kita mahu guru yang jujur terhadap pada Kerajaan yang di-ambil upahan dari Kerajaan dengan tenaga penoh yang di-berikan-nya kerana sa-telah merdeka 10 tahun ramai bakat² masharakat kita yang boleh memimpin Parti² Politik, yang boleh memimpin Badan² Sukarela.

Jadi saya fikir tatakala masharakat kita di-Malaysia ini dapat persaingan hendak menuju ka-arrah kemajuan di-samping pelajaran anak² kita, maka kegiatan guru² ini patut di-perhatikan oleh Kementerian ini. Dengan itu saya menyokong penoh atas peruntukan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi. Terima kaseh.

Tan Sri Syed Ja'afar bin Hasan Albar (Johor Tenggara): Tuan Pengerusi, saya ingin menyertai rakan² saya dalam Dewan ini untuk sama² membinchangkan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran, ia-itu sa-buah Kementerian yang pada anggapan dan pandangan saya amat penting kerana Kementerian ini-lah yang membentuk manusia dan keturunan kita yang akan datang sa-hingga hari kiamat. Kementerian yang bagini rupa penting dan mustahak-nya patut-lah tiap² gerak langkah-nya dan tindak tandok-nya, daripada Menteri sa-hingga kapada pegawai² yang ada di-dalam-nya mendapat perhatian bukan sahaja daripada Ahli Dewan ini, tetapi daripada tiap² sa-orang ra'ayat yang ada dalam negara kita ini. Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian ini, Menteri-nya dan pegawai²-nya, mempunyai dada yang begitu luas untuk menerima sa-barang tegoran, atau sa-barang kechaman daripada orang ramai, kerana tegoran² dan kechaman² itu bermaksud dan bertujuan untuk kebaikan keturunan kita

yang akan datang. Tetapi dalam pada saya meminta dan berharap daripada Kementerian ini supaya mempunyai dada yang lapang untuk menerima semua tegoran, atau pun kechaman itu, saya ingin menyatakan rasa simpati saya kepada Kementerian ini, kerana ada kala-nya tegoran² itu, atau kechaman² itu, di-lemparkan ka-atas Kementerian ini dengan chara yang tidak bertanggung-jawab. Dalam Dewan ini pada sa-belah pagi tadi, kita telah mendengar Wakil dari Batu memberikan kechaman²-nya. Memang kita disabelah pihak sini sama ada Kerajaan dan penyokong² Kerajaan, kita tidak menunggu lagu merdu yang kita akan dengar daripada wakil Pembangkang itu. Tetapi apa yang kita jangkaan dan tunggukan daripada sa-orang wakil seperti wakil dari Batu itu ia-lah tegoran² yang membena, tegoran² yang boleh mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada negara dan kepada keturunan kita yang akan datang; tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menjatuhkan diri-nya begitu rendah dan menurunkan dan menjerumuskan diri-nya ka-dalam satu lembah yang begitu hina dengan mendatangkan tegoran² yang berasaskan kepada sentimen perkauman dengan mengungkit² result pepereksaan, atau pun hasil pepereksaan di-Malay College, Kuala Kangsar, dan begitu juga di-Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh.

Sa-patut-nya kejayaan² dalam Maktab² atau Institute² ini mendapat sanjongan daripada Ahli Yang Berhormat itu, tetapi rupa²-nya result yang baik dalam Maktab², atau pun Institute itu telah di-ambil dari segi yang amat gelap dan amat burok kerana nampak-nya, Tuan Pengerusi, mata manusia ini hanya jatuh pada segi² yang gelap, segi² yang burok dalam penghidupan manusia dan dalam masyarakat kita yang ada pada hari ini.

Saya pada mula-nya mempunyai pandangan yang tinggi kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu sa-bagai sa-orang berkelulusan tinggi, sa-orang intellectual, bagaimana istilah yang banyak di-pakai hari ini, tetapi sa-telah

mendengar ucapan-nya apakala membinchangkan dasar dan polisi, atau membinchangkan ucapan Menteri Kewangan tatkala mengemukakan budget, atau belanjawan-nya itu dan sa-telah mendengar ucapan-nya pada pagi tadi saya tidak sedikit pun mempunyai pandangan hormat kepada rakan saya dari Batu itu. Saya takut dan bimbang barangkali kerana demam pilehanraya sedang menjadi² pada masa ini, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu sedang mengidap penyakit pilehanraya yang hendak di-hadapi, oleh sebab itu, dia datang merepet di-dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan keadaan orang² Melayu dalam semua lapangan, lapangan pelajaran, lapangan ekonomi, maka tidak ada satu manusia yang siuman yang akan berasa sakit kalau menengokkan orang Melayu itu improve dalam mana² lapangan hidup dalam negeri kita ini. Sama ada improvement itu dalam lapangan pelajaran, dalam lapangan perdagangan dan perusahaan. Orang² yang siuman dalam negeri ini tentu senang melihatkan keadaan itu, kerana satu bahaya yang mengancam keselamatan dalam negeri kita ini, ia-lah ujud-nya perbezaan yang begitu jauh di-antara penduduk²-nya dalam serba lapangan sama ada dalam lapangan kehidupan, ekonomi, atau pun pelajaran, tetapi rupa²-nya, Tuan Pengerusi, ada manusia yang tidak senang melihat satu keturunan, atau satu kaum yang sa-lama ini mundor apakala hendak chuba naik, dia tidak senang hati.

Jadi, saya dukachita-lah sangat² memandangkan telatah dan chara manusia ini berfikir dalam hal ini. Saya fikir tidak perlu saya menjawab lebeh panjang lagi dalam perkara ini, kerana saya maseh ingat rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam ucapan-nya menjawab tegoran² Ahli dari Batu dalam masa membinchangkan ucapan Menteri Kewangan tempoh hari telah memberikan kepada-nya jawapan² yang patut akan membalekkan-nya, atau pun akan menarek-nya sa-mula kepada akal-nya yang siuman, tetapi malang-nya rupa²-nya Ahli Yang Berhormat dari Batu ini, batu betul—kepala dan hati-nya.

Tuan Pengerusi, saya ingin hendak tahu daripada Kementerian Pelajaran berkenaan dengan kedudukan Asrama Penuntut² kita di-London. Beberapa masa yang dahulu kita telah mendengar heboh benar bahawa Asrama atau pun Malaysia Hall itu akan dibahagikan, atau pun di-ambil oleh Malaysia dan akan mengasingkan penuntut² Singapura daripada Malaysia Hall itu sa-telah perpisahan Singapura mengambil tempat-nya. Tetapi sa-telah riah-rendah itu berjalan beberapa ketika, maka senyap-lah perkara ini dan sa-hingga ini saya sendiri tidak tahu ada-kah penuntut² Singapura maseh bertakhta di-Malaysia Hall di-London sana, atau ada-kah perkara ini telah di-selesaikan dengan baik di-antara Kuala Lumpur dengan Singapura. Kalau sudah selesai shukur Alhamdullillah, kalau belum, saya suka hendak mendengar penjelasan daripada Kementerian, kerana baharu² ini apakala saya singgah di-London saya telah dapat bertemu dengan beberapa penuntut² kita di-sana yang bersungut dan berasa tidak senang hati, kerana Malaysia Hall belum lagi menjadi hak punya Malaysia sa-penoh-nya. Penuntut² yang menyatakan rasa tidak senang dan tidak puas hati-nya itu bukan-lah kerana dengki atau hasad, atau sakit hati melihat anak² daripada Singapura itu duduk dalam Malaysia Hall tetapi penuntut² itu ingin hendak merasa bangga yang mereka mempunyai Malaysia Hall yang di-kuasai sa-penoh-nya oleh orang Malaysia. Mereka suka hendak bermegah yang Malaysia Hall itu benar² Malaysia Hall yang tidak di-champori oleh mana² kuasa² lain di-dalam pentadbiran-nya dan urusan-nya.

Berpaling kepada satu soal yang amat penting yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat rakan saya daripada Sarawak sa-bentar tadi. Rakan saya daripada Sarawak yang berchakap sa-belum daripada saya apakala membincangkan soal belanja pelajaran dalam Negeri Sarawak, Ahli Yang Berhormat itu telah dengan tegas-nya menolak, atau pun tidak menerima belanjawan yang di-untukkan kepada Sarawak itu, kerana pada pandangan-nya tidak ada ma'ana-nya sa-buah Ke-

rajaan membelanjakan sa-bagitu banyak wang kerana satu perkara padahal orang yang membelanjakan, atau pehak yang mengeluarkan belanja itu tidak mempunyai share atau pun tidak mempunyai sa-barang kuasa pun di-dalam perkara² pelajaran dalam negeri Sarawak itu.

Tuan Pengerusi, di-sini saya teringat balek sejarah apakala Malaysia ini hendak di-tubuhkan. Apakala Penyata Jawatan-kuasa Kerajaan (Inter-Governmental Committee Report) keluar dan di-terbitkan, saya telah berpeluang mengkaji dan menyemak penyata itu. Saya fikir Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini daripada Ahli² Perikatan maseh ingat lagi bagaimana saya telah menyatakan bahawa autonomy² tentang pelajaran dan lain²-nya yang di-berikan kepada negara², atau pun wilayah² yang akan berchantum dalam Malaysia ini tidak akan dapat melahirkan satu ra'ayat yang bersatu, kita akan mempunyai Malaysia yang ra'ayat-nya tidak bersatu, kerana di-sebabkan oleh autonomy² ini. Jadi, di-sini hujjah dan alasan saya yang saya bawa pada masa itu dan saya tidak lahirkan kepada sa-siapa pun telah di-suara dan di-sebutkan di-dalam Dewan ini bukan daripada Ahli² daripada Anggota yang datang daripada Malaysia Barat, tetapi daripada Malaysia Timor sendiri dan daripada Sarawak sendiri. Saya meng-uchapkan sa-tinggi² terima kaseh dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak itu dan saya berharap Ahli² Yang Berhormat daripada Sarawak sa-makin lekas mereka menyedari hakikat ini, maka lebeh baik untuk kekuatan dan ketegohan Malaysia pada masa yang akan datang.

Kita di-Malaysia Barat ini, kita tidak mahu hendak mengatakan kita tidak akan mengeluarkan belanja untuk Sarawak dalam Education, kerana kuasa bukan di-tangan kita. Kita tidak mahu, kerana tujuan kita datang kassana ia-lah hendak menghulorkan tangan, tangan persaudaraan, tangan bantuan dan pertolongan kepada saudara² kita yang tertindas sa-lama ini oleh penjajahan. Tetapi kalau suara ini datang daripada rakan² kita dan saudara² kita daripada Sarawak, alangkah lega-nya hati kita, lapang dada

kita, kerana ini-lah chara kita menuju kepada persatuan, perpaduan yang lebih erat antara Malaysia Timor dengan Malaysia Barat dan soal autonomy ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja dalam soal yang mengenai pelajaran, tetapi ada lagi perkara² yang lain yang patut di-kaji dan di-semak semula, bukan oleh kita daripada Malaysia Barat, kerana kita bimbang dan khuatir saudara² kita daripada Malaysia Timor akan memikirkan yang kita hendak menekankan kuku dan men-chengkamkan kekuasaan kita ka-atas mereka. Kita lebih suka perkara² yang sa-umpama ini di-suarkan oleh saudara² dan rakan sahabat kita daripada Sarawak. Oleh yang demikian itu, Tuan Pengerusi, saya menguchapkan sa-tinggi² pujian kepada Ahli Yang Berhormat daripada Sarawak yang telah begitu berani berterus terang dalam perkara yang bagini penting dalam Dewan yang bertuah ini. Dan saya harap suara-nya itu akan di-ikuti oleh suara² yang lebih lantang, yang lebih kuat daripada wakil² daripada Sarawak untuk kebaikan Malaysia, untuk kekukohan Malaysia, untuk kekuatan Malaysia bukan untuk kepentingan satu juzu', atau satu bahagian daripada Malaysia.

Tuan Pengerusi, ada satu masaalah kecil, yang saya sendiri pun berasa malu hendak bawa perkara itu ka-dalam Dewan ini. Tetapi nampak-nya, Tuan Pengerusi, saya kena sebutkan juga. Soal ini, soal mengenai kawasan saya Johor Tenggara. Ada sa-buah kampung terpenchil, Kampung Linting nama-nya. Kalau Tuan Pengerusi biasa mendengar nama lagu Jalak Linting, barangkali daripada kampung ini-lah di-ambil nama itu. Kampung ini terpenchil dan sekolah yang paling dekat ka-kampung ini kira² sa-jauh dua batu. Tidak berapa jauh dua batu sahaja, tetapi di-antara Kampung Linting ini dengan sekolah yang ada itu, anak² kecil yang akan pergi ka-sekolah terpaksa merempoh belukar dan hutan dan menyeberang sungai yang begitu besar. Saya telah berusaha dan berikhtiar dengan Pejabat Pelajaran di-Negeri Johor supaya Pejabat Pelajaran Negeri Johor dapat mengadakan satu kelas untuk anak² yang kecil supaya jangan terpaksa pergi keluar dari

rumah suboh² menempoh hutan belantara dan menyeberang sungai yang begitu merbahaya. Pejabat Pelajaran Johor pun bersetuju mengadakan sa-buah kelas dan kelas itu pun di-buka di-dalam Balai Raya dalam kampung itu. Untuk hendak menyelamatkan anak² yang kecil yang berumur antara enam dengan tujuh tahun, dengan harapan bahawa kelas permulaan ini akan dapat di-besarkan. Orang kampung di-situ telah sanggup mewakafkan tanah-nya untuk di-dirikan sekolah permulaan dalam kampung itu. Tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, sa-telah sa-tahun atau dua, kelas permulaan itu berjalan, bukan sekolah itu yang berdiri, kelas itu pun padam. Anak² yang enam tahun itu terpaksa suboh² bangkit kena berjalan dua batu. Kalau berjalan atas jalan tar macham Jalan Kuching, atau Jalan datang ka-Parlimen sedap juga, pagi² sehat. Tetapi di-sana bimbang entah binatang buas menerkam anak² orang itu.

Jadi, saya harap-lah pehak Kementerian Pelajaran tidak memaksa saya dalam satu meshuarat yang akan datang lagi dalam Dewan ini membangkitkan soal Kampung Linting sa-kali lagi. Terima kaseh.

Tuan Pengerusi: Meshuarat di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.20 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.35 petang.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatan-kuasa)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan D. A. Dago anak Randan (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head B. 19, page 218, the item between items (1) and (2), Planning Officer (Education Officer). May I enquire, Mr Chairman, Sir, why the post is being abolished? I would now refer to Head B. 19, page 219, Item (42) Education Allowance. Mr Chairman, Sir, I very much regret to note that the provision under this

Head is being decreased from \$22,215 to \$19,000. I consider, Mr Chairman, Sir, that the amount given is far inadequate. May I know, Mr Chairman, Sir, whether the teachers teaching in Mission Aided Schools are eligible for the Education Allowance; if not, why? As their services are for the good of the people and the country as a whole. I, therefore, Mr Chairman, Sir, appeal to the Government to give serious consideration to the matter and increase the amount from \$19,000 to \$30,000, if necessary.

I now come to Head B. 19, page 222, Other Charges Annually Recurrent, Sub-head 5, Boarding Subsidies. The amount allocated is exactly the same as for last year, i.e., \$590,000; and under Sub-head 13, Assistance to Needy Pupils, the amount allocated is only \$17,000. I consider, Mr Chairman, Sir, that the additional amounts for these two sub-heads should be reviewed from time to time. As you know, Mr Chairman, Sir, in the last few years the people in the rural areas were badly affected both by troubles from within and the Indonesia's confrontation. I, therefore, Mr Chairman, Sir, appeal to the Government to give serious consideration to the above mentioned requests. I support the proposal, Mr Chairman, Sir. Thank you.

Tuan Chew Biow Chuon (Bruas): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan untuk Kementerian Pelajaran bagi tahun 1968 ini. Tuan Pengerusi, sa-belum saya lanjutkan ucapan saya, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi atas peluang yang telah di-beri kepada saya untuk berucap di-dalam Majlis Jawatan-kuasa ini.

Tuan Pengerusi, di-muka 215, Pechahan-kepala 1—Pemberian kepada Sekolah Rendah, sa-banyak \$189,600,000 akan di-belanjakan untuk di-berikan kepada sekolah² rendah di-dalam seluruh negara kita ini. Saya suka menarek perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran atas sekolah² di-dalam kawasan² New Villages, atau Kampong² Baharu. Tuan Pengerusi, kebanyakan bangunan²

sekolah yang di-tempatkan di-dalam kawasan New Villages di-dalam masa dharurat dahulu ada-lah di-buat sa-chara sementara sahaja. Pada masa ini bangunan² sekolah² yang saperti itu boleh di-katakan semua-nya telah buruk dan sangat tua rupa-nya. Ini ada-lah di-sebabkan bangunan² yang sa-chara sementara itu kini telah berumur tidak kurang dari 15 tahun sedangkan sekolah² ini hingga sekarang ini maseh tetap dan sa-makin bertambah penting di-gunakan oleh penduduk² tempatan yang berkenaan.

Kebanyakan sekolah² yang saperti itu pada masa ini kalau datang hujan atau ribut, pelajar² terpaksa memberhentikan pelajaran-nya untuk sementara, kerana di-ganggu oleh berbagai² keadaan saperti ada yang atap-nya bochor, ada yang dinding-nya ditembusi hujan dan sa-bagai-nya. Sa-kali sa-kala bila saya ternampak sekolah² yang saperti itu dan sa-bagai sa-orang anggota Kerajaan terasa juga malu saya memandang tentang keadaan sekolah² yang saya sebutkan tadi itu, dan saya fikir tentu-lah demikian juga perasaan orang lain yang sa-perjuangan dengan saya.

Tuan Pengerusi, kita sa-bagai Ahli² Wakil Ra'ayat tentu-lah akan di-hujani oleh desakan² penduduk tempatan supaya bangunan² sekolah itu diperbaharui dengan keadaan yang lebeh baik. Saya rasa tentu-lah, Tuan Pengerusi, dan rakan² saya Ahli² Yang Berhormat yang lain yang lebeh lama telah mengalami perkara ini dan telah sedia ma'alum dan mungkin bersetuju dengan saya ia-itu saya berharap terutama sa-kali dengan Kementerian Pelajaran supaya memberikan perhatian yang berat dan keutamaan untuk memberikan bantuan² yang wajar kepada sekolah² yang saperti itu yang maseh banyak di-seluruh negara kita demi kepentingan untuk kebanyakan penduduk² yang tinggal di-luar bandar.

Tuan Pengerusi, di-dalam kawasan saya maseh ada juga beberapa buah sekolah kebangsaan yang keadaan bangunan-nya sangat buruk bahkan ada daripada-nya lebeh buruk dan membahayakan serta berkehendakkan sangat² akan bantuan² yang segera.

Sungguh pun ada jawapan dari pihak Kerajaan yang boleh menyenangkan hati, tetapi amat-lah mengelisahkan hati mereka apabila jawapan lambat di-laksanakan dalam masa yang sepatut-nya menurut keadaan bangunan sekolah itu. Oleh sebab itu ada-lah menjadi harapan saya kepada Kementerian ini supaya menyemak dan menyiasat sa-mula dengan lebeh teliti terhadap keadaan sekolah² yang mustahak dan sa-patut-nya di-segerakan bantuan²-nya.

Tuan Pengerusi, tandas² sekolah ada-lah satu perkara yang sangat penting dari segi kesihatan murid² sekolah dan kesihatan² murid² itu ada-lah penting bagi pelajaran mereka, tetapi maseh banyak boleh di-dapati sekolah² yang maseh menggunakan tandas² chara lama, khas-nya saya tujukan kepada sekolah² di-pekan yang di-bena dengan papan, atau simin dan menggunakan, tong, kemudian di-angkut najis-nya oleh orang gaji, lebeh² lagi tandas² itu telah di-bena 15 atau 20 tahun yang lalu saperti di-sekolah² Jenis Kebangsaan China di-Bruas, Ayer Tawar dan Pantai Remis.

Tuan Pengerusi, tandas² yang saperti itu bukan sahaja tidak lagi sesuai dengan keadaan yang ada pada masa ini, malah amat susah hendak di-gunakan, kerana sudah terlalu burok dan kotor. Murid² terpaksa berjengkit² masok ka-dalam tandas dan terkadang² mereka terpaksa melepaskan di-mana sahaja yang mereka pandang tempat yang lebeh baik pada masa itu bagi mereka. Hal ini lebeh mendukachitkan kepada murid² perempuan yang lebeh susah hendak melepaskan hajat-nya di-situ yang mana rasa-nya kita semua ma'alum akan chara² mereka ketika hendak membuat demikian.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap panjang dalam hal ini, tetapi mari-lah kita berfikir dan chuba timbangan dari hal kesihatan murid², kalau mereka tutup hidong ketika masok ka-tandas, kerana tidak ingin akan bahu-nya, tetapi bahu-nya yang itu juga masok ka-bilek kelas mereka. Sa-lain daripada itu tandas² yang saperti itu terpaksa sekolah² mengeluarkan wang pada tiap²

bulan untok membayar kapada orang² gaji. Hal ini juga memberatkan tanggungan sekolah² dari perbelanjaan-nya.

Tuan Pengerusi, memandang kapada keadaan yang saya sebutkan tadi, saya berharap sangat² kepada Kementerian ini supaya memberikan perhatian yang sa-berat²-nya supaya tandas² yang sa-rupa itu di-hapuskan dengan segera dan di-gantikan dengan bangunan² yang lebeh sesuai, kerana bukan yang ada sahaja saya maksudkan, malah masa ini tiap² sekolah murid²-nya telah bertambah ramai dari sa-tahun ka-satahun dan ini akan menambahkan sesak kapada sekolah itu sendiri.

Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pelajaran sa-banyak \$401,478,152 itu dengan dapat saya berkata dalam Majlis ini apabila kita telah mendengar ucapan² di-dalam bahasa kebangsaan yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri² dan Ahli Parlimen bukan Melayu dengan berbahasa kebangsaan patut Majlis ini memberikan tahniah kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah berani beruchap di-dalam bahasa kebangsaan ini. Dalam keadaan ini saya berharap kapada pegawai² yang berkenaan dapat memberikan sokongan terutama sa-kali kapada Yang Berhormat Menteri², kira-nya ada jawapan² yang hendak di-gunakan bahasa kebangsaan di-harapkan dapat menggunakan dengan bahasa yang mudah.

Tuan Pengerusi, saya berchakap di-Kementerian Pelajaran ini, saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan satu perkara yang berhubungan dengan satu badan yang bernama UNICEF. Badan ini telah memberikan hadiah kapada kanak² dan hadiah² ini telah di-salurkan melalui badan² ugama Keristian. Saya berharap kapada Kementerian Pelajaran supaya hadiah² yang sa-rupa ini di-ambil oleh badan² Islam.

Tuan Pengerusi, saya berchakap pada muka 195—Pejabat Pelajaran Melaka di-muka 195, Butiran (426) dan (427). Saya maseh ragu² lagi

kedudukan Kementerian ini yang menilai bahasa kebangsaan, kerana dalam Butiran (426)—Penulis Bahasa China peruntukan wang sa-banyak \$8,880 untuk dua orang pegawai, tetapi pada Butiran (427)—Penulis Bahasa Melayu—dua orang juga pegawai di-untukkan sa-banyak \$5,656. Dari taraf mana-kah nilai bahasa Melayu ini di-pandang rendah oleh Menteri Pelajaran.

Tuan Pengerusi, saya berchakap berhubung dengan Pengelola Sekolah Kebangsaan, Pengelola² Sekolah Kebangsaan dan di-Sekolah² Menengah dan Bahasa Kebangsaan di-satengah² Negeri di-tugaskan kepada Pengelola² Sekolah Kebangsaan Negeri, tetapi taraf jawatan mereka sengaja di-kekalkan seperti taraf guru² sahaja. Berm'a'ana sama juga seperti sejak pemerintahan penjajahan dahulu walhal bilangan yang terbesar daripada Pengelola² Sekolah Jenis Kebangsaan berketurunan bukan Melayu terus diberi taraf yang sa-tinggi²-nya belaka di-seluruh Malaysia Barat. Hanya kira² 5 orang dari pada 35 orang sahaja jawatan Pengelola Kanan diberi kepada orang Melayu. Tuan Pengerusi, pada hal bilangan sekolah, guru, murid, dan banyak-nya tanggungan dan tanggong-jawab di-dalam sa-buah Negeri ada-lah menjadi tugas Pengelola Sekolah² Kebangsaan menjalankan-nya, menerangkan dasar² dan rancangan² Kerajaan pun kerap di-dapati Pengelola Sekolah² Kebangsaan menjalankan-nya, kerana orang² Melayu-lah yang lebeh mementingkan penerangan² yang tegas dan berharapan, jadi dengan di-naikkan taraf Pengelola² Sekolah Kebangsaan ini maka banyak-lah dasar Kerajaan yang penting yang Ketua Pegawai Pelajaran tidak payah bimbang² hendak berbincang dengan Pengelola² Sekolah Kebangsaan yang pada masa ini ber-taraf terlalu rendah untuk di-bawa berbincang. Pengelola² Sekolah Kebangsaan bertanggung-jawab dengan tidak sa-chara langsung membantu, menyedia, tapak pelajaran yang lebeh luas apabila lebeh daripada sa-orang jika anak² Melayu berhenti sekolah dan menyambungkan pelajaran² di-Pusat² Pelajaran dan lain² lagi. Jadi Tuan

Pengerusi, saya beri satu pandangan umpama-nya di-pelajaran di-Pusat² Pelajaran MARA kerana melalui saluran² lain yang di-adakan oleh Kementerian Pelajaran amat-lah terhad bagi mereka khas-nya yang berkelulusan di-dalam aliran Melayu.

Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak berkata panjang kedudukan hal bahasa kebangsaan ini, saya berharap dan saya suka lagi memberi pandangan tidak pula kelihatan, atau terdengar usaha² tegas yang timbul, atau datang daripada Pejabat² Pelajaran untuk membanchi dan menggalakan anak² Melayu berkelulusan baik dalam ilmu sains dan ilmu hisab, di-dalam L.C.E., atau pun S.R.P. memasoki di-aliran sains. Tuan Pengerusi, di-Tingkatan IV sejak beberapa tahun ada-lah sudah melainkan jika ada pun hanya-lah ranchangan² dasar itu tetap berbentok surat tersimpan sahaja-lah agak-nya, walhal ranchangan penting ini memerlukan tindakan² tegas dan berani serta perjuangan dan bukan untuk di-sebut² sa-kali sa-kala di-dalam akhbar, di-dalam radio, dan di-dalam talivision sahaja.

Tuan Pengerusi, sistem pentadbiran Pejabat Pelajaran Negeri juga perlu di-kaji sekarang, kerana tujuan besarnya untuk memelihara dan mempertingkatkan mutu pelajaran. Pelajaran dan pentadbiran di-sekolah² tinggi lagi di-tepati lebeh daripada 98% kerja² urusan pegawai² hanya tertumpu di-pejabat dan terhad kepada pentadbiran sa-mata². Patut di-fikirkan untuk mengubah supaya sistem yang bergerak di-Kementerian Pelajaran di-chubakan di-Pejabat² Pelajaran Negeri ia-itu di-adakan dua bahagian. Yang pertama pentadbiran, yang kedua, professional bekerja dengan Nazir Sekolah dan Penyelia dan sa-bagai-nya. Tuan Pengerusi, sa-lanjut saya berchakap ini, guru² sekolah telah mengambil bahagian yang penting di-dalam negeri ini untuk anak² bangsa kita. Saya meminta kepada Menteri Pelajaran, saya berkata ini untuk guru² di-Melaka, saya belum tengok—jarang sangat tengok guru² di-negeri Melaka yang telah membuat jasa kepada bangsa, kepada Kerajaan, mendapat

satu bintang pun, ini saya berharap dapat perhatian daripada Menteri.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu saya suka-lah memberikan sedikit pandangan lagi berhubung dengan kedudukan ilmu sains di-atas hal anak² kita, kerana ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Menteri akan ilmu ini sangat mustahak dan perlu. Jadi saya berharap-lah sangat² kepada Yang Berhormat Menteri pada menimbangkan dan menyiasat kepada anak² orang Melayu supaya dapat diberikan peluang lebeh luas lagi berhubung dengan penyeliaan sains ini.

Tuan Pengerusi, saya berasa sangat, hendak katakan hairan tidak hairan, tetapi rusing berhubung dengan penyeliaan Sekolah² Kebangsaan ini kalau di-bandingkan dengan Pejabat MARA umpama-nya. Penyeliaan Sekolah² Kebangsaan bagi seluruh Malaysia tidak di-beri keutamaan langsung.

Walhal lebeh daripada 680,000 atau 700,000 orang murid² Melayu menuntut di-dalam keseluruhan-nya. Murid² ini yang akan di-layarkan oleh MARA apabila mereka dewasa kelak, baik di-dalam lapangan pelajaran lanjutan mahu pun dalam lapangan ekonomik perusahaan dan lain². Sadikit perbandingan saya berikan berhubung dengan Kementerian ini, MARA ada mempunyai lebeh kurang 665 orang kakitangan yang kebanyakan-nya terdiri daripada orang Melayu belaka untuk mengendalikan urusan bumiputra di-dalam lapangan tersebut. Di-atas ini kalau tidak silap saya ada 122 orang Berpangkat Satu, 159 orang Pangkat Dua, 297 orang Pangkat Tiga, dan 87 orang Pangkat Empat, daripada berita yang keluar dalam *Straits Times* pada 7-7-67 yang di-hebahkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sendiri. Apa tujuan saya berkata di-sini, Tuan Pengerusi, mari kita bandingkan berhubung dengan Sekolah² Kebangsaan. Sekolah Kebangsaan hanya mempunyai kira² 40 orang sahaja Pengelola² dan Penolong² Melayu dan di-antara-nya hanya lima orang sahaja di-dalam Division Satu, kira² 6 orang di-dalam Division Dua dan yang baki-nya di-dalam Division Tiga belaka. Jadi, Tuan Pengerusi, inilah saya berikan pandangan kepada

Yang Berhormat Menteri kira-nya hendak memajukan Bahasa Kebangsaan patut-lah Pengelola² Bahagian Melayu ini mendapat penilaian yang tinggi seperti di-Jabatan² lain juga.

Tuan Pengerusi, saya beralah-lah pada muka surat 209 Pechahan-kepala 46—Jabatan Penuntut² Malaysia, London. Saya berchakap ini saya mengulang balek rayuan saya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan sa-orang penuntut Melayu yang sedang belajar di-dalam sa-buah daripada Universiti di-Taiwan di-sana, menuntut dalam bahasa Tiong Hua. Murid ini telah menulis surat kepada saya supaya dapat Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberikan bantuan dengan kadar yang segera, kerana dia di-dalam kesusahan sekarang. Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah pun pergi ka-Taiwan dan telah bertanya sendiri dengan murid ini, Enche' Arifin ini dan telah membuat ka-sanggapan kepada penuntut ini, tetapi hingga hari ini saya sendiri pun memerhati gambar sa-masa dia bergambar dengan Yang Berhormat Menteri belum lagi mendapat bantuan. Harapan saya supaya dapat murid ini di-beri peluang melanjutkan pelajaran dan berjaya dia menjadi sa-orang pemimpin untuk bahasa Tiong Hua dalam negeri ini.

Muka surat 215, Pechahan-kepala Kechil 9—Bantuan kepada Sekolah Ugama Islam Ra'ayat. Tuan Pengerusi, bantuan yang \$608,000 ini rasa saya patut-lah Yang Berhormat Menteri dapat memberikan tambahan yang lebeh besar lagi melalui Kementerian Kewangan, kerana di-Sekolah² Ugama Ra'ayat ini ibu-bapa kena yuran pada tiap² bulan. Bantuan Kerajaan Pusat, saya chadangkan supaya dapat di-naikkan dalam tahun 1968 ini. Umpama-nya kepada sekolah rendah di-beri yang sudah² \$10 di-naikkan-lah kepada \$15. Sekolah Menengah \$14 itu di-beri kepada \$20 dan Sekolah Menengah Tinggi \$20 kepada \$30 kerana Sekolah Rendah ini, Tuan Pengerusi, ibu-bapa di-kampung sangat-lah sedeh saya hendak menyatakan, tetapi kerana ugama hendak menghantar anak² dia belajar sekolah, terpaksa dia kena duit lagi.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu muka surat 216, Pechahan-kepala 14—Pengajian Islam Tertinggi, peruntukan sa-banyak \$386,000. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya dapat Sekolah Menengah Ugama Islam Sultan Muhammad Menengah Tinggi di Negeri Melaka yang baharu² ini telah di-buka oleh ka-Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong dengan rasmi di-Melaka dapat Kerajaan Pusat memberikan pertolongan sama seperti sekolah² yang lain. Sekolah ini telah dibena oleh Kerajaan Negeri dan Pejabat Ugama Islam dan bantuan-nya sekarang ia-lah datang-nya daripada Pejabat Ugama dan Kerajaan Negeri Melaka sahaja. Murid yang belajar di-sana ada 100 orang lebih, mempunyai tiga orang guru. Kerajaan Negeri telah pun ada satu rancangan lagi hendak membena sa-buah sekolah ugama seperti ini juga di-Telok Mas, Melaka, dan berkehendakkan wang yang banyak. Saya berharap supaya Kerajaan Pusat, Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat memberikan peruntukan wang kepada sekolah ini.

Sekian, terima kaseh.

Tuan Toh Theam Hock (Kampar)
(dengan izin): Mr Chairman, Sir, first of all, I support the estimates and I would like to congratulate the Minister and the Assistant Minister of Education for doing a very good job in 1967 in the field of education. I hope they will do a better job in 1968. In this respect, Sir, may I draw their attention to the plight of the recent L.C.E. students who obtained B and C certificates. I am sure the Honourable Ministers will agree with me that this has been the main topic of comment in our country early this year. It has become so important and serious that the L.C.E. topic was even brought up, and rightly so, in Parliament earlier. I must congratulate the Honourable Minister of Education for varying his earlier policy in allowing the L.C.E. students who passed certain subjects to be admitted to school again; but, Mr Chairman, Sir, I would like to draw to the attention of the Honourable Minister that students who qualify to be readmitted back to school are only a

handful and thousands and thousands of B and C certificate-holders have been deprived of their fundamental right and privilege to be educated. Sir, may I, on behalf of the thousands and thousands of these categories of L.C.E. failures and their worried parents and guardians, appeal again to the Honourable Minister to reconsider his decision. From personal knowledge, the schools in Perak alone have hundreds of vacancies in the L.C.E. classes waiting to be filled if only the Honourable Minister will vary his earlier decision. Mr Chairman, Sir, it is a basic and fundamental right that every student be given a second chance. This rule has become more of a common law in the world. Every child or student must be given the right to fail at least once in his schooling days and the abolishment of the Standard Six examination in the past has also contributed to the many L.C.E. failures.

Mr Chairman, Sir, already these thousands of L.C.E. failures are walking the streets and before long will be influenced by the many bad elements and eventually they will become juvenile delinquents, and this will pose a serious social problem for the nation. They can never in their lives expect to be employed, except perhaps as office-boys or labourers. It would be indeed criminal if we at this stage shorten and deprive them of further education and turn them on to the streets to fend for themselves.

Mr Chairman, Sir, we must be realistic in our approach towards these unfortunate students who, through no fault of their own, now find themselves thrown on to the streets and in this terrible situation. If my memory serves me correctly, in the past failures of the L.C.E. were given a second chance to study. Why not now, Mr Chairman, Sir?

Sir, in the name of humanity and with all the emphasis at my command, I appeal to the Honourable Minister to give all the L.C.E. B and C certificate-holders, including those from Removed Classes, provided they are within the proper age and have not failed previously in school, another chance and opportunity to repeat

their L.C.E. examination. I do hope the Minister will be kind enough to give this very important second opportunity to the students. I am sure, if given a second opportunity, many of these students will eventually reach the University and return the favour which we have shown them by becoming useful citizens and play their part to help build a better Malaysia. Thank you, Sir.

Tuan Mohd. Idris bin Matsil (Jelebu-Jempul): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kerana kesuntukan masa, saya akan menyentuh beberapa perkara sahaja dalam bahathan peruntukan Kementerian Pelajaran yang ada dihadapan kita pada petang ini.

Tuan Pengerusi, lebih dahulu saya mengalu²kan dan memberi sokongan atas peruntukan belanjawan Kementerian Pelajaran ini dan suka saya memberi pandangan dan menyentuh kepada tiga perkara; yang pertama ialah pada muka 177, ia-itu Kementerian Pelajaran berkenaan dengan guru² aliran Sains di-Sekolah² Menengah Kebangsaan. Kita sering sekali mendengar ucapan² yang di-lafadzkan oleh Yang Berhormat Menteri sama ada dalam masa pembukaan² rasmi sekolah², atau pun perjumpaan² ramai dan sa-bagai-nya, beliau ada-lah menggalakkan dan menguatkan pelajar² khas-nya pelajar² daripada bumiputra supaya mengambil pelajaran aliran sains dan pada pagi sa-malam Yang Berhormat Menteri Muda di-dalam ucapan-nya pula telah menerangkan kesulitan² kerana kekurangan guru² untuk mengajar aliran sains ini. Walau pun beberapa ikhtiar telah di-adakan, tetapi di-dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Muda, kesulitan² itu mungkin belum lagi dapat di-atasi.

Banyak Sekolah² Menengah Kebangsaan khas-nya, Tuan Pengerusi, yang telah di-dirikan, terutama sa-kali ditujukan kepada Sekolah² Menengah Kebangsaan baharu yang barangkali jauh sedikit daripada Ibu Kota² sa-sabuah negeri itu yang telah pun melengkapkan bilek makmal-nya, tetapi sa-tahun demi sa-tahun tidak mempunyai sa-orang guru sains untuk mengajar sains kepada penuntut²

di-sekolah yang tersebut. Boleh jadi barangkali, Tuan Pengerusi, di-Sekolah Alam Shah di-Cheras Road, Kuala Lumpur ini mempunyai guru² yang berijazah mengajar aliran sains ini, tetapi pada pendapat saya di-Sekolah² Menengah Kebangsaan yang lain, kalau ada pun sa-orang berdua, tetapi banyak yang saya ketahui belum pun ada sa-orang guru yang berijazah yang boleh mengajar pelajaran aliran sains ini.

Jadi, dengan keadaan demikian, Tuan Pengerusi, bagaimana-kah agaknya satu² tindakan yang akan di-ambil oleh Kementerian ini bagi melaksanakan ucapan Menteri-nya yang telah pernah di-ucapkan di-merata² tempat di-dalam negara kita ini bahkan sahari dua yang lalu beliau telah juga berucap kalau tidak silap saya di-Pulau Pinang. Satu daripada chara yang telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda di-dalam ucapan-nya untuk mengatasi masalaah ini ialah dengan mengambil Ahli² Peace Corps Amerika untuk menjadi guru di-dalam pelajaran sains ini. Saya tidak-lah membantah, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, atas kedatangan ahli² Peace Corps ini bahkan menyokong dan patut-lah kita menguchapkan terima kaseh dan tahniah, tetapi kalau-lah mereka di-tugaskan dalam bahagian² Engineering, atau pun bahagian Agriculture saya bersetuju sangat-lah, tetapi kalau di-tugaskan mengajar di-Sekolah² Menengah maka sa-bagai Pengerusi beberapa buah Sekolah Menengah Inggeris, saya pernah memerhatikan chara² mereka mengajar dan pernah bertanya kepada penuntut² yang di-ajar-nya maka boleh di-katakan tidak ada sa-orang pun yang faham apa yang di-ajarkan-nya, kerana loghat, atau orang Negri Sembilan kata telo, atau dalam bahasa Inggeris accent, bahasa Inggeris yang di-lafadzkan oleh ahli² Peace Corps Amerika itu tidak boleh di-fahami langsung oleh penuntut² kita.

Jadi dengan keadaan demikian, maka tidak-lah mendapat sa-barang menafaat dan faedah kepada penuntut² itu, kerana ahli² Peace Corps ini di-datangkan untuk menjadi guru di-dalam sekolah² kita di-dalam Bahagian Sains

dan saya ulangi, Tuan Pengerusi, saya tidak membantah kedatangan mereka itu, tetapi kedatangan mereka itu biarlah di-dalam perkhidmatan yang lain daripada pelajaran.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam masaalah ini juga telah di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Muda sa-malam pelajar² yang digalakkan mengambil aliran sains ini ada-lah di-beri biasiswa² yang lumayan supaya mereka itu boleh meningkat kepada pelajaran hal ehwal sains kemudian hari kelak, tetapi kalau pun galakan ini pada perengkat penuntut² di-Sekolah Menengah sahaja, tetapi manakala mereka melanjutkan pelajaran-nya ka-universiti dan kalau mereka mengambil peranan untuk menjadi guru, dan menjadi guru yang berijazah kelak-nya di-dalam hal ehwal sains, saya kuatir kalau tidak scheme gaji bagi mereka ini di-pertimbangkan sa-bagaimana yang di-suarakan oleh sahabat saya Ahli daripada Sarawak petang tadi, maka mungkin barangkali kita tidak dapat mengatasi kekurangan guru² di-dalam pelajaran sains ini.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kemudian itu saya pergi pula kepada muka 188, ia-itu Lembaga Peperiksaan. Lembaga Peperiksaan ini bagi sa-saorang yang telah pernah melawat pejabat itu tentu-lah berpendapat sa-buah pejabat yang mustahak, walau pun bukan baharu dan pada sedikit masa dahulu bertempat di-sabuah rumah yang tidak begitu sesuai, sempit keadaan-nya dan tidak berapa lama ini saya dapati telah berpindah pula ka-sabuah rumah yang lama juga, tetapi rumah itu boleh tahan dan sesuai, ia-itu bekas Pejabat Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Selangor, kalau tidak silap saya, tetapi keadaan Pejabat itu sangat-lah mendukachitakan Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bukan sahaja bilek²-nya kecil, hendak meletakkan meja pun tidak ada tempat di-pejabat itu, dan kertas bertimbun². Walau pun sekarang keadaan memereksa Kertas² Peperiksaan penuntut² ia-lah dengan menggunakan computer, tetapi kertas² yang keluar daripada computer itu pun tidak ada tempat yang hendak di-taruhkan. Saya berasa kasehan dan dukachita sa-

hingga meja Pengurus itu pun tidak dapat hendak di-chari sa-barang kertas yang mustahak, kerana bertimbun² kertas yang keluar daripada computer tadi di-atas-nya.

Jadi, saya khuatir dan takut, kalau pada tahun yang akan datang Ahli² daripada pehak Pembangkang kalau berlaku-lah keadaan keputusan peperiksaan sa-bagaimana yang telah lalu, ia-itu pada tahun 1967 yang lalu, jangan pula ada tuduhan² yang melulu lagi yang konon kerana chara pentadbiran Lembaga Peperiksaan ini tidak begitu kemas, maka itu-lah satu daripada sebab, maka ramai murid² yang tidak lulus di-dalam peperiksaan L.C.E. Jadi, saya minta-lah Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya memandang berat di-atas perkara ini, walau pun saya di-fahamkan pejabat² yang lain, di-dalam Kementerian² lain ada juga mengikut keadaan² yang demikian, tetapi saya memandangkan pejabat ini ada-lah satu pejabat yang chukup mustahak dan patut-lah dipelihara dengan sa-wajar-nya.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekarang saya pergi kepada muka 216, ia-itu Biasiswa Kechil Persekutuan yang di-untukkan sa-banyak \$2 juta, ia-itu lebih sedikit daripada tahun 1967 yang lalu. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya hanya menyentuh perkara chara² memberikan Biasiswa Kechil ini kepada penuntut² di-dalam negara kita. Saya berharap supaya Kementerian Pelajaran kalau peratoran ini di-fikirkan munasabah supaya mengarahkan ka-Negeri², kerana saya di-fahamkan tiap² Negeri itu mengadakan Jawatan-kuasa Kechil-nya sendiri sa-bagai penapis, atau penapis awal dan kemudian menghantarkan shor²-nya kepada Menteri Pelajaran. Kerana banyak perkara² yang mendukachitakan sa-bagaimana yang saya katakan tadi, mithal-nya sa-saorang penuntut yang chukup baik di-sekolah itu, tetapi malang-nya bapa-nya boleh jadi barangkali sa-orang Pegawai Daerah atau mithal-nya sa-orang Ahli Parlimen, tetapi bukan-lah mengenai diri saya sendiri, maka dengan sertamerta, Tuan Pengerusi, dengan tidak memikirkan berapa belas orang anak yang lain yang maseh bersekolah lagi,

tetapi oleh sebab title, atau kedudukan bapa itu sa-orang Pegawai Division I, sa-orang Ahli Parlimen, sa-orang Ahli EXCO, maka terus di-tolak sahaja permohonan itu. Jadi, patut-lah ada satu² peratoran, satu² kajian yang teliti. Kalau tidak apa-lah faedah-nya borang permintaan Biasiswa Kechil Persekutuan ini ada ruangan tanggungan² bapa atau ibu penuntut yang memohon itu. Jadi, saya berharap-lah Kementerian Pelajaran akan dapat memerhatikan perkara ini dan kalau dapat menghantarkan satu² arahan yang sesuai supaya perkara ini tidak berlaku dan jangan-lah ada sungutan², kerana jangan-lah di-anggap bahawa sa-saorang yang menerima gaji \$1,000 atau \$1,200 itu, tetapi kalau mempunyai 10 orang anak di-sekolah, sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, di-katakan sa-saorang itu yang lumaian hidup-nya.

Yang akhir sa-kali, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ia-itu di-muka 217, berkenaan dengan Buku² Teks. Walau pun perkara ini telah di-sebutkan pagi tadi di-dalam masa soal jawab dan petang ini tadi oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kluang Utara tetapi saya suka juga menyentuh sedikit daripada apa yang dapat saya chatetkan daripada meshuarat² yang telah di-adakan di-sekolah² yang saya Pengerusikan. Buku² Teks ini walau pun ada arahan, Tuan Pengerusi, supaya jangan di-tukar, kalau dapat dua atau tiga tahun sa-kali, tetapi Buku² Teks ini tidak pula sama dengan Buku² Teks di-sekolah yang lain atau di-sekolah yang satu lagi itu sa-bagaimana yang di-bangkitkan pagi tadi mithal-nya di-sekolah A Buku² Teks itu boleh di-pakai dalam dua tahun atau tiga tahun, tetapi jikalau sa-saorang penuntut itu bertukar kepada sekolah B semua Buku Teks itu hendaklah di-gantikan, walau pun keadaan pertukaran itu tidak ramai. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, tetapi sungutan² rasa tidak puas hati sa-umpama itu maseh ada juga lagi terutama anak² Pegawai² Kerajaan, orang² polis kita, orang² ashkar kita yang selalu pindah-randah daripada satu tempat ka-satu tempat dan pindah randah daripada satu sekolah ka-satu sekolah pula yang terpaksa menggantikan Buku² Teks-

nya walau pun baru di-beli dua bulan sahaja, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Dan perkara ini saya di-fahamkan sama ada betul, itu, barangkali Yang Berhormat Menteri Muda Pelajaran sendiri lebeh mengetahui bahawa Kementerian sendiri pula selalu mengubah syllabus itu. Bila di-ubah syllabus itu, mesti-lah di-ubah Buku Teks. Ada-kah benar mengikut keterangan ini bahawa Buku Teks ini selalu berubah kerana syllabus pelajaran di-sekolah² itu pun selalu berubah daripada satu masa ka-satu masa. Akhir-nya, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, walau pun perkara ini perkara kechil, tetapi Yang Berhormat juga telah menyuarakan di-dalam satu dua ucapan yang maseh kita ingat lagi, ia-itu untuk mengecilkan belanja ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai di-sa-sabuah sekolah dan yang mungkin bertukar daripada sa-buah sekolah yang lain, maka uniform penuntut² di-sekolah itu juga patut di-samakan di-seluruh negara Malaysia ini sama ada Malaysia Barat, atau pun Malaysia Timor, sama ada perempuan-nya, sama rata dan laki²-nya pun sama rata, tetapi boleh-lah di-bedzakan dengan memakai tanda lenchana, atau badge sekolah-nya itu dan murid² yang berpindah daripada sa-buah sekolah di-sabuah sekolah, tidak payah-lah murid² itu menggantikan uniform dua tiga pasang yang membelanjakan sampai \$15 atau \$20. Tetapi kalau sa-saorang itu mempunyai lima orang anak, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, makan juga \$100. Jadi, \$100 itu ada-lah jumlah yang besar kapada sa-saorang yang bergaji \$300 atau \$400 Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Jadi, sekian-lah Yang Berhormat Tuan Pengerusi, perkara² yang saya sentoh, tetapi bagaimana pun saya ada-lah memberi sokongan kepada peruntukan Kementerian Pelajaran ini. Terima kaseh.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat): Tuan Pengerusi, saya bangun menyertai menyokong Rang Undang² Perbekalan yang di-minta ini bagi Kementerian Pelajaran ini serta membuat pandangan² yang mana ada pada fikiran saya.

Tuan Pengerusi, Yang pertama, Tuan Pengerusi, saya suka membawa pandangan saya dalam Dewan yang mulia ini kepada muka 188, Butiran (250)—Lembaga Peperiksaan sa-lain daripada perkataan Pengawal Peperiksaan. Berkenaan dengan peperiksaan ini, saya suka menyatakan ia-itu berkenaan dengan peperiksaan yang di-jalankan pada akhir tahun lepas ia-itu di-mana di-dapati kedapatan nama² orang yang mengambil peperiksaan di-kehendaki di-tulis di-atas kertas peperiksaan itu. Oleh kerana bilangan yang masuk peperiksaan itu ada-lah banyak dan juga terdiri daripada berbagai² kaum, barangkali ada juga agak saya semangatkan perkauman timbul pada peperiksaan, kertas² peperiksaan itu. Saya harap menggunakan nama pada kertas² peperiksaan bagi masa yang akan datang. Jangan-lah di-adakan lagi untuk mengelakkan kekeliruan sa-lain daripada perkataan favouritism. Kita sudah dengar bagaimana Dewan ini telah di-tuduh oleh wakil yang tidak bertanggung-jawab dan juga tuduhan yang tidak berasas sama sa-kali, bahawa Menteri ini telah di-pileh kasehkan di-atas keputusan peperiksaan dengan chara perkauman. Apa yang saya dengar wakil yang tidak bertanggung-jawab itu mengenai hal peperiksaan ini, hanya di-ungkitkan sekolah² atau keputusan² yang banyak orang² kita di-situ, jadi dia tidak sebut sekolah² lain yang mana kaum² bumiputera telah tewas di-dalam peperiksaan itu. Jadi, perkara perkauman sa-bagini kira-nya ada lagi terutama sa-kali di-dalam peperiksaan hendaklah, Tuan Pengerusi, menegah-nya.

Yang kedua juga di-dalam masalaah peperiksaan dalam bahasa Inggeris dan di-adakan di-sabelah pagi, tetapi bahasa Melayu, peperiksaan di-sabelah petang. Jadi dalam dua² Kepala² yang saya sebutkan ini dengan tegas-nya menhadangkan supaya di-pinda ia-itu jangan di-pakai nama dan index peperiksaan, hendak-lah di-pakai index sahaja supaya tidak ada kekeliruan. Yang kedua, peperiksaan dalam Bahasa Kebangsaan dengan sebab sa-belah pagi itu mendapat fikiran yang baik hendak-lah di-ubah peperiksaan itu ka-sabelah pagi.

Nombor dua, Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada muka 208, Pechahan-kepala 45—Penyenggaraan Asrama dan Belanja Makanan. Saya rasa elok-lah di-buat satu tempat terutama di-bandar atau di-Ibu Negeri, bagi satu² negeri Malaysia ini asrama di-mana kanak² terutama dari luar bandar hendak meneruskan pelajaran-nya. Perkara ini mustahak, Tuan Pengerusi, kerana kebanyakan anak² luar bandar terpaksa menunggu² bas daripada pukul 5.30 pagi ia-itu menentukan mereka dapat bas yang pertama sa-kali ka-bandar dan juga sampai di-sekolah-nya sa-belum locheng berbunyi. Sekarang sa-telah dengan adanya galakan daripada Kerajaan dan sekarang banyak-lah anak² kita berlumba² mendapatkan pelajaran terutama sa-kali apabila sudah sampai ka-sekolah menengah dan niat ibu bapa serta murid-nya sendiri hendak menamatkan pelajaran-nya sampai mana yang boleh. Jadi sa-telah ada bagini, jangan-lah kita tunggu anak kita itu malas pergi sekolah, kerana bosan tiap² hari kena bangun pukul 4 pagi dan juga terbuang begitu sahaja masa-nya. Jadi saya harap kita banyakkkan lagi asrama² untuk kemudahan² anak² kita, bukan untuk kemudahan orang lain. Kalau sa-kira-nya banyak pelajaran yang di-dapati-nya, maka ma'amor-lah negara kita ia-itu kema'amoran datang-nya daripada pelajaran, tenaga dan usaha-nya.

Tuan Pengerusi, sekarang kita beralah kepada muka 212

Tuan Pengerusi: Masa sudah chukup.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli² Yang Berhormat, saya mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa Rang Undang² Perbekalan tahun 1968, telah sampai pada Kepala² B. 17; B. 18 dan B. 19,—Kementerian Pelajaran dalam Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat ini di-tempohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.